

Bil. 15

**Rabu
5 April 2006**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL:

Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010) (Halaman 14)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi - *Senator*
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. “ Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) – UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) – UMNO
18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yacop - *Senator*
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) – MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO

8. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Taphah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) – PBDS
29. “ Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO

32. Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - *Senator*

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA

15. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Dr. S. Vijayarantnam - *Senator*
16. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. " Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. " Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. " Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. " Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. " Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. " Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. " Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. " Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. " Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. " Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. " Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. " Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. " Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. " Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin (Jerai) - UMNO
15. " Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. " Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRIS
17. " Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. " Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO
19. " Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. " Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasar Puteh) - UMNO
21. " Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. " Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. " Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP

26. Yang Berhormat Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) – MIC
58. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato' Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP

67. Yang Berhormat Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasar Salak) - UMNO
90. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
91. “ Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
92. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
93. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
94. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
95. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
96. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) – UMNO
97. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
98. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
99. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
100. “ Dato' Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
101. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N., S.S.A.P. (Kuala Langat) - UMNO
102. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
103. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
104. “ Dato' Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
105. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
106. “ Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO

-
107. Yang Berhormat Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
 108. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
 109. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
 110. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
 111. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
 112. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
 113. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
 114. “ Tengku Razaleigh bin Tangku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
 115. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
 116. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
 117. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
 118. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
 119. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
 120. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
 121. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
 122. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
 123. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
 124. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
 125. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
 126. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
 127. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
 128. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
 129. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Setiausaha Dewan Rakyat
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

**PETUGAS-PETUGAS
PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Kamisah binti Sayuti
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiyah binti Jamaludin
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Hairan bin Mohtar
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Rabu, 5 April 2006****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan bahawa kemelut dalam persatuan belia seperti konflik Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) adalah sebagai satu 'signal' bahawa belia masa kini perlu direformasi. Adakah Kementerian mempunyai strategi yang membina dalam memangkinakan semula peranan belia di arus perdana masa kini.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Liow Tiong Lai]: Tuan Yang di-Pertua, belia merupakan aset sumber berharga negara. Mereka yang akan mewarisi pimpinan untuk meneruskan hala tuju warga dan negara kita. Kementerian ini bersetuju bahawa perlunya satu perubahan bagi memperkasa semula pergerakan belia di negara ini bagi membolehkan generasi belia berperanan secara aktif dalam pembangunan negara. Dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan juga dengan jelas menegaskan bahawa Rancangan Malaysia Kesembilan yang digubal itu Misi Nasional dan wawasan 2020 adalah satu persiapan untuk diwariskan kepada para belia.

Kepimpinan belia dan pertubuhan belia haruslah memenuhi cita rasa belia, badan-badan belia hendaklah menjadi forum bagi para belia menyuarakan inspirasi generasi mereka. Untuk itu kepimpinan dan keanggotaan pertubuhan-pertubuhan belia sewajarnya diserahkan kepada generasi belia. Dalam hubungan ini Kementerian kini dalam proses menggubal Akta Belia Negara untuk dijadikan kompas panduan hala tuju belia di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini semua pertubuhan termasuk pertubuhan-pertubuhan belia adalah dikawal oleh Pendaftar Pertubuhan Belia. Kementerian Belia dan Sukan berhasrat untuk mendaftar semua pertubuhan belia di bawah Akta Belia yang sedang di peringkat akhir penggubalannya sekarang. Melalui pendaftaran di bawah akta ini nanti, Kementerian Belia dan Sukan boleh mengawasi, memantau, memberi apa-apa nasihat atau mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memangkin dan memperkasakan lagi peranan belia dalam arus pembangunan nasional.

Perbincangan di antara Kementerian dengan pihak Pendaftar Pertubuhan mengenai cadangan mendaftarkan pertubuhan-pertubuhan belia di bawah Akta Belia pada masa ini sedang berjalan. Sekian terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, syabas di ucapkan kepada Kementerian Belia dan Sukan. Hari ini saya terbaca laporan Menteri Belia dan Sukan, mahukan belia-belia menjadi tauke kerana Kementerian menubuhkan Majlis Penggalak Usahawan Belia dan macam-macam program lagilah, yang Kementerian akan buat terutama sekali apabila saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memperkasakan belia ini.

Ini GPMS yang merupakan satu *anchor* kepada masa depan negara. Perdana Menteri kita pun lahir daripada GPMS dan ramai lagi. Saya terbaca satu laporan yang memetik bekas Presiden GPMS, Tuan Yang di-Pertua, Abdul Syukor Ayub, 81 tahun, berkata beliau sungguh sedih dan kecewa melihat kemelut yang melanda GPMS. Kerana GPMS ini ada dua nakhoda, dua kapten, tidak tahu hendak pilih siapa?

Sedangkan Kementerian Belia dan Sukan mahu memperkasakan pertubuhan belia. Dan kita dapat laporan bahawa hampir separuh daripada 400 ribu orang pelajar

setiap tahun yang kemungkinan tercicir untuk melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi. Oleh itu, soalan saya ...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [*Menyampuk*] Banyak betul baru masuk soalan....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...adakah Kementerian melihat persaingan dalam soal *politicking* belia, boleh menjejaskan Misi Nasional Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Lebih-lebih lagi pemimpin belia sekarang seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Apakah KBS hanya melihat masalah GPMS ini yang semakin berlarutan? Apakah KBS hanya memandang satu mata? Walaupun GPMS dan pertubuhan lain berada dalam di bawah Pendaftar Pertubuhan. Minta penjelasan sedikit daripada Timbalan Menteri Belia dan Sukan. Terima kasih.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut kerana begitu prihatin dengan pertubuhan-pertubuhan belia. Mengenai kedudukan kemelut Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) masa kini, ia masih dalam tindakan Pendaftar Pertubuhan. Kementerian ini difahamkan bahawa kedua-dua pihak yang terlibat dalam kemelut ini telah pun memanjangkan laporan masing-masing kepada Pendaftar Pertubuhan dan Pendaftar Pertubuhan sedang dalam tindakan menyemak laporan yang dikemukakan serta menjalankan siasatan tertentu ke atas dua-dua pihak yang terlibat.

Kementerian Belia dan Sukan memang prihatin tentang keadaan ini dan sentiasa akan memerhatikan kemajuan perkara ini. Pada masa ini kita mengambil tindakan menagguhkan bantuan kewangan kepada GPMS sehingga kemelut ini dapat diselesaikan dengan secepat mungkin. Kementerian Belia dan Sukan juga memang ada berhubung dengan belia menganggur ini dan memang mengambil perhatian tentang belia-belia yang tercicir daripada sistem pendidikan serta bagaimana cara kita hendak memperkasa belia-belia ini.

Baru-baru ini kita juga sedang dalam proses mewujudkan Majlis Penggalakan Ekonomi Belia. Melalui Majlis Penggalakan Ekonomi Belia ini kita harap dapat menjadikan *one stop agency* untuk membantu belia-belia dalam membangunkan usahawan mereka. Dan melalui bantuan Kementerian Belia dan Sukan, kita harap juga dapat memberi bantuan kewangan seperti pinjaman kepada belia untuk menjalankan perniagaan mereka. Terima kasih.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Timbalan Menteri. Yang Berhormat sebut tadi bahawa baru ini, kita pun sama-sama dengar Perdana Menteri ada sebut dalam ucapan RMK-9 bahawa kepimpinan belia hendaklah diserahkan kepada orang muda. Itu pada saya ucapan itu merupakan *directive*. Tapi soalan tambahan saya ialah *directive* yang sebegini datang dalam ucapan yang begitu penting, saya hendak tahu bila *deadline* nya? Adakah hendak tunggu akhir Rancangan Malaysia Kesembilan? Pertengahan Rancangan Malaysia Kesembilan? Tunggu *midterm review* atau hendak buat tahun ini, sesi ini atau sebelum habis bulan Jun ini?

Sebab saya tengok, saya pun kadang-kadang rakyat pun *fed-up* tengok pemimpin belia datang. Hendak kata bawa tongkat itu tidaklah tapi hampir-hampir bertongkatlah kadang-kadang pemimpinnya sampai umur 56, 57, 65. 65 pemimpin belia, belia apa ini? Saya minta komitmen daripada Yang Berhormat Menteri, bila sebenarnya, bila?

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat daripada Ketereh, memang ini merupakan satu inspirasi juga belia agar pemimpin pertubuhan belia dipimpin oleh belia sendiri. Dan bagi Kementerian Belia dan Sukan, seperti yang telah saya nyatakan tadi kita sudah dalam peringkat akhir menggubal Akta Belia ini dan kita berharap dapat membentangkan Akta ini ke Parlimen dalam sesi Jun yang akan datang ini. Memang ada tarikh yang telah kita tetapkan dan kita juga telah membincangkan Akta Belia ini di Majlis Perundangan Belia Negara dan juga disokong oleh Majlis Belia Perundangan Belia Negara di mana had umur itu di had kepada 40 tahun ke bawah iaitu bagi mengikut Dasar Belia Negara pada hari ini. Sekian terima kasih.

2. **Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah jualan-jualan dalam paket kecil terutamanya kopi tenaga segera benar-benar berkhasiat seperti yang dinyatakan atau memberi kesan sampingan yang memudaratkan dalam jangka masa panjang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa prihatin tentang keselamatan makanan sama ada yang diimport atau produk-produk tempatan yang dijual di negara ini. Tindakan ini dilakukan dengan menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan di pintu-pintu masuk negara dan di pasaran domestik. Semua produk makanan yang dijual di negara ini tidak dibenarkan membuat sebarang akuan kesihatan. Oleh itu sebarang akuan khasiat untuk kesihatan adalah dilarang. Sekian.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Tuan Yang di-Pertua terima kasih jawapan dari kerajaan tadi. Persoalannya di sini, prihatin dan kawalan bukan merupakan satu tindakan yang menjurus kepada prosedur ataupun tindakan yang berbentuk undang-undang. Apa yang kita nampak jualan minuman segera kopi ini berleluasa. Di warung-warung baik di kampung dan di bandar dan di kantin sekolah pun ada dan kita seolah-olah nampak seperti satu ketagihan. Dia ada bermacam-macam nama ada bermula dengan kacip, ada bermula dengan tongkat. Kita bimbang satu hari Fatimah ke mana, Ali pun ke mana. Dan kita menerima beban Kementerian Kesihatan akhirnya menerima beban, mereka ini akan menjadi pesakit kronik. Apakah sebenarnya tindakan yang lebih drastik dalam hal ini? Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat, kita memang ada undang-undang untuk mengawal di negara ini iaitu di bawah Akta Makanan dan juga Peraturan Makanan 1985. Dan apa yang dikatakan tadi itu berkaitan dengan Tongkat Ali, dan juga dengan campuran di dalam kopi ini. Memang ianya boleh dibenarkan, cuma dia tidak boleh membuat akuan seperti kata kopi Tongkat Ali kita tidak benarkan tetapi dia mesti mengatakan kopi campuran Tongkat Ali, itu boleh kita benarkan. Kerana ia memang menyatakan sesuatu yang benar. Iaitu minuman ini dia memang mengandungi Tongkat Ali yang dibenarkan. Sekian.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih setiausaha Parlimen. Selalunya apabila kita masuk ke kedai-kedai minuman dihidangkan dengan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jerlun tadi kopi campuran Tongkat Ali, Kacip Fatimah dan bermacam-macam dan kemungkinan yang ditakuti oleh Yang Berhormat bagi Jerlun tadi adalah kesan daripada perkara-perkara tersebut menyebabkan penyakit kronik. Masalah yang selalu kita risaukan adalah tentang kesan keracunan daripada barang-barang makanan.

Sekarang ini pasaran kita dilambakkan dengan perkara-perkara untuk menghilangkan racun-racun tersebut, misalnya plaster untuk membuang racun yang dilekatkan di tapak kaki. Saya rasa ini mungkin tidak ada kajian saintifik ataupun kesan saintifik yang boleh kita dapat daripada plaster ini. Jadi apakah tindakan kementerian berhubung dengan kesan mengurangkan racun dengan adanya bahan-bahan seperti tersebut. Sekian. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan racun ini, misalnya kita ambil Kopi Tongkat Ali, jika kandungan campuran Tongkat Ali dalam kopi ini adalah kurang daripada 80 peratus, bermakna kita mengklasifikasikannya sebagai makanan iaitu kopi campuran Tongkat Ali. Tetapi kalau kandungan Tongkat Alinya lebih daripada 80 peratus, bermakna ini adalah satu ubat dan ia akan diklasifikasikan di bawah Akta Racun. Ini adalah apa yang kita jalankan di Kementerian Kesihatan. Berkaitan dengan plaster yang dikatakan tadi itu, ia memang lainlah kerana ia bukan makanan.

3. **Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan prosedur pendaftaran pindah milik kenderaan terpakai dan tindakan penyelesaian terhadap kes-kes penipuan pindah milik akibat dari ketidakkebalan prosedur berkenaan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini pertukaran hak milik kenderaan adalah ditentukan berdasarkan kepada Seksyen 13(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Mengikut prosedur pertukaran hak milik kenderaan yang ada sekarang, pemilik kenderaan yang

ingin membuat pertukaran hak milik hanya perlu mengemukakan borang dan dokumen-dokumen yang lengkap dan betul untuk dikemukakan di kaunter pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan. Seterusnya urusan pertukaran hak milik dijalankan oleh pegawai di kaunter berdasarkan data yang terdapat dalam dokumen-dokumen yang dikemukakan itu tanpa pemeriksaan fizikal kenderaan tersebut.

Bagi mengatasi masalah kes-kes penipuan semasa proses pindah hak milik kenderaan dilakukan JPJ telah mengambil tindakan dan langkah-langkah seperti berikut:

- (i) JPJ telah membangunkan sistem komputer dengan menyediakan beberapa projek elektronik:
 - (a) nombor identiti kenderaan (NIK) bagi kenderaan yang dikeluarkan di negara ini;
 - (b) nombor identiti kenderaan import (NIKI) bagi kenderaan yang diimport ke negara ini;
 - (c) pendaftaran secara elektronik menerusi e-Daftar; dan
 - (d) sistem penghantaran dan pembatalan tuntutan hak milik secara elektronik menerusi e-Hak Milik.
- (ii) mengadakan sistem *link-up* dengan Jabatan Pendaftaran Negara untuk menentukan kesahihan maklumat pemunya kenderaan; dan
- (iii) menguatkuasakan arahan mengenai pengesahan identiti pemunya berdaftar sebelum pertukaran hak milik kenderaan dilakukan.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kaedah atau prosedur yang dinyatakan tadi tidak dapat mengelakkan daripada kes-kes penipuan kereta curi yang didaftarkan, kereta curi yang disandarkan kepada syarikat kewangan untuk tujuan pinjaman dan masalah ini timbul adalah akibat daripada kegagalan prosedur berkenaan terutama sekali bagi memastikan nombor *chassis* dan nombor enjin kereta tidak sama dengan nombor yang didaftarkan di dalam kad pendaftaran kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan kes-kes ini berlaku diakibatkan oleh adanya kompromi atau kerjasama di antara peniaga-peniaga kereta terpakai dengan sebahagian kecil kakitangan jabatan berkenaan [*Disampuk*] dan ini banyak berlaku. Akibatnya walaupun penjual kereta telah menjualkan keretanya - telah mengangap kereta itu telah pun dijual, tetapi nama kereta berkenaan masih di bawah nama penjual berkenaan. Saya ingin tahu tindakan kementerian terutama sekali untuk *regulate* perniagaan yang dilakukan oleh peniaga-peniaga kereta terpakai ini.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Pertama, memang ada dalam Seksyen 13(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang mensyaratkan bahawa pemindahan hak milik mesti dilakukan dalam tempoh tujuh hari selepas pemindahan hak milik itu dilakukan. Jikalau ini tidak dilakukan maka ia adalah satu kesalahan.

Kedua, mengenai kelemahan sistem ini saya memang bersetujulah dengan Yang Berhormat bahawa sistem ini mempunyai kelemahan-kelemahan tertentu. Maka itulah sebab kita dari masa ke semasa telah pun menjalankan dan melaksanakan pelbagai sistem yang kita harapkan dapat menyelesaikan masalah pemalsuan dan penipuan yang telah dan sedang berlaku.

Untuk makluman Yang Berhormat, JPJ sekarang sedang mengkaji dan melihat dari segi akta bahawa kita menimbangkan kemungkinan untuk mewajibkan pemeriksaan fizikal ke atas semua jenis kenderaan persendirian sebelum urusan niaga pertukaran hak milik dijalankan. Itu yang pertama.

Yang kedua, kita mungkin melihat bagaimana kita hendak menggunakan sistem verifikasi cap cari dan borang bersekuriti tinggi untuk melaksanakan urusan niaga pertukaran hak milik ini. Dengan selesainya kajian ini, kita harap dalam masa yang terdekat kita dapat mengaturnya satu sistem untuk mencari jalan bagaimana kita hendak mengurangkan *loopholes* dalam sistem kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Bolehkan saya mendapat tahu apakah pemantauan yang dibuat semasa tukar milik dibuat apabila kenderaan-kenderaan yang tertentu yang telah dideklarasikan sebagai *total loss* oleh syarikat insurans, tetapi ditukar milik dan sedia berada di atas jalan raya.

Kedua, ada kenderaan-kenderaan yang terlibat teruk dalam kemalangan dipotong sebahagiannya, kemudian disambung dan selepas itu ditukar milik. Banyak kes yang telah dibawa ke perhatian saya dan saya difahamkan PUSPAKOM dan JPJ kata, ini okey walaupun disambung. Apakah *assurance* yang tertentu dapat diberi bahawa perkara-perkara ini tidak akan terjadi, dan jika terjadi adakah *consumer* berkenaan ada hak-hak yang tertentu?

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Pertama, saya tidak berapa setuju dengan Yang Berhormat yang mengatakan PUSPAKOM telah mengatakan kereta sambung itu okey. Kalau Yang Berhormat boleh memberikan maklumat kepada saya siapakah pegawai yang memberitahu Yang Berhormat bahawa kereta sambung itu dapat didaftar, saya minta Yang Berhormat berikan kepada saya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya boleh bagi.

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang kedua, memang kita menyedari bahawa itulah kelemahan-kelemahan sistem yang sedia ada. Oleh sebab itu kita sedang merangka bagaimana kita hendak mengaturkan sistem yang lebih berkesan untuk mengatasi masalah-masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Memang inilah masalah-masalahnya.

[Soalan No. 4 - Y. B. Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang] tidak hadir]

5. Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah rasionalnya mengenakan sumbangan wajib RM100 bagi setiap kereta yang dikeluarkan oleh syarikat kenderaan bagi membiayai "*Road Safety Fund*". Apakah hasil kajian, jika ada berkenaan punca keseriusan kemalangan jalan raya ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, cadangan penubuhan Tabung Amanah Keselamatan Jalan Raya telah pun dipersetujui oleh kerajaan. Tabung yang ditubuhkan ini adalah berasaskan kepada program pembiayaan sektor swasta yang berjaya dilaksanakan di negara-negara maju di mana perbelanjaan tabung tersebut digunakan bagi membantu membiayai aktiviti berhubung dengan keselamatan jalan raya.

Bagi menjayakan Tabung Amanah Keselamatan Jalan Raya ini pihak industri yang terlibat telah dengan sukarelanya memberi persetujuan untuk memberikan sumbangan mereka termasuk wakil daripada industri motokar bersetuju memberikan sumbangan sebanyak RM100 bagi setiap kenderaan baru yang didaftar.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian yang telah dijalankan oleh Universiti Putra Malaysia, terdapat tiga faktor utama kemalangan jalan raya boleh berlaku. Faktor-faktor tersebut adalah:

- (i) faktor manusia - 67 peratus kemalangan;
- (ii) keadaan jalan dan alam sekitar - 28 peratus; dan
- (iii) keadaan kenderaan - 5 peratus.

Bagi faktor manusia, kemalangan boleh berlaku kerana pemandu yang terlibat memandu melebihi had laju, menggunakan lorong kecemasan, mengikut kenderaan terlalu rapat, memotong garisan berkembar dan memotong barisan. Bagi faktor jalan dan alam sekitar pula, punca kemalangan disebabkan seperti jalan yang berselekeh tajam dan berlubang, sementara bagi faktor kenderaan punca kemalangan disebabkan lampu brek yang tidak menyala, rosak dan brek rosak.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, buat masa ini pemilik kenderaan baru kena bayar

duti eksais, cukai jualan, insurans, cukai jalan dan P-pendaftaran. Apakah jaminan daripada pihak kementerian bahawa RM100 ini yang dikenakan ke atas sektor swasta industri ini tidak akan ditolak beban ini ke atas pemilik kenderaan baru? Kalau kita tengok sekarang ini walaupun ada Ops Sikap, Ops Statik pada masa perayaan, tetapi kemalangan masih berlaku begitu tinggi. Apakah pihak kementerian ada mengkaji *syllabus* dalam peperiksaan bagi memandu kenderaan ini sesuai? Apakah ada masalah dalaman yang menyebabkan mereka memiliki lesen memandu sedangkan mereka tidak layak lulus?

Dari aspek ini biar kementerian membuat kajian, dan mengapakah tidak boleh konsesi lebuhraya ini diberi satu tanggungjawab sosial untuk mengadakan kempen keselamatan jalan raya dan mengapa perlu menghisap darah lagi pihak *consumer*
[Dewan riu]

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...sebab amat risau mereka beban RM100 ini akan ditolak ke atas bahu pemilik kenderaan baru ini?

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah dengan penuh emosinya.

Pertamanya saya ingin memberitahu Yang Berhormat bahawa memang konsesi lebuhraya kita sentiasa terlibat dalam kempen keselamatan jalan raya. Saya harap Yang Berhormat bacalah surat khabar, khususnya semasa musim perayaan di negara kita mereka ini sentiasa terlibat dan menyumbang. Mungkin Yang Berhormat yang tidak menyumbang kepada masalah ini.

Kedua, program keselamatan jalan raya kita telah pun menunjukkan kesannya kita dapat membuktikan. Misalnya, dari segi kadar kematian di jalan raya bagi 10,000 kenderaan berdaftar, kita telah berjaya menurunkannya dari 8.2 pada tahun 1996 kepada 4.1 pada tahun 2005. Jadi inilah buktinya bahawa program keselamatan jalan raya membawa kesan yang baik.

Mengenai jaminan bahawa RM100 ini tidak dibebankan kepada pemunya - orang awam, memang kementerian memberitahu kepada industri motor bahawa ini adalah tanggungjawab mereka, sebab itulah mereka sendiri pun telah bersetuju untuk menyumbang, kerana mereka merasakan mereka adalah *stakeholder* dalam masalah ini. Mereka dengan sukarela sama-sama hendak menyumbang kepada keselamatan jalan raya kita.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya tindakan kerajaan ini akan mendapat sokongan daripada seluruh lapisan masyarakat kerana ia bakal membantu dalam mengurangkan kemalangan di jalan raya. Saya ada dua soalan tambahan di sini:

- (i) apakah pula peranan syarikat-syarikat insurans dalam membantu menyumbang kepada tabung ini kerana mereka sebenarnya terlibat secara langsung dalam menyelia kenderaan-kenderaan yang terlibat dengan kemalangan dan saya percaya syarikat-syarikat insurans terutama PIAM dan sebagainya boleh membantu dalam meningkatkan hasil kutipan; dan
- (ii) saya ingin tahu agensi badan mana yang akan menjaga tabung ini kerana kempen ini akan dijalankan oleh banyak peringkat. Adakah diletakkan di bawah satu-satu agensi tertentu ataupun hanya di bawah Kementerian Pengangkutan sahaja.

Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

- (i) memang syarikat-syarikat insurans ini adalah satu *stakeholders* dalam masalah keselamatan jalan raya, maka mereka telah juga bersetuju menyumbang 0.25 peratus dari premium kasar yang dikutip oleh insurans-insurans *company*. Itu telah dipersetujukan;

Begitu juga pembuat motosikal, di negara kita pun telah bersetuju kerana untuk menyumbang kepada tabung ini maka beberapa kumpulan *stakeholders* dalam masalah ini pun telah sama-sama bersedia untuk menyumbang kepada tabung keselamatan jalan raya ini. Kita mendapat sokongan yang baik daripada beberapa pihak yang berkaitan;

- (ii) mengenai pengurusan tabung ini, ia adalah diurus oleh Kementerian Pengangkutan sahaja.

Terima kasih.

6. Dato' Seri Diraja Syed Razlan Ibni Syed Putra Jamalullail [Arau] minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan adakah sudah tiba masanya kita mereka bentuk dan mengeluarkan teksi yang berkapasiti 4 penumpang dewasa di samping ruang penyimpanan bagasi yang luas untuk menggalakkan industri pelancongan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Haji Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) telah menyediakan tiga jenis perkhidmatan teksi iaitu perkhidmatan bajet, premier dan keluarga. Ketiga-tiga jenis perkhidmatan tersebut telah mengambil kira semua aspek perkhidmatan teksi termasuk keselesaan, keselamatan, keupayaan enjin, kapasiti tempat duduk dan struktur kadar tambang yang sesuai untuk memenuhi pelbagai keperluan pengguna.

Bagi kategori penumpang yang memerlukan perkhidmatan yang lebih selesa dan keperluan penumpang berkeluarga, terutamanya pelancong, perkhidmatan teksi premier dan teksi bersaiz keluarga dapat memenuhi cita rasa dan kehendak mereka. Perkhidmatan teksi berkeluarga bermakna kapasiti melebihi tujuh penumpang, ruang bagasi yang lebih luas, menggunakan kenderaan besar MPV dan enjin lebih 2000 cc. Sehubungan dengan itu, MECD tidak bercadang untuk mengubah kelas-kelas perkhidmatan teksi yang sedia ada pada masa ini. Terima kasih.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan Ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa kesal sekiranya kementerian tidak ada cadangan atau rancangan untuk hendak ubahsuaikan kelas-kelasnya. Oleh kerana baru-baru ini Yang Berhormat bagi Jerai memberitahu saya bahawa empat orang daripada luar negara keluar daripada teksi Proton, nampak macam sardin. Jadi, *absorbemya* selepas turun ranap tidak naik lagi. *[Ketawa]* Selepas dia keluar itu.

Jadi, sekarang ini, mereka datang dari luar negara hendak melancong, bawa beg banyak, kalau tidak ada satu teksi untuk digunakan sebagai promosi melawat Malaysia kita akan hilang pelancong-pelancong yang datang dari luar negara. Boleh atau tidak kita cadangkan di sini, kementerian mengambil satu tindakan untuk membuat satu reka bentuk yang sesuai, baru dan selesa untuk badan-badan macam saya, Yang Berhormat bagi Jerai, *[Ketawa]* macam Yang Berhormat bagi Kepong itu tidak apalah, pasal dia tidak payah *[Disampuk]* dan sesuai selesa sikit. Terima kasih.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dijelaskan tadi bahawa keperluan penumpang diambil kira oleh kementerian di dalam memberikan perkhidmatan teksi. Seperti yang dinyatakan juga bahawa terdapat tiga jenis teksi iaitu:

- (i) *Bajet* – merupakan teksi yang biasa mungkin yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Arau tadi;
- (ii) *Premier* – iaitu kereta Perdana 2000 cc dan juga *Mercedes*, dan kereta ini biasa digunakan oleh pelancong-pelancong asing yang berbadan besar, termasuk saya sendiri; dan juga
- (iii) bagi yang berkeluarga iaitu kita sediakan juga perkhidmatan teksi jenis *MPV*, yang boleh memuat sehingga tujuh orang dan muatan yang cukup dikira boleh mengangkut penumpang-penumpang yang ada.

Perkhidmatan teksi ini terdapat di Lapangan Terbang KLIA. Sekiranya Yang Berhormat bagi Arau boleh berpuas hati dengan kedudukan kelas yang ada sekarang ini, saya rasa itu sudah memadai. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bercakap tanpa pembesar suara] [Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Kepong boleh duduk atas riba saya. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebenarnya Yang Berhormat bagi Arau pun tidak berminat dengan teksi langsung. *[Ketawa]* Tidak berminat! Saya tidak pernah lihat dia naik teksi pun. *[Disampuk]* Bolehkah Yang Berhormat terangkan berapa syarikat sekarang yang mempunyai teksi-teksi di KLIA misalnya, berapa syarikat? Dan, apakah yang dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan semua pemandu teksi itu beretika, tidak mengecaj dengan lebih kepada penumpang-penumpang ini.

Memang satu perkara yang penting, walaupun Yang Berhormat bagi Arau tidak mengendahkan hal ini, kita mestilah menjaga imej kita di negara ini, macam mana kementerian dapat memastikan kita dapat menjaga imej kita melalui teksi ini.

Beberapa Ahli: Keluar tajuk, keluar tajuk. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Menteri hendak jawab boleh, tidak mahu jawab pun boleh juga.

Seorang Ahli: Jawab tidak apa, tidak jawab pun tidak apa. *[Ketawa]*

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Yang boleh saya jawab, saya jawablah. Tuan Yang di-Pertua, bagi perkhidmatan teksi, khususnya Limousin di KLIA iaitu Airport Limo Sdn. Bhd. yang telah ditender, yang mendapat tender pada tahun 1998 dan syarikat ini yang telah bergabung dengan Konsortium Seleka Sdn. Bhd. Dan, juga KUPPF pada 8 Ogos 2000 dan terdapat perkhidmatan teksi bajet, limo dan juga *premier* iaitu termasuk teksi jenis keluarga MPV.

Bagi memastikan perkhidmatan pemandu yang beretika maka kementerian sentiasa memantau pemandu-pemandu ini dengan mengadakan beberapa kursus-kursus pemanduan dan juga kursus motivasi terhadap pemandu ini termasuklah mendedahkan mereka kepada bidang keusahawanan.

Selain daripada itu, melalui etika yang ada juga termasuklah mereka ditekankan untuk mengambil penumpang tanpa mengira masa dan tempat dan juga beroperasi di kawasan yang telah disediakan tanpa mengganggu kawasan-kawasan yang lain. Sekiranya terdapat penyelewengan-penyelewengan di dalam perkara ini maka tindakan-tindakan akan diambil iaitu termasuklah menggantung, memberi amaran dan juga semua yang terdapat dilakukan melalui penyediaan sistem aduan oleh kementerian melalui talian terus dan juga SMS dan semua aduan-aduan yang diterima daripada penumpang atau pengguna akan diambil tindakan yang tegas oleh pihak kementerian.

Setakat ini kementerian telah pun mengambil tindakan terhadap pemandu-pemandu yang melanggar etika perkhidmatan teksi termasuk pengangkutan awam yang lain, bas dengan memberi amaran menggantung lesen dan juga membatalkan lesen mereka.

7. Datuk Haji Mohd Said bin Haji Yusof [Jasin] minta Menteri Kewangan menyatakan disebalik usaha kerajaan untuk membantu Proton supaya berdaya maju, sedarkah kerajaan bahawa institusi kewangan dalam negara mengenakan kadar faedah yang lebih tinggi bagi kereta nasional jika dibandingkan dengan kereta luar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, kadar faedah bagi pinjaman sewa beli adalah tertakluk kepada peruntukan di bawah Akta Sewa Beli 1967 yang mana kadar faedah maksimum yang boleh dikenakan oleh institusi kewangan tidak boleh melebihi 10 peratus, kadar sama rata ataupun *flat-rate* setahun.

Oleh yang demikian, institusi kewangan boleh menetapkan kadar faedah ke atas pinjaman kenderaan berdasarkan polisi penetapan harga institusi kewangan

masing-masing, selagi kadar faedah yang dikenakan tidak melebihi peruntukan yang telah ditetapkan oleh Akta Sewa Beli 1967 tersebut.

Secara amnya penentuan kadar faedah bagi pembiayaan kenderaan adalah berdasarkan risiko yang terbabit tanpa membezakan antara kenderaan buatan nasional ataupun luar negara. Faktor-faktor yang diambil kira dalam menentukan kadar faedah berkenaan adalah margin pembiayaan, tempoh pembiayaan dan nilai jualan semula ataupun ketersediaan pasaran kereta terpakai.

Di samping itu tahap persaingan yang sengit telah pun mendorong beberapa pembuat ataupun pengedar kenderaan untuk menawarkan rebet bagi model tertentu untuk mempertingkatkan jualan kenderaan dan kawalan pasaran mereka. Berikutan itu kadar faedah yang dikenakan bagi pembelian sesetengah model adalah lebih rendah berbanding dengan kadar faedah kenderaan ataupun model lain termasuk kenderaan nasional.

Sebagai contoh kadar-kadar faedah yang dikenakan bagi pembelian kenderaan mengikut jenis adalah seperti berikut: Contohnya Proton, kadar faedah 3.5 peratus. Ini sebagai purata, Tuan Yang di-Pertua. Proton Perdana 3.3 peratus, Toyota Vios 2.48 peratus, Toyota Avanza 3.38 peratus, Proton 4 peratus. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih setiausaha Parlimen. Proton adalah kebanggaan kita, maruah Proton seolah-olah maruah kita rakyat Malaysia. Kita lihat pada hari ini banyak institusi kewangan, kereta luar negara, kereta yang dikeluarkan oleh luar negara tidak lebih daripada 3 peratus tetapi rata-rata kereta Proton, Proton Perdana mahupun Perodua, kereta negara kita, lebih daripada 3 peratus, 3.25 peratus, 3.5 peratus tetapi Mazda 2.95 peratus, 2.85 peratus, 2.75 peratus. Tidakkah boleh Kementerian Kewangan yang mempunyai kuasa di atas institusi-institusi kewangan ini meminta semua syarikat kewangan dalam negara ini memberi harga faedah termurah untuk kereta kebangsaan kita. Barulah kereta kita ini boleh maju. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia kita sudah ada peraturan-peraturan tertentu dan pihak kerajaan memang memberi kebenaran kepada bank-bank ini selagi ia mengikut kadar yang ditetapkan di bawah akta memang mereka boleh buat dan mereka boleh mengenakan pelbagai kadar yang mereka fikir sesuai untuk penjualan kereta-kereta ini.

Tetapi pada peraturannya memang kalau kita lihat kepada perangkaan yang ada pada saya ini bank-bank, contohnya EON Bank, May Bank, Am Bank, BCB, mereka memang caj lebih kadar faedahnya terhadap kereta nasional dan kereta yang diimport kurang sedikit kadar faedahnya. Tetapi Public Bank, ia terbalik pula. Untuk kereta nasional rendah daripada kereta bukan nasional, jadi memang ada perbezaan di dalam berkenaan kadar oleh bank-bank, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya ingat tidak perlu kerajaan hendak arahkan supaya bank mengurangkan kos ini, *market forces*, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan pengumuman baru-baru ini Dasar Automotif Nasional di mana tidak nampak ada banyak pengurangan harga proton yang bererti bila rakyat boleh menikmati pengurangan harga proton yang lebih adil dan munasabah mengikut National Automotive Policy yang ada bersangkutan paut dengan *car financing* ini.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kerajaan telah mengurangkan kadar import kereta yang dibawa daripada luar. Kadar import sama ada part sahaja atau seluruh kereta itu. Dalam hal ini sebenarnya *local* komponen kereta proton lebih tinggi daripada import komponen. Sebenarnya proton tidak pun *enjoy* dengan izin seperti yang didapati oleh model-model yang diimport keseluruhannya. CBU misalnya ia mendapat kekurangan import duti ini lebih tinggi kerana Proton contohnya kalau yang menggunakan enjin *camp pro* misalnya sebenarnya ia tidak *enjoy* import duti yang dikurangkan. Tetapi kalau proton yang menggunakan enjin yang di import, maka ia dapat kekurangan duti import ke atas enjin itu sahaja. Yang lain-lain tidak dapat dikurangkan. Oleh sebab itu dalam hal ini harga proton dikurangkan agak sedikit kalau dibandingkan dengan model-model yang diimport seperti *Mercedes* dikurangkan sehingga 40 ribu ringgit tetapi proton

dikurangkan hanya lima atau enam ribu ringgit dua tiga ribu ringgit sahaja kerana ia tidak *enjoy* dengan izin import *duty* yang dikurangkan itu.

8. Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan apakah yang menyebabkan harga getah asli di pasaran sekarang ini melonjak dan senaraikan harga tertinggi setiap tahun dari 1990 sehingga kini bagi getah beku dan getah SMR.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Anifah bin Haji Aman]: Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga getah yang sedang dinikmati oleh pekebun kecil sekarang ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut; pertama, permintaan yang meningkat khususnya dari negara China akibat dari pertumbuhan ekonomi yang pesat di negara tersebut.

Kedua, peningkatan harga petroleum menyebabkan harga getah tiruan iaitu pesaing kepada getah asli meningkat.

Ketiga, keadaan cuaca yang tidak menentu menjejaskan pengeluaran getah. Cuaca panas yang berlaku pada bulan Januari hingga April setiap tahun mengakibatkan daun pokok getah akan luruh yang seterusnya menyebabkan hasil pengeluaran terjejas. Di samping itu, musim hujan yang melanda negara-negara pengeluar utama turut menjejaskan hasil pengeluaran.

Keempat, kerjasama tiga negara pengeluar terbesar getah Indonesia, Malaysia dan Thailand dalam dengan izin *International Tripartite Rubber Corporation* telah mengimbangi penawaran dan permintaan getah dunia dan terus memberikan sentimen yang positif ke atas pasaran getah.

Kelima, ketidakstabilan yang berlaku di Selatan Thailand yang menyebabkan pengeluaran getah di kawasan tersebut berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, berpandukan kepada ramalan bahawa pertumbuhan ekonomi akan bertambah baik terutamanya sekali di industri automobil di China dan industri pembuatan di India, permintaan getah asli dijangka akan terus berada di peringkat yang tinggi seperti yang kita harapkan.

Berkaitan dengan harga SMR 20 dan getah beku pada tempoh dari 1990 hingga 2005 harga SMR 20 pada tahun 1990 adalah 214 sen sekilogram dan 83.3 sen sekilogram masing-masing. Peningkatan harga telah meningkat secara perlahan sehingga tahun 2002 kepada 394 sen sekilogram dan 124.63 sen sekilogram masing-masing. Pada tahun 2005 harga kedua-dua produk getah telah melonjak kepada 631.50 sen sekilogram dan 293.38 sen sekilogram masing-masing. Terima kasih.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita amat bersyukur kerana harga getah pada hari ini meningkat sehingga ke satu paras yang tertinggi dalam tempoh beberapa tahun. Dan peningkatan ini, kita tahu disebabkan beberapa faktor sebagai mana yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi. Saya rasa hari ini dengan peningkatan petroleum yang menjadi isu kepada mereka yang tertentu, saya rasa dapat diimbangi dengan kenaikan harga getah.

Sebenarnya orang kampung tidak merasa sangat kenaikan harga minyak ini tetapi saya hendak tanya di sini, apakah kementerian mengawal pembelian harga getah di peringkat bawah. Contohnya di kampung-kampung yang mana harga ini dibeli oleh pelesen dengan harga yang tidak menentu. Kadang-kadang ada RM3, ada RM3.20 dan RM3.50. Saya hendak tahu apakah kementerian ada membuat kawalan dan saya meminta kementerian supaya mengambil berat perkara ini kerana kita tidak mahu orang bawah yang menjadi mangsa kepada pelesen-pelesen yang tidak bertanggungjawab dan mereka ini mendapat keuntungan yang besar dengan kenaikan harga getah pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Anifah bin Haji Aman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Kementerian memang selalu peka terhadap perkara-perkara yang tersebut di mana dalam masa harga yang begitu meningkat, kita juga mahu petani-petani kita terutama sekali penoreh-penoreh getah menikmati kenaikan harga itu. Kementerian selalu memantau dari masa ke semasa sekiranya ada perkara-perkara seumpama ini berlaku dan kita memanglah begitu prihatin tentang yang kita panggil *farm gate price* di mana sekiranya ada di antara pelesen-pelesen yang

melanggar etika ataupun syarat-syarat yang dikenakan, kita tidak akan teragak-agak mengambil tindakan dan juga pasaran seumpama itu juga dikawal secara apa yang kita panggil dengan izin *willing buyer willing seller* di mana terpulanglah kepada penjual untuk menjual dengan harga yang munasabah. Kita di Kementerian selalu memberi anggaran ataupun guideline harga-harga yang berpatutan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah menjadi suatu kebiasaan atau pun biasa boleh diperhatikan sikap Kementerian sama ada Kementerian Yang Berhormat ataupun Kementerian-kementerian yang lain ialah reactive kepada situasi ataupun suasana. Apabila berlaku kenaikan harga petrol, keperluan di negara China, ketidaktentuan cuaca, kerjasama di antara Indonesia, Malaysia dan Thailand dan terdapat kenaikan harga getah dan kita begitu reactive kepada suasana tersebut.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kementerian telah menyediakan satu rencana untuk menghadapi pesaing-pesaing yang bakal mendatang sama ada dalam konteks bioteknologi, sama ada dalam konteks negara-negara baru yang bakal mengeluarkan getah, yang akan menyebabkan harga getah dunia terancam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Anifah bin Haji Aman: Terima kasih. Kementerian memang selalunya reactive tentang kenaikan-kenaikan harga dan juga ciri-ciri ataupun sebab kenapa turun naiknya harga. Dan sebenarnya komoditi seperti getah ini adalah didagangkan di pasaran antarabangsa maka tidak mungkin kita dapat mengawalinya dan satu daripada langkah yang telah pun kita ambil iaitu di antara ketiga-tiga negara pengeluar utama iaitu Indonesia, Thailand dan Malaysia yang telah pun saya terangkan tadi telah menubuhkan satu *tripartite agreement* untuk mengawal pengurusan pengeluaran dan juga skim persetujuan jumlah eksport ataupun EATS. Daripada segi persaingan di antara pengeluar-pengeluar yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi bahawa pada masa kini negara kita adalah *net importer latex* dan kita mendapati bahawa adalah lebih murah untuk kita mengimport *latex* daripada mengeluarkannya dan walau bagaimanapun dalam keadaan harga yang meningkat ini, maka pengeluaran kita telah pun meningkat oleh kerana ramai di antara orang-orang yang telah pun membiarkan kebun getah mereka yang terbiar sekian lama telah pun balik kembali untuk menoreh.

Jadi untuk kita mengawasi ataupun langkah-langkah yang kita akan ambil untuk bersaing dengan pengeluar-pengeluar utama ini kita sedia akan melihat daripada apa yang hendak kita lakukan dan di antaranya untuk meningkatkan produktiviti kita daripada klon-klon yang telah pun dihasilkan oleh LGM dan juga daripada segi skim torehan kekerapan rendah di mana kita tidak perlu lagi untuk mendapatkan buruh yang begitu banyak dan melalui skim yang telah pun yang kita panggil LITS (*Low Intensity in Taping System*) ini, kita telah mendapat hasil yang meningkat. Terima kasih.

9. Tuan Jelaing Anak Mersat [Saratok] minta Menteri Pelajaran menyatakan purata guru dan murid di sekolah-sekolah rendah berasrama di Sarawak.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terdapat sebanyak 490 buah sekolah rendah berasrama di negeri Sarawak. Bilangan guru di sekolah-sekolah tersebut adalah seramai 6,211 orang manakala bilangan murid yang tinggal di asrama adalah seramai 51,542 orang. Purata bilangan murid adalah sebanyak 105 orang manakala purata bilangan guru adalah sebanyak 13 orang bagi setiap sekolah berasrama di negeri Sarawak. Terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat [Saratok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan dan memberi purata ini. Tadi kalau kita nampak yang ketara sekali nisbah murid kepada guru itu sangat rendah dan masalahnya di kawasan-kawasan terpencil atau di sekolah-sekolah yang kurang murid ini prestasi mereka tidak begitu memuaskan. Ada di antara sekolah-sekolah asrama yang seperti ini di kawasan saya yang mendapat kosong lulus semasa UPSR. Dan adakah ini disebabkan faktor-faktor seperti komitmen guru dan *staff* kita atau yang kedua latar belakang keluarga di luar bandar itu ataupun ketiga kemudahan infrastruktur dan kelengkapan iaitu bahan-bahan rujukan, peralatan dan sebagainya.

Dan akhir sekali adakah ini kerana kurang penyeliaan daripada pihak yang tertentu di peringkat daerah. Apakah tindakan yang proaktif yang dicadangkan ataupun yang dirancang oleh Kementerian untuk kita mengatasi masalah ini oleh kerana Rancangan Malaysia Kesembilan ini menekankan pembangunan manusia. Saya rasa ini sangat penting. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bangkitkan persoalan yang penting untuk kita membina modal insan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat di negeri Sarawak seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa penghuni asrama harian di Sarawak mereka ini dikecualikan bayaran daripada yuran asrama dan juga yuran makan yang mana bayaran ini dibayar terus oleh bahagian Kewangan daripada Kementerian Pelajaran. Untuk memastikan bahawa pentadbiran asrama ini lebih baik maka satu jawatan Pembantu Pengurus Murid Asrama telah kita luluskan sebanyak 1,458 jawatan Pembantu Pengurus Murid Asrama Rendah di negeri Sarawak. Begitu juga kalau Yang Berhormat kata masalah kurang prasarana, maka pada tahun 2006 ini kita telah pun memperuntukkan sebanyak RM2 juta disediakan khusus untuk menaik taraf asrama. Semua ini adalah kita buat untuk memastikan bahawa prasarana dan juga kebajikan pelajar-pelajar ini dapat kita perbaiki.

Mengenai tugas guru asrama sebenarnya kita telah minta para warden asrama untuk menyediakan tugas untuk mereka memastikan bahawa setiap pelajar yang tinggal dalam asrama ini diberi dijaga kebajikan, keselamatan dan juga pendidikan mereka. Kita juga baru-baru ini Yang Berhormat, tahun 2004 kita telah mengeluarkan satu buku yang tebal, komprehensif untuk kita jadikan panduan mengenai pengurusan asrama.

Mengenai pencapaian pendidikan pelajar ini sudah tentu kita tidak boleh menyalahkan pihak kerajaan semata-mata kerana kerajaan telah memberikan berbagai-bagai kemudahan. Mengenai kemajuan ini, pendidikan kita akan melihat untuk guru memberikan penekanan yang lebih mengenai bimbingan kelas-kelas tambahan bagi pelajar-pelajar yang ada di asrama. Terima kasih Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya amat simpati dengan murid-murid di pedalaman Sarawak dan Sabah kerana kurang guru. Tapi, Tuan Yang di-Pertua di daerah Muar baru-baru ini, di daerah Muar, bukan bahagian Muar, bahagian Parlimen Muar. Daerah Muar, ada Parlimen Ledang, Bakri, Pagoh dan Muar. Ada pula guru-guru Sarawak yang baru berkhidmat bertugas di daerah Muar, baru bertugas tahun ini. Bila saya tanya, kenapa bertugas di Semenanjung. Memang saya mengalu-alukanlah dapat bertugas di Muar, saya pun suka orang Sarawak.

Mereka mengatakan ini adalah konsep amalan integrasi nasional. Tetapi, saya bertanya? Mana lebih penting antara integrasi nasional, memang penting pun dengan kecurangan guru di kawasan pedalaman Sarawak. Jadi, saya hendak tanya, persoalan saya adakah ini menjadi satu amalan Kementerian Pelajaran lebih mementingkan integrasi nasional - memang penting, daripada mengisi kekurangan guru di kawasan pedalaman Sarawak? Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat, bukan sahaja daripada Sarawak daripada Sabah pun ada kita tempatkan di Semenanjung, ini memanglah untuk konsep integrasi nasional. Dan untuk pengetahuan Yang Berhormat memang dasar yang akan kita buat yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran bahawa kita akan memastikan semua guru yang keluar daripada maktab mesti akan dihantar di kawasan-kawasan pedalaman.

Jadi, masalah kekurangan guru ini sebenarnya kita sedang susun kerana guru ini dia ada kelebihan, kita berlebih tetapi *optionnya* yang susah kita hendak susun dan kita juga mintalah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kalau ada mana-mana penghuni penyokong-penyokong anak-anak penyokong Yang Berhormat ditukar ke pedalaman tidak payahlah tulis banyak-banyak surat kepada Menteri Pelajaran. Ini kadang-kadang hari-hari kita dapat ya Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: ...bila keluar maktab kena Sabah, Sarawak ramai kawan-kawan kita minta rayu. Jadi, ini pun kena pertimbang. Tapi, walau bagaimanapun, apa juga cara kita mesti memberi kepentingan kepada pendidikan anak

bangsa kita terutamanya di luar bandar sejajar dengan RMK-9 untuk kita memberikan pendidikan yang seimbang. Terima kasih.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Mohon soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, yang tadi tu, sokongan-sokongan. Ini penting bagi Ahli Parlimen ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi, ini soal penempatan guru-guru daripada pedalaman ke tempat-tempat lain sebagai contoh yang tadi tu, yang 773 guru-guru daripada Sabah yang ditempatkan di Selangor dan di Johor. Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat tadi mengatakan ini suatu program integrasi nasional. Tapi, saya difahamkan sebaliknya kerana dia ini adalah akibat daripada kekurangan kewangan di Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, akhirnya dihantar di sini dalam keadaan yang kelam-kabut sehingga dua bulan belum mendapat elau..

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: ...dan ada yang bunting pun ya dihantar di sini. Suami di Sabah dan sebagainya dan menghadapi banyak kesulitan. Akibatnya ialah kami ahli-ahli Parlimen terpaksa menulis surat..

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Tuaran]: mengandung..

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik. Cukup..

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: ...kita terpaksa menulis surat..

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Jadi, dalam keadaan begitu bukan sebab kita tidak menyokong Kerajaan apabila dihantar di mana-mana. Tapi, dalam keadaan demikian di mana ia dibuat secara kelam-kabut kita kena membela mereka yang memerlukan bantuan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih. Masalah Yang Berhormat bangkitkan, seperti kata Yang Berhormat kelam-kabut, ini sebenarnya kita ada unjuran guru, kita ada perancangan kita untuk menempatkan guru-guru. Kalau Yang Berhormat kata kelam-kabut ini ialah mungkin, mungkin tidak nafikan tetapi tidaklah banyak sehingga boleh menyebabkan jadi isu mengatakan kita menempatkan guru dalam keadaan kelam-kabut.

Jadi, saya percaya bahawa dalam penyusunan kita, untuk kita menetapkan guru-guru kita di semua tempat. Kita ialah guru Malaysia, kita tidak kira Sabah, Sarawak atau Semenanjung asakan kita hendak pastikan terutama di kawasan-kawasan pedalaman, mesti mendapat guru yang lengkap dan kita tidak kiralah dari mana asalnya. Yang pentingnya ialah guru terlatih dan juga keduanya *optionnya*. Apa kursus yang ia dapat di maktab, maka di situlah kita meletakkan guru-guru supaya anak-anak kita, pelajar-pelajar kita mendapat guru yang benar-benar terlatih dalam bidang-bidang yang telah diberi kepada guru-guru tertentu. Terima kasih.

10. Tuan Shim Paw Fatt [Tawau] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan doktor yang telah menghabiskan pelajarannya dari kolej perubatan swasta dan kolej perubatan umum mempunyai "standard" yang sama dan apakah nisbah di antara pensyarah dan murid pada kolej perubatan swasta dan kolej perubatan umum.

Setiasaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian sentiasa berusaha memastikan kursus pengajian di IPT tempatan sama ada awam mahupun swasta adalah selaras dan berada pada satu tahap yang sama. Standard yang digunakan ke atas kursus Sarjana Ijazah Muda Perubatan yang ditawarkan oleh IPTS adalah selaras seperti yang diguna pakai ke atas kursus yang seumpamanya yang dikendalikan di IPTA. Standard-standard tersebut terkandung di dalam *Guideline On Standard and Criteria For Accreditation Of Medical Degree Programme* dengan izin, yang dibangunkan oleh Majlis Perubatan Malaysia bersama-sama dengan pihak berkepentingan lain.

Standard tersebut juga ditanda aras dengan standard yang dibentuk oleh *World Federation for Medical Education*. Manakala semakan pematuhan standard dilaksanakan melalui Jawatankuasa Teknikal Pengiktirafan Pengajian Perubatan yang diurusetiaikan oleh Majlis Perubatan Malaysia dan dianggotai oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, Lembaga Akreditasi Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Tinggi. Jawatankuasa teknikal mempertimbangkan laporan panel penilai yang terdiri daripada kumpulan pakar yang dilantik oleh Pengerusi Majlis Perubatan Malaysia. Jawatankuasa seterusnya membuat syor status pengiktirafan pada pihak majlis yang akan membuat keputusan akhir. Pengiktirafan diberikan bagi tempoh maksimum lima tahun yang mana pemantauan dalam tempoh tersebut ditentukan oleh jawatankuasa berdasarkan keperluan.

Berkaitan dengan nisbah pengajar daripada pelajar, garis panduan yang disebutkan tadi menetapkan nisbah pengajar kepada pelajar pada peringkat *clinical* adalah pada satu nisbah enam. Kementerian yakin pendekatan yang disebutkan di atas dapat memastikan kualiti graduan Ijazah Sarjana Muda Perubatan di IPTA dan di IPTS adalah setara. Sekian, terima kasih.

Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen atas jawapan. Saya ingin bertanya berapakah bilangan pelajar-pelajar yang tercicir atau *drop out* dari pengajian sejak lima tahun kebelakangan pada kolej perubatan swasta dan awam dan apakah sebab-sebabnya?

Datuk Dr. Adham bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini spesifik kerana dia melibatkan keciciran. Walau bagaimanapun, saya maklumkan di sini bahawa di IPTA kita ada *enrolment* lebih kurang 4,688 pelajar perubatan di IPTA dan kita ada *enrolment* 3,124 orang pelajar di IPTS (sembilan buah IPTS dan sembilan IPTA). Walau bagaimanapun kebanyakan pelajar yang gagal dalam fakulti perubatan ialah kerana mereka gagal mengikuti secara spesifik tentang *knowledge domain* ataupun *acquire knowledge* yang diperlukan seperti *basic sains* dan juga gagal mengenali apa itu yang berkaitan dengan *problem solving* ataupun menyelesaikan masalah di peringkat perubatan. Dan sebenarnya tempoh yang lama lima tahun dalam fakulti perubatan adalah satu tempoh yang kadang-kadang yang menyebabkan pelajar tidak boleh mengikuti dengan sempurna dalam fakulti perubatan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat memadamkan setakat itu soal jawab lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN (2006 – 2010)

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar;

merestui usaha kerajaan untuk melaksanakan Misi Nasional sebagai rangka dasar dan pelaksanaan pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan untuk merealisasikan Misi Nasional dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentang dalam Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2006;

bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha

dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangunkan negara bersama-sama kerajaan ke arah menjadi negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.” [4 April 2006]

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat bagi Santubong untuk menyambung perbahasan.

11.09 pagi.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya menyentuh kerjasama antara ahli politik daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sampai kepada Ahli Parlimen dan pemimpin-pemimpin di *grassroot* dengan pegawai-pegawai kerajaan daripada peringkat yang tertinggi KSN turun sampai ke bawah budak pejabat, mesti kena bekerja sama. Panggilan dan jemputan atau pun seruan daripada Perdana Menteri “bekerjalah bersama saya”. Mesti diambil satu perjuangan bersama. Jangan diabaikan dasar-dasar kerajaan dan dibantutkan dasar-dasar kerajaan. Ini mesti *right the first time* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Yang Kesembilan ini - *must be right the first time*. Kalau perundanganlah menjadi halangan, kalau peraturan menjadi halangan, kalau prosedurlah menjadi halangan, pinda dan ubah undang-undang prosedur dan peraturan ini. Mungkin Ahli Parlimen tidak mengetahui, menteri pun tak baca tetapi pegawai-pegawai kerajaan melaksanakan, jangan duduk di *comfort zone* begitu sahaja, duduk di *comfort zone* ini, tidak mahu bertukar ini, memang senang. Kurang kerja, tidak banyak kerja. Kita mesti membuat perubahan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat bagi Santubong, boleh? Minta penjelasan sedikit.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Kita membuat. Kalau tidak berubah Tuan Yang di-Pertua, kita habis dibalun oleh arus perubahan ini yang kita sendiri masih terpegun di tempat yang sama.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Apakah kita hendak cadangkan supaya ada *checklist* ke atas semua jabatan tentang tugas-tugas harian mereka, daripada bos kepada kakitangan supaya melaporkan apa yang telah mereka lakukan di dalam jadual-jadual program yang hendak dilaksanakan. Kalau ada masa-masa tertentu hendak main golf umpamanya, guna hanya masa cuti sahaja. Maknanya cuti, bila di luar waktu pejabat.

Kalau hendak ambil sengaja untuk bermain golf misal kata di sini, kalau yang menggunakan masa pejabatlah, bukan semua. Mungkin ke mana hendak pergi? Jadi ada satu *checklist*, laporan pegawai kepada ketua jabatan. Ketua jabatan kepada Ketua Setiausaha Negara. Boleh tahu laporan minggu ini, bulan ini apa yang telah dilakukan. Jadi di situ, kita boleh ada *check and balance*, pemantauan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sebagaimana yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apakah Yang Berhormat bersetuju supaya *checklist* ini perlu diadakan setiap masa? Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Setuju. Saya bersetuju. Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju. Kalau Ahli Parlimen dikehendaki buat laporan, Ahli Parlimen semua buat laporan sekarang. Tiap-tiap tiga bulan sekali buat laporan. Berapa banyak lawatan, berapa banyak mesyuarat, berapa banyak perbincangan, berapa projek dilulus, berapa projek dicadang, berapa masalah diselesaikan? Semua buat. Walaupun kita tidak ada kerani, tidak ada *office boy*, tidak ada pejabat, tidak ada benda sekali pun, tidak ada prasarana apa benda pun, keluar duit poket sendiri buat benda ini. Buat laporan juga, kehendak siapa? Kehendak pemimpin negara kita. Kita hendak bersama berjuang dengan dia. Jadi kenapa salah pegawai kerajaan yang diberi gaji, diberi sokongan, diberi pejabat, *air-cond* dan sebagainya? Tolong.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Yang Berhormat...

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tunggu, tunggu sekejap.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Yang Berhormat, sini.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya menyeru ini membaca *9 Malaysia Plan* dengan izin. *The Way Forward. The idea is to facilitate and not to frustrate.* Kata Perdana Menteri ini. Perdana Menteri, gambar Perdana Menteri, *my God*, elok nampak. *"If they are not doing the right thing, we will call them in one by one. We want them to expedite the implementations of projects.... If we do this, we will succeed."* Saya berdoalah, saya berdoalah seruan Perdana Menteri ini diterima dan kita buat. Yang satu *level* dengan pegawai kerajaan, panggil yang bawah. Yang satu di atas lagi, panggil yang satu lagi sampailah KSN panggil semua pegawai, tengok, pantau projek ini. Jangan berlaku apa yang berlaku, tunggu Ahli Parlimen baru panggil. Projek di Santubong, sampai sekarang hendak dilaksanakan bulan tujuh selesai. Sekarang sudah bulan berapa? Dijangka tahun 2006 tidak selesai juga, kenapa? Tender dibuat, semua dibuat, tidak selesai. Di Sarawak kenapa saya berbunyi macam ini Tuan Yang di-Pertua?

286 projek semasa kita taklimat di Sarawak. Kita diberi taklimat oleh Unit Perancang Negeri. 286 projek pada Rancangan Malaysia Kelapan hanya empat yang di laksana. Kenapa ini? Siapa yang salah? Orang politikkah salah, pemimpinkah salah, pegawai kerajaankah salah, peraturankah salah, undang-undangkah salah? Saya rasa tidak salah. Saya tidak tahu siapa salah. Kalau inilah corak Rancangan Malaysia Kelapan, di mana letak kejayaan yang kita boleh harapkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan? 286 projek - semua Ahli Parlimen dengar, tanya. Empat sahaja terlaksana. Saya kecewa. Jadi saya hendak tanya dengan menteri, minta tolong siapa yang akan memberi jawapan ini.

Saya hendak satu persatu, beri ulasan apa, kenapa 286 projek ini tidak berjaya. Bagi, tolong bagi alasan satu persatu kenapa. Siapa yang salah? Menterikah salah, kementeriankah salah, jabatankah salah, pusatkah salah, negerikah salah?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sila.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Ya. Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Santubong. Tuan Yang di-Pertua, saya sangat setuju segala pandangan yang telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat bagi Santubong. Cuma, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat bagi Santubong, apakah sekarang ini kerajaan ada mengadakan *Key Performance Index* (KPI) untuk semua syarikat berkaitan dengan kerajaan GLC? Apakah KPI itu sama juga dilakukan ke atas pegawai-pegawai tinggi di dalam kerajaan? Itu yang pertama. Yang keduanya....

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Panjang lagi?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Ya. Sikit sahaja. Yang keduanya untuk kenaikan pangkat di dalam perkhidmatan awam, mereka berdasar kepada beberapa kursus yang dihadiri oleh pegawai-pegawai. Banyak masa dibuang kerana menghadiri kursus. Apakah katanya kalau untuk kenaikan pangkat, maka harus ditentukan kerja-kerja yang telah dilakukan oleh setiap pegawai perlu dan berdasarkan itu, untuk kenaikan pangkat. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Setuju, saya setuju itu. Setuju.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya semua syarikat dicetuskan satu metodologi pentadbiran baru. Dahulu kita gunakan hierarki punya *set up* iaitu *command and control* daripada KSU, DG dan sampai pengarah, penolong pengarah dan sebagainya dan sampailah ke bawah. Tetapi sebenarnya syarikat di seluruh dunia, semenjak 1985 berubah minda, pemikiran, pentadbiran. Satu falsafah baru, satu pengurusan baru, cara baru, metodologi baru untuk pengurusan dengan izin ialah untuk menggunakan satu *flat horizontal management style*.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Jadi kurangkan sedikit birokrasi, kurangkan sedikit hierarki, kurangkan sedikit daripada tuan kepada pengikut di bawah itu supaya dia boleh terlaksana dengan cepat. KSU tidak panggil orang pergi mesyuarat di pejabat dia. KSU turun ke bawah tengok apa pegawai buat. Begitulah KSN, jangan panggil DG, jangan panggil *assistant DG* bercakap. Turun ke bawah, jumpa dengan penolong DG ini supaya boleh mengetahui di peringkat bawahan. Di mana letaknya masalah? Di mana letaknya kepincangan? Di mana letaknya halangan-halangan yang tertentu? Saya setuju Yang Berhormat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut soalan masalah Dasar Ekonomi Baru. Ini fakta. Selepas kemelut 1969, diwujudkan Dasar Ekonomi Baru yang menyasarkan kepada 30% ekuiti kepada bumiputera, 40% kepada bukan bumiputera dan 30% disasarkan kepada yang lain-lain, iaitu orang asing yang melabur di Malaysia. Tetapi pencapaian kita sehingga sekarang ini amatlah menyedihkan walaupun ada dikatakan pada peringkat tahun 2000, sebelum berlakunya *economic downturn*, dengan izin pada tahun 1997 dan 1998.

Sekarang kita meningkat, menaik dan menurun semula. Pendapat kita pada masa sekarang iaitu nisbah pada tahun 2002 ialah 18.7 sementara bukan bumiputera 43.3 dan syarikat asing telah mendapat 28. Maknanya, yang bukan bumiputera telah melebihi daripada jangkauan. Yang warga asing hampir-hampir sampai kepada jangkauan tetapi malang sekali, malang sekali yang bumiputera orang Melayu dan orang peribumi, orang bumiputera di Sarawak, di Sabah masih tercicir Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita bimbang ini hala tuju kita. Tetapi kalau ini yang kita dapat tidak berkesan, di mana letaknya ini nanti kalau semua tidak bekerjasama?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Penjelasan Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sahabat saya, Yang Berhormat bagi Santubong, semasa Dasar Ekonomi Baru yang mula diperkenalkan kepada kerajaan dahulu, setujuakah tidak dengan saya, bahawa *approach* kita dahulu telah salah? Ini kerana, kerajaan memilih individu-individu Melayu tertentu dan dikayakan. Memberi peluang ini, peluang itu. Akhirnya, apabila Melayu yang kaya ini, apabila dia telah kaya, dia lupa diri. Mencari perniagaan dia sudah besar, mencari bini yang besar, dua, tiga, empat, kereta yang besar, rumah yang besar, segala-gala yang besar tetapi akhirnya, apabila *economy downturn*, mereka tidak dapat bertahan dan kalau kita tengok pada hari ini, mereka sudah pun, tidak berapa senang balik.

Jadi *approach* Rancangan Malaysia Kesembilan ini, kalau kita hendak mengingatkan balik Dasar Ekonomi Baru ini, janganlah membuat kesilapan yang lampau. Kita kena cari orang ramai. Lebih ramai yang kita bantu, insya-Allah, secara sedikit-sedikit, menjelang tahun 2020 kita akan dapat bumiputera-bumiputera yang berdaya maju dan akhirnya ekuiti kita ini, insya-Allah, akan naik 30%. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Santubong?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju, ada sedikit saja yang saya tidak setuju. Dia kata, hendak cari kereta besar, hendak cari rumah besar, hendak cari isteri besar, tidak Tuan Yang di-Pertua sebenarnya. Yang pertama, dua itu betul, tetapi bila sudah lihat isteri besar, dia hendak cari isteri kecil, itu masalah dia.

[*Dewan ketawa*]

Bila lihat isteri sudah besar sebab orang kita ini makan nasi lemak, makan benda-benda yang berminyak itu jadi besar. Bila dia besar, dah hendak cari yang kecil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Suruh isteri *exerciselah* Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Dia tidak hendak satu, dia hendak tiga.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Hendak tambah sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pasir Puteh Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Dia hendak empat pula, sila.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Contoh. Terima kasih abang saya Santubong. Tuan Yang di-Pertua, saya takut silap faham sebab dari segi hadharinya, rumah besar, kereta besar, bini besar, TV besar, *carpet* besar, semua besar boleh, telaga besar pun boleh. Tetapi syaratnya jangan kita lupa daratan, sebagaimana kata Jasin tadi. Kalau kita lupa, tidak boleh maka kalau tidak lupa kita boleh. Penuhi kuota empat tadi, setuju atau tidak kita penuhi kuota empat tadi? Syaratnya jangan lupa darat, jangan lupa kepada negara, jangan lupa RMK-9, setuju?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, saya kalau ustaz berkata penuhi yang empat itu kata dia, saya kena bersetuju kerana agama telah menentukan, siapalah manusia untuk mengubahkannya. Jadi kita kena bersetuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Setuju Yang Berhormat tapi tidak semestinya ikut.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Berlandaskan kemampuan dan kebolehan kita dan mengadili keadaan. Begitulah juga semalam apabila Yang Berhormat daripada Kuala Terengganu saya, apa mekanisme dan tujuan dan cara untuk mengatasi masalah pembangunan modal insan? Semasa saya dijemput membuat ceramah di Universiti Teknologi Mara, saya senaraikan satu persatu malangnya ceramah itu mengambil masa 1 jam.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ledang bangun Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tidak boleh saya baca semua. Salah satu daripadanya ialah saya sebutkan di sini sikit, minta maaf Yang Berhormat ya. Saya sebutkan di sini sikit apa yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Jasin tadi iaitu syarikat-syarikat besar, syarikat GLC, syarikat yang khusus ditubuhkan seperti SEDC umpamanya badan-badan kerajaan yang khusus ditubuhkan untuk membangunkan ekonomi masyarakat bumiputera tidak membangun tetapi menghalang dan mengadang syarikat bumiputera jadi maju. Mereka jadi *competitor* kepada syarikat bumiputera untuk maju. Mereka mengambil peluang-peluang yang sepatutnya diberikan kepada bumiputera.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, maknanya saya bersetuju juga dengan Yang Berhormat Jasin bahawa ada tindakan-tindakan kita yang kurang betul, kurang tepat, kenapa Rancangan Dasar Ekonomi Baru itu tidak berjaya? Kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, dari segi fakta saya banyak fakta ini Dasar Ekonomi Baru. Iaitu penumbuhan perkembangan ekonomi kita semenjak 1970 ialah 1,933.6% penumbuhan dia, ribu ni 1,933.6% penumbuhan dia. Pada tahun ... berapa bilion? 5 bilion sahaja, tetapi pada tahun 1990 108 bilion perkembangan dan meningkat lagi 260% pada tahun 2002 kepada 390 bilion, ini pembangunan.

Jadi perkembangan di kalangan bumiputera adalah begitu lembap sekali dan kita tidak mencapai, tidak sejajar dengan perkembangan ekonomi yang telah dijana oleh kerajaan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih kakanda daripada Santubong. Saya tidak hendak menamballah tentang tambah empat, tambah besar, tambah kecil ini. Cuma tentang pemilikan 30% ni Yang Berhormat bagi Santubong, iaitu target kita memanglah 30% ada tindakan-tindakan, cadangan yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jasin tadi. Tetapi saya lebih suka kalau Yang Berhormat setuju, supaya dalam tindakan kita, kita lebih spesifik. Tindakan operasi, objektif operasi, kita lebih spesifik misalnya kita *target* pemilikan hartanah untuk bumiputera berapa banyak, bangunan kedai berapa banyak, rumah berapa banyak, bilangan ekar tanah, berapa luas, kalau saham berapa banyak saham yang hendak dikuasai menjelang 2020 hendak capai 30%? Kalau penjawat jawatan doktor, berapa banyak *target* kita tahun 2020? *Engineer* berapa banyak Melayu dan sebagainya? Saya rasa kena lebih spesifik, adakah Yang Berhormat bagi Santubong bersetuju dengan pandangan saya?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Dari bidang pendidikan Tuan Yang di-Pertua, nampaknya masyarakat bumiputera dan Melayu berkembang begitu elok sekali dan boleh dibanggakan. Kalau kita baca di sini, pada tahun 1992 arkitek 220 tetapi 2003 kita sudah mempunyai 1,500. Akauntan 776 tapi pada tahun 2003 3,860 dan jurutera 8,476 pada 1992 dan sekarang 19,954 tahun 2003 dan seterusnya. Dan begitulah juga doktor, doktor gigi, juru ukur, peguam, peguam daripada 1,500 kepada 4,255, makna perkembangan daripada soalan pendidikan ini kita telah menjurus.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh tanya sikit?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tetapi masalahnya, tunggu Yang Berhormat ya. Masalahnya Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Negara, penswastaan projek kerajaan, projek-projek runding terus kerajaan, syarikat-syarikat yang mendapat habuan terus daripada kerajaan ini tidak melihat orang kecil-kecilan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh sikit? Saya memang setuju jugalah syarikat GLC ataupun badan-badan yang ditubuhkan oleh kerajaan, syarikat kerajaan ini, janganlah bersaing dengan syarikat-syarikat yang baru nak belajar. Satu saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat setuju, kebanyakan CEO ini, kerja sampai 12 tengah malam ni betul ke? Duduk dalam pejabat, terang lampu kononnya mereka ini dedikasi, siapa yang buat pantau ke atas mereka ini? Atau mungkin mereka buat kerja lain, ya. Kononnya kerja sampai tengah malam, dedikasi. Jadi apakah Yang Berhormat lihat mereka sesetengah itu hanya setakat jual saham, beli saham, bila rugi syarikat ini salahkan pihak lain. Bila untung, kononnya merekalah hebat, merekalah yang lebih bijaksana daripada orang lain. Jadi apakah Yang Berhormat lihat di atas sikap sesetengah eksekutif ini? Minta sikit penjelasan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Fenomena yang sedemikian memang berlaku di seluruh dunia. Itulah kenapa macam Enron, 'WorldCom', dan banyak lagi syarikat-syarikat yang telah menghadapi masalah oleh kerana CEO dia, ataupun pegawai-pegawai dia bekerja, sebahagian daripada pekerjaan mereka ni nampaknya menumpu kepada kepentingan syarikat tetapi sebenarnya untuk *to line* dalam perkataan satu buku nama "*Why the company goes bad*", mengatakan sebenarnya dia *line their own pocket*. Dengan keadaan sedemikian banyakkah berlaku, kalau dia menang okey, kalau tidak betul berlakulah apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: [Bangun]

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [Bangun]

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tunggu sekejap Yang Berhormat ya, saya masih menyebut soalan projek-projek runding terus, GLC, badan-badan berkanun, masyarakat usahawan Melayu itu sendiri. Jadi kita melihat ini, syarikat-syarikat yang besar-besar ini mendapat habuan-habuan daripada kerajaan, kontrak runding terus dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua bangun Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Kadang-kadang diinflated, di *mark-up*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tunggu sekejap. Di *mark-up* keuntungan sampai 30%.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bera dengan Rembau.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tetapi ini pun tidak juga boleh *dishare* dengan kelas-kelas kecil ini. Lihat pembangunan *airport* Kuching itu, RM680 juta, tanya siapa sub kontraktor dia? Siapa *supplier* dia? *Supplier* dia semua syarikat buatan sendiri, syarikat itu jugalah yang buat *supply*, syarikat itu jugalah sub kontraktor. Tanya banyak bumiputera, ada seorang atau tidak kerja sana?

Tidak ada, saya tahu global *up line, share* dia diselok-belokkan, *dinomineekan*, macam 100% kepunyaan bumiputera tapi yang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kenapalah kerajaan boleh diperbodohkan orang macam tuan punya syarikat tu? Dia buat syarikat dominan, Tan Sri inilah, Datuk itulah, nama dia Hamid lah, nama dia Ahmad lah, tetapi malangnya kepunyaan dia ialah Lim, Kong dan Yong juga. Kenapa kerajaan boleh dibodohkan senang demikian rupa? [*Tepuk*] Kalau beginilah kerajaan, di mana letaknya *transparency*, di mana letaknya *accountability*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dua yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tengok syarikat, tanya tentang *airport* Kuching sekarang, saya hendak tanya Menteri tadi, sudah keluar. Hendak tanya, suruh dia duduk sekejap. Saya hendak tanya berapa orang sudah terjatuh di Lapangan Terbang Kuching selepas dibuka? Berapa banyak orang sudah patah belakang, patah kaki dia kerana lantai yang diguna pakai, yang *cheap materials* daripada China itu?

Apabila kena air sahaja dia terus jatuh. Di hadapan saya terlihat seorang wanita dia terjatuh dan tidak naik kapal terbang di terus pergi hospital. Saya hendak bertanya berapa orang kemalangan yang sudah dilaporkan kepada kementerian oleh kerana *poor quality material* yang dipakai pembinaan bangunan itu. Terima kasih, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Rembau.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soal pencapaian DEB tadi, setuju tidak Yang Berhormat bagi Santubong kalau saya katakan dalam bidang-bidang tertentu khususnya hartanah misalnya dari segi pemilikan kedai, satu kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, ketika itu Kementerian Usahawan, milik rumah kedai bumiputera ini sebenarnya tidak sampai 6% mengikut satu kajian yang dijalankan di Lembah Klang dan kalau dilihat dari segi pemilikan kawasan industri tidak sampai 2%.

Jadi apa pandangan Yang Berhormat bagi Santubong, apakah dengan penubuhan UDA semula dapat menyelesaikan masalah ini kalau tidak disertakan dengan peruntukan yang tertentu. Saya hendak cadangkan kepada pihak kerajaan kalau boleh supaya UDA yang bakal ditubuhkan ini tadi diberikan peruntukan katalah sekurang-kurangnya RM1 bilion supaya UDA ini boleh beli kawasan-kawasan ataupun bangunan-bangunan yang strategik untuk disewakan semula kepada bumiputera di kawasan-kawasan strategik di bandar-bandar supaya dengan itu lebih banyak peluang perniagaan dapat diwujudkan kepada bumiputera kita dan dengan itu boleh meningkatkan lagi pencapaian bumiputera dalam bidang perniagaan khususnya dari segi pemilikan rumah kedai dan juga kawasan-kawasan industri. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Santubong?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya hendak sampai ke sanalah Yang Berhormat sebenarnya.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [*Bangun*]

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Kata seorang sosiologis....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bera bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Bera di belakang.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Bera? Ha, sudah janji Tuan Yang di-Pertua. Sudah janji kalau dia berdiri saya kena bagi.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Okay. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menarik tentang pemilikan ekuiti 30% bumiputera. Pada hari ini kita masih gagal. Jadi kita akan meneruskan usaha kita untuk supaya kita mencapai pemilikan 30% ekuiti. Tapi apa yang kita lihat Tuan Yang di-Pertua, longgokan peratusan itu nampaknya tidak menyeluruh. Peratusan yang besar itu mungkin kalau kita lihat terdiri daripada segelintir bumiputera yang telah diberikan keistimewaan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jasin tadi.

Keduanya, adakah kita perlu berbangga kalau pemilikan 30% itu dipegang hanya oleh institusi-institusi bumiputera seperti Lembaga Tabung Haji, LTAT ataupun PNB. Adakah setakat itu sahaja yang perlu kita bangga apabila institusi bumiputera memiliki peratusan itu atau adakah pihak kerajaan ingin meluaskan kepada bumiputera yang sebenar iaitu peniaga-peniaga bumiputera dan sebagainya. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Memang betul Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat....

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Kalau kita lihat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:saya hendak beritahu Yang Berhormat kena gulung Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ya, saya baca jawapan dahulu. Sebenarnya kalau kita lihat pertumbuhan sekarang kita mempunyai dalam ekuiti kita ialah RM73 bilion iaitu 18.7%. 17.1% adalah individu dan institusi dan individu ini 14% sahaja, institusi 3% dan agensi-agensi amanah 1.6%. Lagi besar jugalah. Tapi memang benar kalau kita lihat sebenarnya kalau orang kaya macam Ananda Krishnan di campur dengan saya kemudian dibahagi dua memanglah saya menjadi jutawan yang terbesar juga kerana macam itulah cara pengagihan ataupun perkiraan per kapita kita.

Jadi per kapita ini juga menunjukkan bahawa di luar bandar hanya 1/3 daripada pendapatan orang di bandar dan kelemahan ini mesti kita patut atasi. Dan saya menjurus kepada jawapan saya tadi yang disebut soalan harta benda dan tanah tadi. Ada mengatakan iaitu sosiologis "M.Oliver & T.Shapiro" 1995 mengatakan bahawa kesan daripada harta benda ini banyak. Kesan ini juga menjuruskan kita boleh mendapat peluang-peluang menjurus ke arah lain iaitu pendidikan, selesa hidup dan sebagainya. Dan kajian yang dibuat "J.Blau & J.Graham" menunjukkan bahawa harta benda ini memang kita perlu pertingkatkan. Oleh kerana kadangkala bumiputera orang Melayu khususnya tidak mempunyai harta benda *inherited* ataupun diwarisi begitu banyak. Jadi yang bukan bumiputera khususnya Cina telah mempunyai harta benda turun-temurun telah dipegang di tangan mereka.

Jadi saya mencadangkan supaya badan yang hendak di tubuh untuk Sabah dan Sarawak dan semenanjung itu untuk bukan sahaja menyediakan badan ini sahaja tapi juga menyediakan sumber kewangan kepada bumiputera dan Melayu untuk membeli harta benda bukan sahaja kedai, rumah, tanah dan sebagainya. Tanah orang Sarawak native ke, kalau kerajaan negeri tidak berupaya hendak menyukatnya beri sumber kewangan tolong sukutkan tanah di luar bandar itu. *[Tepuk]*

Beri geran tanah kesemua di Sabah dan Sarawak dan tanah-tanah Melayu di semenanjung Malaysia juga disukat dan diberi geran tanah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Selepas itu baru kita melihat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:bagaimanakah prestasi dari segi *equity holding* di seluruh Malaysia ini. Jadi malang sekali Tuan Yang di-Pertua saya terpaksa akur berhenti walaupun bahan yang saya sebutkan dan huraikan pada perbincangan ini hanya 1/8 sahaja yang keluar. Yang 2/8 itu tidak dapat dikeluarkan dan soalan yang begitu elok daripada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tidak boleh saya jawab dan tertinggal dalam komputer saya tidak dibaca.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jadi saya ada dua yang menyoal ini saya hendak beri peluang juga kepada seorang Sabah dan seorang Sarawak Tuan Yang di-Pertua. Minta tolong Yang Berhormat bagi Sri Aman dahulu lepas itu saya beri kepada....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tuan Yang di-Pertua di atas ini Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Eh! [Ketawa] Sudah habis ini?

11.37 pagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut mengambil bahagian dalam membahas RMK-9 yang di bentang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga selaku Menteri Kewangan pada baru-baru ini. Memang pembentangan RMK-9 ini dialu-alukan dan yang jelas rata-rata masyarakat luar bandar lebih-lebih lagi masyarakat Malaysia di Sabah dan mungkin di Sarawak. Mereka begitu gembira dan kegembiraan mereka boleh dibayangkan kalau Gunung Everest itu tinggi Tuan Yang di-Pertua, tinggi lagi harapan mereka.

Kewujudan Agensi Wilayah Pembangunan Sabah dan Sarawak dan saya bercakap khusus untuk Sabah. Memang dialu-alukan sebab kita percaya bahawa agensi persekutuan ini akan dapat memainkan peranan ke arah mempercepatkan proses keseimbangan pembangunan wilayah, pembangunan etnik, ekonomi dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, segala hasrat dan usaha murni Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini tidak akan dapat dicapai sekiranya masih di tampuk lama juga pihak pentadbirnya. Ke arah menuju negara maju maka kita kena berfikir secara orang mahu maju. Pepatah Melayu ada menyatakan di mana ada kemahuan, di situ ada kejayaan. Kalau hendak seribu daya, tidak hendak seribu dalih. Dan ini bermakna kita tidak akan mencapai sasaran kita untuk menuju negara maju. Dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memperingatkan Ketua Pembangkang.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ha!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dalam ucapan Ketua Pembangkang saya mentafsir tidak ada satu pun yang dibawa idea-idea untuk memberi komitmen terhadap kemajuan sebaliknya *criticize*. Ketua Pembangkang telah *criticize* pemimpin UMNO Khairy Jamaluddin. Apa salah budak ini?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Budakkah?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia selaku pemimpin UMNO, pemimpin Barisan Nasional. Dia menyuarakan masalah rakyat, masalah negara! Kenapa dia dituduh menjadi *master mind* dalam segala-gala hal dan tidak adil bagi Ketua Pembangkang sebab saudara Khairy Jamaluddin tidak boleh membela diri dia di sini sebab dia bukan Ahli Parlimen dan apa yang cadangkan oleh Khairy Jamaluddin....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:untuk melihat bahawa Dasar Ekonomi Baru Nasional perlu diwujudkan semula sebab ketidakseimbangan antara etnik Melayu dan bukan Melayu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh, saya bagi dia jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak kata dia apa *mastermind* tidak apa, masa itu saya sebut mengenai rencana beliau tulis dalam *New Straits Times* bahawa berhentilah *gravy train* tetapi soalnya ialah sama ada berhentilah *gravy train* di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan atau inilah satu peluang yang baru untuk UMNO Putera yang baru untuk menjadi *rentier-rentier*. Saya tengok semalam, ada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional menyebut mengenai masalah korupsi, itu baiklah selepas apa yang disahkan, tetapi adakah Yang Berhormat bagi Kinabatangan bersetuju, ini satu masalah yang besar.. korupsi, *leakage*, penyalahgunaan wang, RM220 bilion untuk pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Kalau ada *leakage*, kalau 10% ialah RM22 bilion tetapi ada orang kata ini sangat rendah, 30% *leakage* oleh sebab korupsi oleh sebab salah guna wang, pembaziran dan lain-lain. Bagaimana kita boleh ambil tindakan supaya tidak ada *leakage* ini. Kalau ada *leakage* ini mungkin antara RM40 ke RM50 bilion rakyat akan rugi dan akan menjadikan asas untuk UMNO Putera yang baru untuk kaya-raya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, saya faham.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itulah kita tidak mahu, kita tidak mahu bahawa....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Janganlah berucap ini bukan minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...saya habiskan, ada Yang Berhormat persetujuan bahawa...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Duduklah, saya hendak bercakap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...adakah Yang Berhormat persetujuan bahawa kita tidak mahu Rancangan Malaysia Kesembilan dengan RM220 bilion peruntukan pembangunan menjadikan *gravity train* yang baru, untuk UMNO Putera yang baru dengan RM40 ke RM50 bilion ...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Duduklah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...menjadi kaya baru mereka.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini bukan penjelasan, ini berucap. Memang kita tidak ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:...ikut contoh Yang Berhormat bagi Kinabatanganlah selalu macam itu bukan?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [*Ketawa*] Justeru, rata-rata wakil rakyat daripada Barisan yang pada awalnya Yang Berhormat kata kita tidak berani bercakap soal korupsi, mencabar kita.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terpaksalah, saya...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apakah, inilah...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...desak barulah sedikit-sedikit cakup baik-baik...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...duduklah, ini yang masalah ini bagi sedikit dia mahu banyak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...ada *effect*, pembangkang ada *effect* itu baik.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [*Bangun*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bukan ada *effect*, saya ingat saya tidak mahu layanlah dia tidak layan saya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Inilah pandangan pembangkang suka, dia saya ingat dia orang ini cemburulah bila tengok macam saudara Khairy Jamaludin. Saya teringat macam cerita dulu apabila Singapura dilanda todak, bila ada Hang Nadim...cuba menyelamatkan Singapura daripada diserang oleh todak. Jadi timbul pemikiran seolah-olah "budak" ini boleh mengganggu-gugat orang lain, tidak. Kalau dia ada pemikiran dia, pendapat dia, pandangan dia apa salahnya. Kita hendak orang yang ada kebolehan. Jadi inilah sikap pembangkang apakah Yang Berhormat setuju melihat sikap pembangkang ini yang sudah basi, sudah tidak ada benda-benda baru yang hendak bercakap.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat sebab dalam negara kita inilah yang dikatakan modal insan. Modal insan yang sebegini yang ingin kita cari dalam negara kita sebab ada pepatah menyatakan, "keutuhan sebuah negara masa depan sebuah negara bergantung sejauh

mana kekuatan modal insan dia hari ini dan mereka ini adalah pewaris-pewaris bangsa kita." Kenapa kita harus sekat kalau mereka berkebolehan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apakah kerana dia ada hubungan keluarga dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan dia tidak boleh. Kalau Khairi bukan anak menantu Perdana Menteri mungkin pembangkang tidak cakap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan, penjelasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Penjelasan boleh tetapi jangan berucap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, ya. Kenapa Yang Berhormat bagi Kinabatangan sudah mempelopori satu kempen dalam Dewan ini untuk menunjuk taat setia kepada Khairi?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini sangkaan jahat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sangkaan ini betul nampaknya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini sangkaan jahat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Satu demi satu...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya beri fikiran secara positif, Yang Berhormat berfikiran negatif.

[Dewan riuh-rendah]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Ipoh Timor.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini bukan penjelasan ini provokasi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang mustahak ialah soalan saya...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini hendak berucap ini macam mana ini?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...RM40 ke RM50 bilion korupsi yang mungkin boleh berlaku oleh kerana *leakage* dan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini bukan penjelasan, ini provokasi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: RM40 ke RM50 bilion, apa tindakan diambil untuk mencegah perkara semacam ini berlaku?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tunggu saya punya ucapan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: RM40 ke RM50 bilion.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya akan cadang kepada kerajaan bagaimana cara mengatasi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kita tidak mahu...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat ganggu Ahli Parlimen.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...UMNO Putera yang baru, UMNO Putera yang baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Larut diamlah. Ipoh Timor sila duduk.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ada, sini ada.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...dengan kekayaan RM40 ke RM50 bilion.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ada, ada, ada.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Jawab. Tidak perlu berdiri untuk tunjuk taat setia kepada Khairi Jamaludin.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Taat setia saya kepada bapa, agama dan negara.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ... tunjuk taat setia kepada negara, itu usaha kepada rakyat .

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tetapi pembangkang tidak ada.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [*Menyampuk*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, kalau dilihat bajet ataupun anggaran perbelanjaan untuk RMK-9 ini, boleh dikatakan walaupun pembangkang kata tidak ada apa-apa pembaharuan sama sahaja dia kata. Pembangkang macam itulah, yang bujur pun dia kata melintang, yang cantik pun dia kata hodoh, banyak lagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengizinkan gangguan daripada Ketua Pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Izin? *You* mahu bahaskan ini kata dua hari dahulu mahu bahas, kalau mahu bahas bagi penjelasanlah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Ipoh Timor, Ipoh Timor, Ipoh Timor.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Penjelasan tetapi ini bukan penjelasan ini provokasi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ..kalau tidak mahu buat tuduhan yang lain.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey saya bagi peluang satu kali lagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat kata ada reformasi, boleh tunjuk apa reformasi. Lawan korupsi adakah apa *effect*, apa *effect*? Apa yang kita baca ialah kita ambil tindakan *preventive*. Betul tetapi selain daripada *preventive* kita pun perlu ambil tindakan terhadap mereka khasnya ikan yu-ikan yu yang berkorap, jangan kata tidak ada korupsi. Kita tahu atasan-atasan, yang semalam beberapa orang Ahli Parlimen ada menyebut Barisan Nasional - masalah korupsi tetapi sentuh sahaja tidak berani dengan secara langsung membongkar masalah korupsi di negara kita. Di peringkat semua peringkat menteri-menteri ke bawah kenapa tidak berani untuk bongkar? 18 ikan yu lari ke mana? Sudah lari kepada *ocean*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey. Saya ingat kita buka buku baru. Ketua Pembangkang dengar ucapan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri betapa seriusnya Yang Amat Berhormat ingin mengekang korupsi-korupsi yang baru. Yang 18 ikan yu yang dinamakan kita pun tidak tahu mungkin sudah menjadi ikan yu di dalam lautan. Biarkan ikan yu itu kita cari ikan yu yang baru sebab korupsi ini berlaku di mana-mana dan kita bimbang tidak bersetuju. Rata-rata wakil rakyat Barisan Nasional telah menyatakan kita akan memerangi korupsi daripada akar umbi sampai ke atas. Ini persetujuan kita.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan 18 ikan yu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya ingat cukup kalau terus penjelasan tidak boleh berucap soal-soal lain.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...ikan yu mana boleh lepas?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Banyak perkara saya tidak bagi lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor dia tidak bagi jalan, Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mahu lawan korupsi...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak bagi laluan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...mana boleh lepaskan 18 ikan yu itu kepada lautan besar.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tunggu itu menteri tangkap itu ikan yu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini *immunity*.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia pakai pancing besar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Ya Puchong bangun Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Bagi sedikit sahaja. Saya mahu memandu sedikit. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Apa yang dinyatakan oleh Ketua Pembangkang ini semuanya spekulasi. Jangan Yang Berhormat buang masa untuk melayan spekulasi, semua ini ia sebagai... bila sesuatu berlaku dia akan cadang jawatankuasa, mesti ada satu apa orang kata *accountability*lah, transparensilah. Transparensi semua ini, ini semua spekulasi jangan buang masa. Teruskan jawapan dan teruskan perbahasan *you*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Ya saya ingin teruskan penjelasan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...dan saya tidak mengizinkan mana-mana bertanya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, adakah spekulasi. Penjelasan, spekulasi? Jatuh, transparensi internasionalis indeks 37 jatuh 39, spekulasi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor, Ipoh Timor dia tidak bagi jalan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: 18 ikan yu yang Yang Berhormat sendiri ada mengaku..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan, teruskan Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ... ada spekulasi?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...saya ingin bercakap berhubung dengan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ..ini berhubung Puchong, dia Ahli Parlimen spekulasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor kena ikut peraturan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ikut peraturanlah Ipoh Timor, sudah empat jam berucap bagilah kita 30 minit ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal GLC. Saya hairan dan saya ingin tanya kerajaan. Kalau di negara kita, kita ada Khazanah Holding, di Singapura dia ada Temasek dan Temasek ini kerja dia melabur di luar negara. Baru-baru ini sehingga Perdana Menteri Thailand ingin berhasrat meletak jawatan sebab Temasek Holding. Dan mereka mendapat keuntungan. Mereka akan bawa ke Singapura untuk dibangunkan lagi sebab di Singapura ini tidak ada lagi yang mahu dilabur. Tidak ada yang boleh diceburi dalam bidang perniagaan terpaksa mereka ke luar-luar negara.

Yang hairannya Khazanah dan GLC lain mengizinkan pula mengikut langkah Temasek membuat *investment* di luar negara. *Investment* mereka rugi Tuan Yang di-Pertua. Apabila rugi, mereka meminjamkan kewangan kepada GLC ini yang pemiliknya

orang luar. Saya sakit hati Tuan Yang di-Pertua melihat perkara sebegini. Kenapa mereka tidak ambil MAS? Kenapa mahu melabur di luar negara?

Dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan dalam ucapan tahun lalu meminta GLC-GLC tidak mewujudkan anak syarikat dalam GLC mereka, tetapi sehingga hari ini saya mahu tanya Kementerian Kewangan apa langkah yang telah diambil. FELDA masih dengan FELDA Angkutnya, masih dengan FELDA Transportnya, masih dengan *businessnya*, semua anak syarikat milik GLCnya. Itu baru FELDA, belum lagi masuk yang lain-lain.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jasin bangun.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang Berhormat, Jasin. Penjelasan. Setuju tidak dengan saya kerana akhir-akhir ini kita lihat GLC ditekankan mempunyai KPI-KPI tertentu dan untuk KPI-KPI ini, GLC dalam pemikiran mereka, dalam cara mereka bekerja hanya pentingkan keuntungan. Saya penuh yakin dan percaya kalau ini ditekankan, tidak ada satu GLC yang diwujudkan oleh Khazanah ini akan membantu peniaga-peniaga bumiputera. Kita lihat Petronas, kita lihat TNB, kita lihat Telekom, berapakah syarikat bumiputera yang telah mereka bantu dan bangunkan. Begitu juga GLC-GLC lain. Jadi perlu tidak kita kena ubah *approach*, Yang Berhormat, yang mana mereka pun cari keuntungan seiring dengan membantu peniaga-peniaga dan pedagang-pedagang bumiputera ini. Setuju tidak dengan saya?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya memang bersetuju. Kita tidak marah mereka untung, bahkan kita mahu mereka untung. Tetapi mereka kena menguntungkan orang lain. Inilah tugas GLC ini kalau boleh mengembangkan institusi-institusi perniagaan dan melihat potensi-potensi bumiputera yang boleh dibantu. Contohnya, Telekom. Kita tidak marah ia *sponsor* bola dan sebagainya, Proton, ia melabur dalam EPL iaitu bola sepak di UK. Malangnya Proton, saya ingin terus-terang, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada kerajaan, pengerusi-pengerusi GLC ini yang telah tidak berkemampuan, mereka dahulu sebagai pegawai kerajaan mempengerusikan pelbagai.

Contohnya, Proton ini dahulu bekas di KLSE dan dialah yang telah mencadangkan satu bentuk komputer yang dilaburkan lebih kurang RM300 juta sehingga hari ini tidak berfungsi, Tuan Yang di-Pertua, masih simpan sana, memang rugi lagilah. Cuba simpan Yang Berhormat bagi Jasinkah, sayakah, [*Ketawa*] tengok! Kita bukan pakar dalamnya tetapi tengok kesungguhan kita sebab kita tidak ada *interest*. Demikian juga dengan MAS, kita sudah cakap banyak kali, pengerusinya orang ramai sudah minta dia diberhentikan, masih di situ juga. Macam mana MAS hendak untung? Pengerusinya tidak berkesan, tidak ada akal, tidak pintar. Tidak pintar bermakna 'bodoh'. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada kerajaan. Saya melihat di kementerian-kementerian, contohnya di Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pelajaran, Kementerian Penerangan, semua pengerusinya Perdana Menteri arahkan Timbalan Perdana Menteri mempengerusikan, apa sudah jadi? Menteri kita tidak berkesankah sehingga hal-hal sukan berteknologi tinggi Timbalan Perdana Menteri mempengerusikan. Apa sudah jadi dalam negara kita? Ini baru tiga yang saya sebut. Saya tahu ada sembilan yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri sebab mungkin tidak ada kelonggaran terhadap pentadbiran di kalangan kementerian-kementerian ini sehingga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meminta Timbalan Perdana Menteri mempengeruskannya.

Apa sudah jadi ini, Tuan Yang di-Pertua? Kenapa negara kita sudah jadi begini? Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan, kalau boleh mewujudkan Suruhanjaya Pendidikan Tinggi sebab kita ada Suruhanjaya Kementerian Pelajaran dan ia hendaklah berasingan sebab kementerian ini pun sudah diasingkan. Jadi untuk memastikan bahawa kita akan menyediakan IPTA yang bertaraf *world class* – saya pinjam ungkapan bekas Ahli Parlimen bagi Parit Buntar yang selalu berhujah soal *world class*. Jadi kalau kita ingin melihat Malaysia kita *world class*, kita kena ada pensyarah-pensyarah yang *world class*.

Daripada 17 universiti yang ada IPTA di negara kita, saya mendapat tahu 25% sahaja pensyarahnya terdiri daripada Ph.D. selebihnya tidak ada Ph.D dan pembukaan

universiti baru di Kelantan, bagaimana pula penyediaan pensyarah-pensyarah yang berkualiti. Ini kena dicari jalan sebab kita kena berbicara, meuar-uarkan soal modal insan. Bagaimana kita ada modal insan yang berkualiti kalau kita tidak ada persediaan asas? Kita juga tahu daripada 17 IPTA dan lain-lain IPTS, lebih kurang cuma 40 ribu boleh ditempatkan pelajar-pelajar baru. Tetapi yang memohon 120 ribu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: 80 ribu mahu pergi mana?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Direct to the point.*

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ya, terima kasih. Satu isu yang cukup baik yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat rakan saya tadi, iaitu kesepaduan di antara kedua kementerian ini, meskipun ia sudah berpisah tetapi tugas dan tanggungjawab itu adalah bertalian. Ertinya berkaitan antara satu sama lain. Demikian juga isu-isu semasa tentang guru sekarang ini yang dikeluarkan daripada universiti-universiti tempatan yang dahulunya dikawal dengan begitu baik sekali oleh bahagian pendidikan guru. Sekarang ini sudah berlaku lebihan dari segi pengeluaran guru-guru di situ.

Jadi dalam konteks ini saya kira rangkaian kerjasama di antara kedua-dua kementerian ini perlu diwujudkan dan cadangan suruhanjaya tadi saya kira ini adalah merupakan sesuatu yang cukup baik, yang boleh dipertimbangkan dan diteliti dengan sehalus-halusnya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat di atas sokongan. Memang itu perlu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya lihat terlalu penting iaitu kalau dibandingkan dengan negara-negara yang maju. Sebagai menuju negara maju seperti saya katakan dan rakan-rakan kita hendak berfikir lebih maju iaitu di negara kita, kita ada Kementerian Belia dan Sukan. Tetapi di negara-negara lain, mereka kalau sukan, sukan sahaja. Belia berasingan.

Dan kita lihat cadangan ini saya sudah cadang lama semenjak saya menjadi wakil rakyat pertama, tetapi belum ada pertimbangan daripada kerajaan. Kalau boleh saya mengesyorkan untuk melihat kedua-dua fungsi entiti ini maju, kita kena bahagikan kementerian ini kepada Kementerian Belia lain, Kementerian Sukan lain. Adalah peluang rakan saya seperti Yang Berhormat bagi Bera untuk menjadi menteri, mungkin Menteri Sukan yang baru sebab beliau berkecualan, beliau seorang ahli sukan.

Yang Berhormat bagi Larut pun ada peluang tetapi Yang Berhormat bagi Larut tidak boleh sebab dalam bola pun *[Ketawa]* dia tidak boleh membawa negara kita ke mercu yang lebih dibanggakan orang ramai. Saya ingin tanya Menteri Belia dan Sukan siapa lebih tinggi kuasa? Adakah Menteri Belia dan Sukan ada kuasa untuk memanggil presiden-presiden pertubuhan sukan yang ada masalah sebab saya lihat kalau minta peruntukan, presiden yang panggil menteri jumpa dia. Bukan menteri yang panggil dia jumpa. Apa sudah jadi? Ini masalah. Kalau sudah orang besar di atas, Tuan Yang di-Pertua, jadi presiden bertahun-tahun tidak berjaya pun dia situ juga.

Saya ingin petik ucapan Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir, ada dia kata, kalau orang sudah di atas, hendak mampus pun dia tidak hendak turun juga. Ini masalahnya. Kalau sudah tidak boleh memimpin pertubuhan sukan, berhentilah, bagilah orang lain supaya kita maju. Ini balik-balik, pegang-pegang. Kalau dia hendak berhenti, ada dua, tiga orang naib presiden merayu, "Tuanku, janganlah berhenti." Ini masalah yang berlaku. Kalau ini berlarutan, kita ada masalah di boling tidak selesai. Pemain yang baik bertaraf *world class* boleh merajuk, pasal apa? Pasal masalah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Larut bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Jangan sampai berpeluh, Yang Berhormat. Pandangan Yang Berhormat bagi Kinabatangan tentang sukan memanglah tidak boleh diasingkan, tetapi yang timbul masalahnya ialah bukan kepada badan. Kita mesti melihat material yang kita ada. Sebagai contoh Yang Berhormat bangkit tadi, boling. Yang Berhormat juga adalah Presiden Boling Negeri Sabah, jadi apakah Yang Berhormat lihat tentang badan-badan sukan, apakah masalah sebenarnya yang dihadapi oleh sukan ini kalau kita melihat hanya kepimpinan itu sahaja. Boleh Yang Berhormat terangkan sedikit? Penjelasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, untuk makluman Yang Berhormat, bowling Sabah saya sudah berhentilah, orang lain sudah gantilah. Saya memang melihat apabila progres pengurusan itu tidak diurus dengan baik, maka Menteri pun kebingungan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Yang kita mahu, apa juga yang kita laburkan ada ROI dia. Mesti ada *Return on Investment*. Ini tak ada pulgankah? Tak ada pulangan? Kita buat R&D tetapi tidak ada ROI.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Penjelasan, penjelasan. [Disampuk] Ini bercakap tentang ROI, Return On Investment ini, dalam sukan Komanwel baru-baru ini, kita sudah berbelanja besar. Mengambil masa 4 tahun dengan jurulatih kita import daripada luar. Tetapi, emasnya cuma 7 sahaja. Dahulu dikendalikan oleh anak tempatan, dalam Komanwel yang dikendalikan di Kuala Lumpur, emasnya 10. Di mananya ROI ini, *Return Of Investment* ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Sebab itu daripada awal, saya tidak bersetuju kementerian melantik jurulatih-jurulatih daripada luar negara, sebab mereka tidak faham budaya kita. Dalam sukan pun kita mesti mahu ada budaya. Dia orang tahu apa pemakanan kita, teknik kita berlatih dan sebagainya. Sebab itu kita gagal. Jadi, menteri kena lihatlah bagaimana mungkin di samping memberi kepercayaan kepada jurulatih-jurulatih tempatan dan kita mencapai kejayaan, fikir-fikirkanlah secara bijaksana. Ya sila, *direct to the point*.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Memang saya setuju okay? Segala pelaburan kita buat daripada setiap kementerian, ROI itu penting. Tetapi, sedarkah Yang Berhormat, dalam masyarakat kita ini, satu kebudayaan iaitu mereka mementingkan *form rather than substance*, dengan izin. Maksud saya, di sektor sukan seumpamanya, mereka nak *steady* dan cantik, mereka nak baju atau jersey yang cantik. Semuanya bagi saya adalah *the form*. Tetapi *substancenya* ataupun orang kata isi dia, tidak diberikan perhatian yang secukupnya, sehingga taraf sukan ataupun pertandingan-pertandingan kita menyertai ini semakin hari semakin menurun. Setuju tak kita mesti mengubahkan mental ini ataupun satu orang kata anjakan paradigma dari segi mentaliti ini mesti dilakukan dengan secepat mungkin, terutamanya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, dalam sektor sukan dan belia ini?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tangga Batu, sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan, bila menyebut tentang ROI, *Return On Investment* tadi tidak mencapai harapan, Yang Berhormat boleh bersetuju dengan saya tak, terdapat ketirisan, terdapat elemen rasuah di dalam pertubuhan-pertubuhan sukan? Boleh Yang Berhormat bersetuju?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Elemen-elemen seumpama ini, di mana-mana sahaja. Di dalam rumah pun ada, di kaki lima pun ada. Apalagi apabila manusia lebih daripada satu, maka akan timbul bermacam-macam perkara berlaku. Dalam negara kita ini, macam-macam ada. Tidak ada yang tidak, tidak ada perkara yang mustahil dalam negara kita. Contoh dia, membina kerajaan langit pun ada! [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada isu lain nak bangkitkah?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya nasihatkanlah, balik kepada isu lain.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya masuk isu baru dulu, Yang Berhormat bagi Mambong baru saya bagi ya? [Menyampuk] Susah Tuan Yang di-Pertua, tidak bagi susah, marah di belakang.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih sahabat dari Kinabatangan. Ini tentang rasuah. Rasuah berlaku di mana-mana, saya setuju. Di rumah pun ada rasuah, betulkah? Tetapi, ada satu kajian oleh pakar-pakar di Amerika Syarikat, pakar ekonomi, saya terbaca bahawa rasuah lebih berleluasa di Amerika Syarikat dan di Malaysia. Kenapa ini berlaku di sana? Mohon menjelas.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya punya penjelasan, apabila ada tuntutan, maka memang adalah berlaku permintaan, pembelian, dan rasuah ini berlaku di mana-mana. Tetapi dalam negara kita, hasrat kerajaan kita, dan kita meminta kepada semua pihak agar supaya memainkan peranan agar dapat unsur-unsur negatif seumpama ini, kita berhentikan. Untuk menuju negara maju, kita semua kena memberi ruang yang cukup baik kepada urusan-urusan yang mendatangkan kebaikan. Bukan atas alasan nak *corruptcy*. Jadi, itulah daripada saya.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang ingin saya bangkit iaitu berhubung dengan pembangunan wilayah, pembangunan seimbang, dan ini termasuklah sebab di Sabah dan Sarawak, kita memang menghadapi masalah bekalan air bersih masih tidak ada. Elektrik luar bandar tidak ada. Elektrik di sekolah, tidak ada. Jalan raya bagus, tidak ada, dan dalam program Rancangan Malaysia Yang Kesembilan, lebih kurang 5 atau 6 batang jalan raya yang dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk kawasan Parlimen Kinabatangan. Saya, kalau mahu, kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, saya mahu meminta jalan raya ini kalau boleh disiapkan dalam jangka masa 5 tahun program Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Demikian juga dengan sekolah-sekolah menengah, rumah-rumah guru dan sebagainya. Bekalan air bersih, elektrik luar bandar dan sebagainya. Sebab salah satu prasyarat kita diiktiraf sebagai negara maju, iaitu wilayah-wilayah kita kerana pembangunannya kena seimbang di antara bandar dengan bandar, daripada kemiskinannya, dari segi prasarananya, dari segi pendidikannya dan sebagainya. Saya katakan tadi, kita berbicara soal modal insan. Tetapi seperti yang saya kata, 80 ribu pelajar yang tercicir ini, ke mana kita hendak bawa mereka? Itu baru 80 ribu, dan saya ingin mengesyorkan, agar kerajaan mewujudkan lebih banyak teknologi, kolej-kolej yang berbentuk teknologi. Sebab ini sahaja salah satu syarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, ini sahaja salah satu syarat untuk kita menempatkan dan menghasilkan modal insan yang berguna. Saya ingin petik kata bekas Presiden Indonesia, Bung Karno. Dia kata, "berikan saya satu ratus orang pemuda yang gagah perkasa dan akan saya goncangkan dunia ini". Bermakna, dia bercakap, berbicara dalam bentuk kualiti, bukan *volume* dan kuantiti. Apabila dia mempunyai 100 orang pemuda yang gagah perkasa, modal insan yang berani, teguh, ada pendirian, dia boleh goncang seluruh dunia. Tetap, jadi bayangkan bagaimana penyediaan negara, masa depan negara kita, kalau belia kita, kalau modal insan kita ini lemah longlai, lembik, tidak bermaya. Penagih dadah dan sebagainya. Bagaimana kita boleh menuju negara maju, Tuan Yang di-Pertua? Saya ingin menyokong.

12.08 tgh.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan ke atas Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dibentangkan baru-baru ini. Pertamanya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah pun membentangkan Rancangan Malaysia Yang Kesembilan yang saya yakin adalah satu pembentangan yang sangat komprehensif yang mengandungi 5 teras

yang menekankan dasar dan penekanan baru yang bersandarkan kepada prestasi dan prospek keseluruhan negara. Negara kita dengan objektif utama, misi dan visinya. Kesemuanya adalah memenuhi harapan, cita-cita dan matlamat ke arah sebuah negara yang aman, makmur dan sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, sekadarkan saya ingin menyentuh tentang objektif iaitu sebagaimana kita tahu, ada objektif umum dan ada objektif operasi. Objektif umum, cukup jelas. Sekadarkan objektif operasinya pada beberapa bidang perlu lebih spesifik mengikut matlamat asal yang digariskan, umpamanya dalam *biotechnology*. Perlu ada suatu sasaran berapa banyak ahli *biotechnology* yang perlu kita lahirkan menjelang tahun 2020.

Berapa banyak bidang biotech yang perlu kita janakan supaya ia lebih jelas dan tidak tersasar daripada matlamat asal. Begitu juga beberapa banyak bilangan universiti yang perlu ditubuhkan. Adakah kita main tangkap muat, orang IPTS hendak tubuh universiti tubuh, bila-bila masa boleh tubuh akhirnya mungkin kita terkulai. Begitu juga dari segi target pengeluaran, hasil-hasil dalam negara, dalam beberapa bidang, dalam bentuk penjualan pendapatan dan sebagainya. Supaya ianya akan mencapai satu matlamat yang akan melahirkan negara kita yang benar-benar negara yang aman, makmur dan sejahtera. Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, dari segi meningkatkan taraf jalan raya, oleh kerana ini mungkin bidang saya, saya sebut tentang jalan raya yang menjurus kepada jalan-jalan raya yang sempurna, yang selesa, yang selamat dan boleh dilalui oleh semua kenderaan, terutama kenderaan yang panjang ini, yang boleh mengangkut hasil masyhor seluruh negara termasuk di kawasan pedalaman.

Saya hendak sentuh tentang jalan JKR Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya seorang pelabur Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan melabur di dalam kawasan pedalaman Semenanjung Malaysia sebab dalam pembentangan tersebut ada di sebut tentang pembangunan koridor, Pantai Timur Semenanjung, kawasan selatan yang akan melimpah ke kawasan pedalaman tetapi kalau saya sebagai seorang pelabur, saya tidak akan melabur dalam kawasan pedalaman Semenanjung sama ada di Pahang Barat, di Kelantan, Negeri Sembilan Timur, Utara Johor sebab jalannya Tuan Yang di-Pertua, bengkok-bengkok macam jalan daripada Tangkak ke Segamat, tempat Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kampung, kampung, kampung saya.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Hah, kampung Tuan Yang di-Pertua. Jalannya bengkok-bengkok. Kalau jambatan macam kita buat Johor bengkok itu satu keindahan, cantik, saya suka tetapi kalau jalan raya bengkok-bengkok itu tidak indah kerana sukar dilalui oleh kenderaan-kenderaan apatah lagi dalam situasi sekarang. Maka saya sebagai seorang pelabur kalau ditakdirkan saya seorang pelabur, saya ada pilihan lain, saya lebih suka melabur di kawasan-kawasan pantai barat yang mempunyai infrastruktur yang lengkap dari segi jalan raya dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apakah lagi ini kawasan Segamat tidak ada lebu raya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tadi Tuan Yang di-Pertua, hendak menjawab soalan Tuan Yang di-Pertua sebelum saya izinkan Tangga Batu bertanya. Dahulu ada cadangan untuk membina lebu raya, dahulu ada cadangan membina lebu raya tetapi telah pun ditangguhkan kerana masalah kewangan. Saya semak dengan JKR malahan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor telah pun meletakkan supaya pembinaan jalan empat lorong daripada Tangkak ke Segamat diletakkan dalam senarai utama, nombor satu daripada Johor tetapi saya bimbang diletakkan di nombor yang bawah oleh pihak yang berkenaan. Silakan Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Ledang. Saya mendengar apa yang Yang Berhormat bagi Ledang sebutkan tadi, kesemua bidang-bidang pembangunan Yang Berhormat sebut adalah pembangunan fizikal. Sehingga apa Yang Berhormat rundingkan sekarang adalah tentang pembangunan infrastruktur jalan raya. Sedangkan kita tahu penekanan Rancangan Malaysia Kesembilan ini adalah sebenarnya penyempurnaan kepada pembangunan-pembangunan fizikal sedia ada di negara kita. Bagaimana kita boleh menggunakan akal, pengetahuan dengan pembangunan

spiritual, pembangunan mental, pembangunan rohani di dalam. Jadi apakah komen Yang Berhormat sebut semua pembangunan fizikal sedangkan penekanan pembangunan modal insan ciri utama di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini tidak disebut oleh Yang Berhormat Ledang tadi. Bagaimana Yang Berhormat boleh mengimbangkan keadaan ini terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ini Tuan Yang di-Pertua saya belum sampai lagi ini, saya sudah agak soalan itu. Maksud saya Tuan Yang di-Pertua, kalau kawasan pedalaman kita tinggalkan dari segi infrastruktur

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Lipis.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sekejap lagi Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita tinggalkan dari segi infrastruktur maka kawasan pedalaman akan tertinggal seperti itu. Tidak ada pelabur datang, tidak ada pembangunan seperti pagi tadi saya sebut, kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak kekurangan guru dan akhirnya kawasan-kawasan itu tidak membangun. Jika kawasan tersebut tidak membangun bagaimana hendak membangunkan manusia-manusia ataupun insan-insan di kawasan pedalaman seperti yang disebut oleh Perdana Menteri pembangunan yang merata, holistik. Silakan Lipis.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Ledang. Jadi saya amat bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat bahawa keseimbangan perlu ada di antara pembangunan insan dengan pembangunan fizikal ini. Jadi memandangkan Tangkak ini bagi saya boleh menjadi satu pintu masuk yang penting dalam kawasan Ledang. Kalau kita buat jalan laluan jalan raya tengah diperelokkan daripada Tangkak pergi ke Gemas, Bahau, Triang, Temerloh, Jerantut, Kuala Lipis sampai Lipis, Gua Musang dan terus ke Kota Bharu. Jadi dengan cara ini pembangunan di bahagian tengah semenanjung akan diberi perhatian, terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Inilah Tuan Yang di-Pertua seperti yang saya sebutkan tadi. Saya pernah *drive* kereta sendiri daripada Tangkak sampai ke Gua Musang, sampai ke Kuala Krai ikut jalan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Lipis, memang menyakitkan sebab itu saya tadi saya sebut, kalau saya seorang pelabur, saya tidak akan melabur di kawasan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang apakah cadangan Yang Berhormat?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan supaya JKR memberikan tumpuan di jalan-jalan tersebut sekurang-kurangnya diluruskan, sekurang-kurangnya dilebarkan, sekurang-kurangnya ada kawasan-kawasan sempit yang dibetulkan dan dilebarkan, ada kawasan mendaki, jajaran mendaki bagi kenderaan yang sempit.....silakan.....

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: [Bangun]

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Silakan sahabat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Ledang. Saya kira Yang Berhormat bagi Ledang ini amat prihatin tentang pembangunan. Tadi disebutkan pembangunan di Pahang....

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Yalah.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Kita kurang pelaburan di Pahang dan saya kira Yang Berhormat bagi Ledang, jalan kita ini bukan sahaja bengkok-bengkok ke kiri dan ke kanan, biasanya bengkok-bengkok ini ialah kiri, kanan. Tetapi ada yang jalan sekarang bengkok-bengkok adalah atas, bawah, itu sahaja saya harap. Macam saya ambil contoh, walaupun tadi digalakkan diminta supaya kerajaan memberikan perhatian kepada jalan-jalan besar, *highway* dan sebagainya. Tetapi kalau Yang Berhormat bagi Ledang pergi ke Kuantan melalui *highway* Pantai Timur sekarang, saya perhatikan *highway* Pantai Timur ini dari segi kualiti ini sungguh teruk. Baru satu, dua tahun jalan ini dibina tetapi keadaan jalan yang sungguh dahsyat sekali, cukup bengkok-bengkok ke atas, ke bawah. Maknanya kalau kita melalui jalan ini gelombangnya cukup besar dan kemalangan ini bila-bila masa ia akan berlaku. Saya tidak tahu Yang Berhormat bagi Ledang, kalau kita buat

jalan besar pun tetapi keadaannya serupa menyeksa pelabur dan menyeksakan kita sendiri, apa Yang Berhormat hendak buat? Sila, terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Boleh sambung? Sekejap Tuan Yang di-Pertua. Menyebut tentang jalan-jalan infrastruktur jalan raya di kawasan Segamat ini, saya teringat satu kampung Asahan. Bagi menggalakkan pembangunan modal insan di kampung Asahan ini, kalau kita potong jalan daripada Asahan masuk ke Jementah keluar ke Segamat terus boleh ke Kuala Lipis. Dan itu juga satu cadangan yang baik kerana Asahan ini kampung saya Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, yang Tangga Batu saya setuju 100 peratus. Yang lebu raya bengkok-bengkok ini pula macam hendak perangkap saya pula. Lebu raya bengkok-bengkok mungkin terpaksa mengikut struktur muka bumi. Walaupun lebu raya bengkok-bengkok tetapi ia di dalam keadaan yang selesa. Lori panjang boleh lalu. Tetapi kalau ada cadangan hendak bina jambatan antara gunung ke gunung itu soal lainlah, ini jawapan untuk Maran. Jadi Tuan Yang di-Pertua, matlamatnya adalah supaya seperti yang saya sebut tadi tidak berlaku ketidakseimbangan sosial antara bandar besar dan bandar kecil serta pekan-pekan kecil. Dan kita hendak kurangkan penghijrahan, masyarakat yang mencari pekerja daripada kawasan pedalaman ke bandar. Dapat mengelakkan kesesakan jalan raya yang berlaku di bandar-bandar besar, terpaksa membelanjakan 4.4 bilion bagi mengatasi masalah tersebut dan sebagainya. Terpaksa kita juga mengimpus pekerja asing di kawasan bandar. Kalaulah kita dapat membangunkan kawasan-kawasan di pedalaman, saya yakin masalah pekerja asing dapat dikurangkan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, JKR harus memberi tumpuan kepada menaikkan taraf jalan-jalan JKR di kawasan-kawasan pedalaman seperti yang saya sebutkan tadi, seperti yang saya sebut di Tangkak dan sebagainya. Macam di Segamat Tuan Yang di-Pertua, kita ada pelaburan darat, dalam Bahasa Inggerisnya *In land port*. Tetapi setakat ini dia hanya berjaya mengurus tidak lebih daripada 22,000 TEUS jauh daripada sasaran sepatutnya sudah sampai tahap 100,000 kerana kurang pelabur-pelabur yang ke kawasan-kawasan di sekelilingnya dengan sebab jalan-jalan raya tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat dalam hubungan ini apakah cadangan Yang Berhormat kepada Kementerian Kerja Raya.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Seperti yang saya sebut tadi Tuan Yang di-Pertua, jalan-jalan yang saya sebut bengkok-bengkok dari segi yang bengkok ini saya naik turun dan sebagainya, perlu dinaikkan taraf supaya membelikan keselesaan. Yang sempit perlu dilebarkan, yang bengkok perlu diluruskan. Ada kaedah dari segi teknikal yang boleh dilaksanakan. Soal tanah tidak berlaku, sebab pernah dibuat di JKR Johor dan sebagainya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [Bangun]

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Silakan Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Ini veteran tanya susah saya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ledang. Selain daripada menaik taraf jalan bengkok-bengkok dan Yang Berhormat amat bersetuju sekali sekiranya jalan-jalan itu dibaiki. Tetapi Yang Berhormat tidak menyentuh sama sekali mengenai dengan keselamatan jalan-jalan ini. yang mana sesetengahnya saya dapati adalah berpunca daripada jalan itu sendiri. Misalnya macam tadi disebut di Terengganu, jalan beralun-alun. Ini yang menyebabkan satu, orang yang bawa begitu laju, keduanya tidak nampak apabila mereka memotong dan buat macam-macam aksi di atas jalan raya. Jadi bersetuju tidak kalau Yang Berhormat kalau saya katakan JKR juga harus mengambil kira apabila menaik taraf jalan-jalan ini untuk menghindar segala macam bentuk kemalangan jalan raya.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju sangat. Saya hendak kod hujah daripada Managing Director atau Pengarah Urusan Proton yang baru. Beliau mengatakan kalau kita buat kereta, kita harus fikir tentang minat, tentang cita rasa, tentang keperluan pelanggan kalau buat kereta, jangan kita buat kereta Proton kita syok sendiri. Maknanya kita paksa buat satu kereta Proton atau kereta lain yang kita paksa orang lain beli dan ikut gaya kita. Begitu juga dalam soal jalan raya. Maknanya JKR harus berfikir tentang cita rasa, tentang keperluan

pengguna-pengguna di jalan raya. Jangan sampai nanti apabila, kita bawa kenderaan, *sign board* tidak nampak, tanggal, trelar panjang tidak boleh lalu dan sebagainya. Maknanya JKR harus berfikir tentang pengguna-pengguna jalan raya masa kini yang menggunakan jalan raya. Jangan paksa...

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas bangun.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: ...pengguna-pengguna jalan raya mengikut cita rasa JKR itu sendiri, betul? Ini Yang Berhormat bagi Pasir Mas ini kena bagi juga.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya daripada Ledang yang ucap dan menyentuh secara langsung masalah jalan raya. Saya tertarik kerana menyebabkan ramai daripada pengguna-pengguna jalan raya daripada Pantai Timur khususnya Kelantan yang melalui jalan raya daripada Gua Musang terus ke Merapoh terus ke Lipis terus ke Bentong dan terus Kuala Lumpur. Saya sendiri secara khususnya mengguna jalan raya ini sejak daripada menjadi Ahli Parlimen sampai sekarang ini.

Saya melihat benar apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ledang tadi bahawa saiz jalan raya ini terlalu sempit. Kenderaannya terlalu besar. Kenderaan makin setahun, makin besar, panjang kemudian pengguna jalan rayanya terlalu ramai sekarang ini. Jalan raya ini masih lagi di tahap yang sama dan saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Sungai Petani tadi yang mengatakan bahawa dari segi keselamatannya sudah berapa ramai kita sudah kehilangan nyawa dan kehilangan harta benda disebabkan oleh jalan raya terlalu sempit dan terlalu bergelombang. Jadi kalaulah kata Kelantan jalan raya tidak elok kerana Parti Pembangkang yang memerintah, 'makkulah' mana boleh diterima?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: [*Bangun*]

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: ...nanti, nanti Yang Berhormat bagi Ledang, sedikit sahaja. Boleh terimalah kalau Kelantan diperintah oleh PAS jalan raya tidak elok, tetapi sekarang ini elok, tetapi bagaimana jalan raya daripada Bentong, Lipis Merapoh ini masih lagi berkekalan. Saya bimbang takut Rancangan Malaysia Kesembilan pun tidak selesai, tunggu Rancangan Malaysia Kesepuluh macam yang disebut oleh saudara kita daripada Kinabatangan sekejap tadi. Api, elektrik pun tidak ada, apa pun tidak ada tunggu yang kesepuluh yang kesebelas baru ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: ... jadi dalam perkara ini apakah pandangan Yang Berhormat?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih sahabat daripada Pasir Mas. Satu bahagian itu saya setuju, bahagian kemudian itu.. bab pembangkang bab kerajaan pembangkang kerajaan BN, saya rasa saya tidak ulas yang itu. Sebab matlamat kita ialah, kita hendak betulkan keadaan. Kita mesti menjurus kepada keutamaan.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sentuh tentang jalan yang bengkok bengkok, begitu juga jalan yang sudah betul ini, yang sudah tegak ini. macam di Senai. Saya membawa kenderaan daripada Lapangan Terbang Senai ke Johor Bahru, melalui Pekan Senai. Tetapi apabila tiba di Pekan Senai hendak menghala ke Johor Bahru, kalau saya seorang pelancong, saya hilang *guide*, saya hilang panduan. Sebab tanda arah yang tidak cukup. Dalam erti kata lain, banyak perkara yang utama, yang perlu dilihat untuk mengadakan jalan raya selamat yang selesai yang menepati cita rasa atau kehendak pengguna. Jangan sampai kita buat jalan raya, kita selenggara jalan raya, tetapi kita memaksa orang lain mengikut kehendak kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin saya tidaklah hendak *condemn* JKR. Saya yakin JKR ada cita-cita ke atas tersebut sebab dahulu pun saya pernah kerja dengan JKR. Tetapi, saya faham, JKR mempunyai kekangan yang tertentu. Iaitu Tuan Yang di-Pertua, JKR terpaksa merujuk kepada EPU yang diletakkan di bawah Jabatan

Perdana Menteri. Banyak cadangan, permohonan-permohonan peruntukan yang dipohon oleh JKR tetapi dari segi keutamaan JKR letakkan utama, tetapi di pihak EPU diletakkan kemudian. Maknanya JKR mencadangkan sesuatu ditolak oleh pihak EPU. Kita faham EPU ada keutamaan lain, tetapi saya fikir sudah sampai masanya supaya kedua-dua pihak ini EPU, dan jabatan-jabatan lain lebih menjurus kepada satu matlamat untuk melahirkan sebuah negara yang aman makmur dan sejahtera, memberikan keutamaan kepada kepentingan rakyat keseluruhannya seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan baru-baru ini.

Pada perkara kedua Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut JKR buat projek *design and build*. Ramai orang marah, ramai Ahli Parlimen marah, daripada pembangkang dan juga daripada kerajaan kerana kerajaan buat projek *design and build* ramai yang hanya merujuk kepada MRR2 sebagai projek yang gagal. Sedangkan selama ini Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi projek-projek yang dibuat secara *design and build* atau projek *turn-key* yang dibina yang berjaya. Saya boleh sebut satu persatu. Contohnya KLIA adalah projek *turn-key*, projek *design and build*, Lebuhraya Utara Selatan projek *turn-key* projek *design and build*, Jambatan Pulau Pinang projek *design and build* dan di Johor kekanda Sri Gading selalu sebut iaitu projek Jambatan Indah, projek *design and build* bukannya, kita tidak boleh katakan itu sesuatu kegagalan dan projek MRR2 yang dikatakan gagal, sebenarnya pada saya Tuan Yang di-Pertua, belum sampai tahap gagal lagi sebab kita bersyukur dia tidak runtuh serta-merta.

Dia menunjukkan keretakan di sana sini yang sebenarnya memberi amaran kepada kita bahawa jambatan tersebut kemungkinan runtuh dan boleh dibaiki dan sekarang sudah ada tindakan membaikinya. Soal mungkin dari segi pelaksanaan dan sebagainya itu soal lain, tetapi saya menjurus kepada jangan kita menyalahkan bahawa projek *design and build* itu sebagai sesuatu yang tidak boleh lagi diamalkan di dalam negara Malaysia. Sedangkan Tuan Yang di-Pertua, kalau kita rujuk negara-negara maju seperti Amerika, Britain, France dan sebagainya mereka mengamalkan konsep melaksanakan projek secara *design and build* ataupun projek *turn-key* seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, cuma dari segi pelaksanaan kita berdepan dengan masalah sistem di mana Tuan Yang di-Pertua, kebanyakannya sistem yang kita buat ini ialah [*mencari sesuatu dokumen*] - saya ada carta pelaksanaan projek *design and build*.- [*Tidak boleh fokus ya kamera*] di mana saya tengok ada sesuatu yang tidak kena kerana jurutera-jurutera perunding ini, di sini ada sahabat kita daripada Pontian dia pun berunding juga macam saya. Apabila terlibat dengan projek *design and build* diletakkan di bawah kontraktor. Sedangkan sepatutnya ada

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini kepentingan sendiri ke?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sepatutnya perunding-perunding. Tidak ini kita menyatakan sesuatu yang baik. Sedangkan perunding-perunding ini adalah mereka yang dipertanggungjawabkan untuk mengawasi kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor. Tetapi mereka terikat dengan kontraktor, mereka ada kalanya diugut oleh kontraktor.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rembau.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ya. Silakan.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat Ledang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya cuba minta penjelasan. Jadi adakah Yang Berhormat fikir projek *design and build* ini patut diteruskan, tetapi mungkin dari segi pemantauannya lebih telitilah. Sebab pada pandangan saya secara umumnya projek *design and build* ini telah banyak memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor bumiputera. Dan dalam masa yang sama juga banyak projek-projek kerajaan dapat dilaksanakan mungkin dengan cepat. Jadi makna tadi, apa kata dari segi pemantauan tadi. Adakah mungkin ada satu *mechanism* yang perlu diadakan supaya dengan itu tidaklah timbul cerita-cerita yang tidak begitu baik didengar. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya kerajaan perlu ada satu sistem audit yang menyeluruh. Maknanya jangan kita audit hanya kepada perangkaan perbelanjaan semata-mata. Dari segi pelaksanaan projek perlu ada audit yang menyeluruh, di mana kita lihat di mana keburukan dan kebaikan. Kalau projek *design and build* itu banyak mendatangkan kebaikan, tetapi ada bahagian-bahagian tertentu yang mungkin tidak baik yang itu kita sesuaikan. Seperti yang saya sebutkan tadi.

Kaedah ataupun sistem mesti diolah semula, supaya apabila kita terlibat dengan projek *design and build* janganlah *consultant*, jurutera sivil ke, jurutera mekanikal ke, elektrik, arkitek, diletakkan di bawah kontraktor. Aniyalah itu Tuan Yang di-Pertua, saya ada pengalaman dengan rakan-rakan yang lain pernah kena ugut dengan kontraktor. Tidak sains, tidak bayar. Tidak mahu harga yang sekian, *you* boleh cari orang lain. Ini semua Tuan Yang di-Pertua menjejaskan mutu pembinaan sesuatu projek.

Akhirnya berlakulah masalah-masalah seperti yang disebutkan tadi keretakan dan sebagainya. Yang sebenarnya *design and build* itu tidak salah, cuma ada kaedah-kaedah tertentu yang perlu dilihat semula dan disesuaikan dengan keperluan-keperluan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya Lembaga Jurutera Malaysia ini mengikut sistem sebagaimana Lembaga Juru Ukur Malaysia. Di mana semua bayaran yang dibayar oleh agensi-agensi pelaksana kerajaan ke, swasta ke,.....

Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Sapi.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:dia pun sama juga ini.

Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Ledang. Dari apa yang di perkatakan oleh Yang Berhormat bagi Ledang bersetujukah atau tidak, kalau PMC yang ditubuhkan oleh *consultant* swasta dilantik balik oleh kerajaan untuk menjaga projek-projek dibuat oleh itu B.O.T itu.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, pada saya PMC ataupun *Project Management Consultant* ini pun tidak salah. Ada banyak projek yang dilaksanakan berjaya 100%, cuma bila berdepan dengan masalah bangunan makmal runtuh ini kita membuat satu kesimpulan seolah-olah PMC salah. PMC tidak betul perlu dihapuskan, dibatalkan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, itu soal yang sangat dengan izin *isolated*, persoalan yang terpencil di mana kita tidak boleh membuat kesimpulan bahawa PMC gagal. Memanglah ada masalah, kerana kesilapan di pihak kementerian tempoh hari dahulu melantik hanya sebuah PMC untuk melaksanakan begitu banyak projek. PMC tidak macam JKR, sebenarnya raja PMC dalam Malaysia ini Tuan Yang di-Pertua ialah JKR itu sendiri.

Kita mungkin boleh cadangkan supaya PMC diletakkan di bawah JKR. Maknanya JKR hanya monitor, *coordinate* dan sebagainya. Tetapi PMC yang diberi tanggungjawab untuk mengawasi kerja-kerja di peringkat pelaksanaan, ataupun kita fobia Tuan Yang di-Pertua dengan nama PMC, kita tukar kepada nama *Lead Consultant*. Perunding yang memimpin perunding-perunding lain di dalam melaksanakan sesuatu projek.

Berbalik kepada tadi Tuan Yang di-Pertua Lembaga Jurutera Malaysia, wajar mengikut langkah Lembaga Juru Ukur Malaysia, di mana bayaran-bayaran kepada perunding-perunding ini dibayar melalui badan itu sendiri.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat dari Ledang. Saya terpanggil untuk minta penjelasan sedikit daripada sahabat dari Ledang kerana profesi juru ukur disentuh. Ini memang

betul Lembaga Juru Ukur Malaysia sememangnya pelanggan kita membayar terlebih dahulu sebelum perkhidmatan dilaksanakan.

Jadi bukan semua sahabat dari Ledang, penyukatan kejuruteraan tidak memerlukan pembayaran terlebih dahulu dan penyukatan topografi tidak memerlukan hanya penyukatan ke daftar sahaja. Jadi kalau Lembaga Juru Ukur Malaysia bercadang untuk berbuat sedemikian, maka adalah dia punya kriteria-kriteria itu harus diperhalusi terlebih dahulu. Jadi saya bersetuju kalau ini disegerakan, segeralah kerja penyukatan, apa pandangan Yang Berhormat Ledang?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju ada kaedah bayaran tertentu yang dibuat dan yang dilaksanakan oleh Lembaga Juru Ukur Malaysia. Pada saya Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Jurutera Malaysia harus mengikut langkah Lembaga Juru Ukur Malaysia. Di mana bayaran dibuat melalui bayaran kepada perunding-perunding yang dibayar oleh kontraktor, yang dibayar oleh JKR, yang dibayar oleh agensi kerajaan yang lain daripada pemaju, dibayar melalui Lembaga Jurutera Malaysia supaya tidak berlaku penyelewengan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Dalam erti kata lain penyelewengan tidak berlaku dalam bentuk penindasan. Sebab saya hendak sebut Tuan Yang di-Pertua dalam Dewan yang mulia ini berlaku penindasan kepada perunding-perunding jurutera ke atas bayaran-bayaran yang sepatutnya mereka terima. Mereka dipaksa mengikut kadar yang terendah, mereka dipaksa mengikut harga yang tidak munasabah, tetapi akhir sekali Tuan Yang di-Pertua saya amat kecewa apabila saya dimaklumkan oleh Kementerian Kerja Raya, iaitu Yang Berhormat Menteri sendiri tidak setuju dengan cadangan yang telah dikemukakan oleh Lembaga Jurutera Malaysia, kerana katanya akan membanyakkan kerja dan sebagainya.

Saya sebut di sini soal banyak kerja dan sebagainya tidak timbul, kita boleh *employ* dengan izin, graduan-graduan yang masih belum bekerja, berkhidmat dengan lembaga jurutera, bolehlah ditolak sedikit bayaran daripada jurutera-jurutera dan sebagainya untuk membayar gaji-gaji mereka, kerajaan tidak perlu mengeluarkan duit dan sebagainya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohonlah sangat supaya perkara-perkara itu ditimbangkan supaya matlamat kita untuk membangunkan kawasan-kawasan seperti yang saya sebutkan tadi, iaitu menyamaratakan ketidakseimbangan yang berlaku dapat dilaksanakan sebagaimana yang disebutkan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan seperti dibentang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, terima kasih saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

12.39 tgh.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Rancangan Malaysia Kesembilan untuk keadilan dan kesaksamaan ke seluruh rakyat Malaysia. Buat permulaan saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Unit Perancang Ekonomi dan Percetakan Negara kerana telah melaksanakan tugas dengan efisien. Sekali membolehkan salinan Rancangan Malaysia Kesembilan diedarkan sebelum upacara Perasmian oleh Perdana Menteri pada 31 Mac 2006 di Dewan Rakyat. Saya akan menyentuh lebih tentang perkara ini dalam ucapan saya ini kemudian.

Rancangan Malaysia Kesembilan apabila dibentangkan adalah satu perkara yang amat penting bagi seluruh rakyat Malaysia. Ia adalah satu dokumen yang mengandungi harapan dan aspirasi rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, kebudayaan dan agama. Yang lebih penting adalah misi nasional yang menunjukkan arah dan petunjuk tentang polisi dan implementasi untuk 15 tahun sehingga tahun 2020 bila mana negara kita dijangka mencapai status negara maju.

Rancangan Malaysia Kesembilan seharusnya berdasarkan Rukun Negara yang mana harus menjadi aspirasi dan mempertingkatkan kepada rakyat Malaysia tentang kod dan tingkah laku yang diterima umum oleh masyarakat antarabangsa. Rukun Negara menyaran kita untuk percaya kepada Tuhan, membina satu masyarakat yang bersatu, cara hidup demokrasi, membahagikan kekayaan negara dan mengamalkan kebudayaan secara liberal.

Kita sering diingatkan untuk mempertahankan perlembagaan negara, peraturan undang-undang (*rules of law*) dan mempunyai moral dan perangai yang baik. Singkatnya, adalah kita hanya memberikan perkhidmatan bibir (*lip service*) kepada prinsip-prinsip Rukun Negara ataupun kita mempraktikkannya.

Malaysia negara maju. Dalam prakata Rancangan Malaysia Kesembilan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dengan benar-benar mengatakan bahawa tahun-tahun mendatang adalah lebih mencabar dengan mengambil kira perubahan di peringkat global. Saya bersetuju dengan pendapat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Persoalannya adakah kesilapan sikap sambil lewa dan seumpamanya diambil di masa lampau akan menghindari kemajuan kita dan sejauh manakah?

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan inisiatif pembangunan yang disarankan oleh rancangan itu akan berpandukan prinsip-prinsip Islam Hadhari. Kami menghormati prinsip-prinsip universal Islam Hadhari tetapi adalah amat mengecewakan kerana Perdana Menteri gagal mengambil peluang keemasan mengguna pakai prinsip-prinsip universal agama Buddha, Hindu, Kristian dan Sikh dalam prakata seperti yang terkandung dalam Artikel 11, Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Penjelasan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Silakan Yang Berhormat bagi Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Saya lihat pada hari ini Yang Berhormat berucap, terima pakai apa yang telah diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tempoh hari dan salah satu daripada ucapan ini ialah untuk memperkasa sekolah kebangsaan, dengan erti kata kita hendakkan lebih ramai lagi anak-anak kaum Cina, anak-anak kaum India memasuki sekolah aliran kebangsaan. Apa pendapat Yang Berhormat, setuju atau tidak dengan saranan ini?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Itu saya akan sentuh sekejap lagi. Saya belum sampai ke topik tersebut.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mesti dan selalu ingat bahawa beliau adalah Perdana Menteri bagi seluruh rakyat Malaysia yang beragama, bukan sahaja pengikut agama Islam ataupun mengikut Islam Hadhari semata-mata. Walaupun Islam adalah agama rasmi negara kita, kita adalah satu masyarakat majmuk. Perenggan lima di muka empat rencana itu berkenaan misi nasional menyatakan pembinaan sebuah negara Malaysia yang maju bukanlah sahaja berdasarkan keutuhan ekonomi yang kompetitif tetapi juga berdasarkan kesaksamaan kepada semua kumpulan. Ini adalah cara yang sebetulnya. Jadi mengapa Perdana Menteri tidak mahu mengambil kira kepercayaan agama penduduk Malaysia yang lain? Mengapa tidak mengambil kira?

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dengan tepat sekali menyatakan rakyat Malaysia bukan sahaja perlu memperkukuhkan modal kemanusiaan tetapi juga membawa kepada perubahan kebudayaan dan minda. Saya ingin mengingatkan Perdana Menteri, menteri-menteri dan timbalan-timbalan menteri dan pemimpin-pemimpin lain serta kepada golongan elit bahawa bukan sahaja rakyat yang perlu berubah tetapi pemimpin juga perlu berubah dengan segera. Kalau tidak di manakah kepimpinan melalui teladan? Walaupun adalah benar bahawa faktor terpenting untuk menjadi negara maju ialah kebolehan dan perwatakan rakyatnya, kebolehan dan perwatakan pemimpin adalah sama penting ataupun lebih penting. Oleh itu pemimpin kita perlu mempunyai nilai-nilai etika meminda yang progresif dan berpengetahuan kebudayaan. Jangan letakkan kesemua tanggungjawab ke atas rakyat semata-mata. Kita perlukan pemimpin yang boleh memimpin dalam apa keadaan sekalipun dan pemimpin yang sanggup berkorban sebelum mereka mengharap rakyat berbuat demikian.

Berapa banyakkah pemimpin Kabinet yang melakukan ini? Mereka terus menerus menyuruh rakyat mengubah cara hidup sedangkan mereka meneruskan gaya hidup mewah mereka, walaupun di masa peningkatan harga minyak. Umpamanya mereka masih hendakkan *renovation* yang mahal dilakukan ke atas kediaman rasmi mereka, menggunakan kereta yang mahal, masih meneruskan menggunakan kereta yang mahal, masih meneruskan lawatan ke luar negara dan masih menghantar anak-anak mereka melanjutkan pelajaran pra-universiti di luar negara.

Perdana Menteri telah berjanji bahawa Rancangan Malaysia Kesembilan akan cuba mempertingkatkan ekonomi dengan pengagihannya. Kita terus tetapkan *target* untuk membasmi langsung kemiskinan teruk dan mengurangkan kemiskinan ke paras 2.8 peratus menjelang tahun 2010. Walaupun kita menyokong peningkatan ekonomi dengan pengagihan adil, mengapakah tidak ada penghapusan sahaja kemiskinan menjelang tahun 2010 dan hanya mengurangkan ke paras 2.8 peratus menjelang tahun 2010? Keadilan Untuk Orang India, Orang Asli Dan Bumiputera Sabah Dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, masalah masyarakat India. Kami mengalu-alukan kepastian yang diberikan oleh Perdana Menteri bahawa kerajaan komited untuk mengurangkan jurang perbezaan dari segi pendapatan, pekerjaan dan pemilikan harta di kalangan rakyat melalui langkah-langkah yang adil. Tetapi tidakkah kita pernah mendengar kepastian sedemikian sebelum ini, apakah yang terjadi dan yang akan terjadi.

Perenggan 1.4(v) di muka surat 36 rancangan itu menyatakan bahawa langkah-langkah akan diambil untuk mempertingkatkan ekuiti orang India kepada 3 peratus menjelang tahun 2020. Langkah-langkah juga diambil bagi memberikan latihan perniagaan dan latihan kemahiran kepada masyarakat India khususnya kepada golongan belia. Tidakkah kita pernah mendengar janji-janji yang sama pada masa-masa yang lalu?

Jumlah masyarakat India di Malaysia kurang dari 10 peratus dari jumlah penduduk di Malaysia, jadi mengapakah pemilikan ekuiti hanya 3 peratus dan mengapakah hanya menjelang 2020 dan bukan 2010 seperti mana yang telah dijanjikan oleh kerajaan pada asalnya?

Perdana Menteri seharusnya bangkit dengan segera pada hakikat bahawa adalah amat tidak memuaskan atau pun amat berbahaya untuk tidak mengambil peduli terhadap masyarakat India dari segi sosial ekonomi. Masyarakat ini telah menyumbang begitu banyak sekali kepada perkembangan sosioekonomi dan infrastruktur negara ini sejak lebih kurang 150 tahun yang lalu. Beliau harus sedar bahawa terdapat *time bomb* politik dan sosial terutama sekali di kalangan masyarakat belia India yang sering terlibat dalam kegiatan jenayah...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kinabatangan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sedikit saja, saya habiskan. Kegiatan jenayah, pengangguran dan kes-kes kematian semasa dalam tahanan polis. Seperti yang dinyatakan oleh Tuan Hakim Malaya, Tan Sri Siti Norma Yaakob dalam akhbar *The New Straits Times* pada 2 April, bahawa sering berlaku kelewatan dalam mengadakan *inquiry* kepada kematian dalam tahanan lokap yang kebanyakannya melibatkan belia-belia India. Kaum India Malaysia memiliki kurang dari 2 peratus kekayaan nasional. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Negara ternyata belum mampu mempertahankan ekonomi kaum India di negara ini. Secara perbandingan, kaum India masih jauh ketinggalan di belakang kaum lain dalam pelbagai aspek ekonomi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa inilah yang menjadi kebimbangan kerajaan. Justeru itu dalam program Rancangan Malaysia Kesembilan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan sejauh mana pentingnya pembangunan wilayah, pembangunan etnik itu dari segi ekonomi, pendidikan dan sebagainya. Tetapi apabila kita membicarakan soal ini, pembangkang marah sedangkan Melayu masih mundur, India masih mundur. Jadi inilah hasrat kerajaan melihat supaya kesemua etnik di negara kita ini mendapat pembelaan seimbang. Minta penjelasan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, mengenai masyarakat Melayu dan India mundur itu, saya rasa itu adalah satu perkara yang kita semua tahu. Tetapi negara bukannya mundur. Negara sangat kaya dan ada harapan yang baik. [Disampuk]

Kedua, janji yang dibuat oleh kerajaan kepada masyarakat India tidak ditunaikan. Itu yang saya kata.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itulah yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melihat bagaimana semua etnik dalam negara kita ini mendapat keseimbangan ekonomi. Tetapi apabila kita bercakap soal ini, pembangkang marah! DAP marah! Ketua Pembangkang marah!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kita tak marah, bukan. *Lip service. Lip service.*

Antara objektif Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1970 ialah mengurangkan dan seterusnya membasmi kemiskinan dan dengan memperbanyakkan peluang-peluang pekerjaan kepada semua rakyat tanpa mengira kaum, menyusun semula masyarakat untuk mengurangkan dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi.

Hasrat kerajaan pada ketika itu adalah supaya menjelang tahun 1990, pemilikan ekuiti ekonomi Malaysia akan melambangkan komposisi kepentingan kaum di negara ini, di mana penyertaan bumiputera sebanyak 30 peratus, bukan bumiputera 40 peratus....

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Santubong.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sekejap lagi, dan warganegara asing, pelabur-pelabur luar negara 30 peratus.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih, Yang Berhormat. Mengikut fakta yang ada pada saya menunjukkan bahawa masyarakat India ini, daripada pendapatan isi rumah kasar bulanan purata mengikut kumpulan etnik dan strata menunjukkan bahawa orang India di belakang Cina sahaja tetapi lebih baik daripada bumiputera keseluruhannya, iaitu bumiputera mendapat RM2,376 dan Cina mendapat RM4,279, India RM3,044 dan orang luar bandar ialah RM1,729.

Ini menunjukkan bahawa ada di kalangan masyarakat India, orang yang kaya raya tidak membantu masyarakat India itu sendiri. Kenapa Yang Berhormat tidak sebut orang ini juga?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kalau Yang Berhormat hendak saya setuju, saya sebutlah iaitu Yang Berhormat bagi Sungai Siput, di antara orang yang terkaya di negara ini.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ini fitnah, Tuan Yang di-Pertua. Ini fitnah. Sangkaan yang buruk.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya belum beri jalan, *this is my floor.*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ini sangkaan buruk.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Itu di antaranya, mungkin Cameron Highlands pun sudah jadi kaya setelah menjadi ahli Parlimen.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ini sangkaan buruk, Tuan Yang di-Pertua. Jangan berniat jahat, berniat betullah. Jawab soalan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Baru-baru ini saya dapat satu surat mengatakan bahawa Yang Berhormat bagi Sungai Siput mempunyai rumah mewah di kawasan saya bernilai RM55.6 juta dan

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ini tohmahan, ini tohmahan daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Seorang Ahli: Jangan ampulah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia telah membina satu.....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Bukan ampulah ini, cakap benarlah, jangan gunakan isu ini. Tuan Yang di-Pertua, gunakan ini sebagai isu forum untuk jadi popular, buat apa?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ... yang dibangkitkan....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan gunakan forum untuk fitnah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan! Saya boleh tunjuk dokumen tersebut kalau Yang Berhormat datang di luar Dewan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Bagi saya sedikit, bagi saya sedikit.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Siapa pun boleh buat dokumen.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Biar saya habis dahulu.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Sendiri buat dokumen, sendiri keluarkan dokumen.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Biar saya jawab soalan yang dibangkitkan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu dokumen RM2 pun boleh bikin.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ananda Krishnan, Ananda Krishnan. Tuan Yang di-Pertua, Ananda Krishnan yang terlampau kaya di dalam negara ini. Kerajaan telah memberi beberapa konsesi-konsesi yang tidak patut diberikan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Orang India kaya pun salahkah?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Itulah sebab, Tuan Yang di-Pertua.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Orang India miskin salah, orang India kaya pun salah. Apa ini, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Ipoh Barat mengelirukan. Orang India miskin, dia kutuk kerajaan. Orang India kaya, dia kutuk kerajaan. So, dia hendak apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia hendak jawab soalan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Yang di-Pertua, untuk semua dia tidak betul. Yang Berhormat bagi Ipoh Barat untuk semua tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia hendak menjawab soalan Yang Berhormat bagi Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, dengar ucapan saya. Saya tidak menyalahkan kerajaan semata-mata tetapi ucapan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, dia menyalahkan kerajaan semata-mata atas etniknya, ini kurang tepat. Kita sebutkan semua orang tetapi kalau kita dengar kawan-kawan daripada Sri Gading, Kinabatangan, Larut dan sebagainya, kalau kita bercakap, kita sebut semua orang kita yang kaya raya tidak bantu masyarakatnya sendiri. Kita kena sebut juga, *be fair* dengan kerajaan, dengan izin.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya setuju. Tetapi bila kita ambil per kapita *income*, masyarakat India di Malaysia tidak percaya, statistik tersebut.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tanya Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, menurut apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Santubong, saya ingin tahu Yang Berhormat bagi Ipoh Barat juga beliau adakah sedar mana-mana putera-putera UMNO yang kaya raya ada berkongsi kekayaan mereka dengan masyarakat miskin tegar di kalangan kaum Melayu. Adakah? [Disampuk]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Itu satu soalan yang bagus tetapi saya rasa itu tidak benar. Mana ada orang kaya di UMNO yang menolong masyarakat bumiputera, walhal bumiputera di Sabah dan Sarawak menjadi lebih teruk

kebelakangan 30 tahun ini. Lebih teruk daripada masyarakat orang lain dan juga masyarakat Orang Asli yang sangat teruk. Saya hendak teruskan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: You kena dengar ucapan, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Minta laluan. Kalau Yang Berhormat bagi Ipoh Barat berani minta laluan. Kalau dia pengecut tidak berilah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau berani berilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands minta laluan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya hendak

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Kalau dia berani bagi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan! Macam presidennya yang saya kata, bukan setakat rumah, Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat beri laluan, beri laluan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat ini dari awal dia bercakap, Tuan Yang di-Pertua, semua keliru. Daripada awal sampai sekarang.....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Beri laluan, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Beri penjelasan. Berani beri laluan.....

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Kita kena lihat kita punya negara, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:sudah 15 minit, dia bercakap semua kelirulah.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Kalau berani beri laluan, saya tunggu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, satu *Convention Centre* di Sungai Siput yang bernilai

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Apa cerita, bagi laluan untuk saya jelaskan. Yang Berhormat bagi Ipoh Barat tidak mahu beri.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat bagi Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Beri saya laluan, hendak jadi popular. Bagi saya laluan, saya minta dia. Saya cabar dia.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, RM6 juta. Dia telah membina untuk seorang perempuan simpanan beliau.

[Dewan gamat]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini sangkaan jahat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini.....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini sangkaan jahat, tarik balik, mana boleh itu macam.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini sudah.....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini fitnah. Mana boleh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Peribadi seseorang, masuk dalam ini Dewan awak cakap, apa macam. Tuduhan yang macam ini tidak adil.

[Dewan gamat]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tarik balik, mana boleh itu macam.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: You cakaplah. Semua orang boleh cakap orang punya buruk. Betul atau tidak itu buruk awak perlu tahu. Tidak boleh, tarik balik...

[Dewan gamat]

Jangan gunakan kekebalan Parlimen untuk burukkan orang punya peribadi.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Janganlah.

Seorang Ahli: You simpan berapa perempuan?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat! Keluar Dewan

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan, jangan, jangan.

Seorang Ahli: Yang Berhormat simpan berapa perempuan?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Yang di-Pertua, benda ini salah. Kena ambil tindakan tatatertib kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, macam ini, dokumen yang saya terima ini, saya bukan cakap tipu, saya sendiri.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tetapi dokumen itu.....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Adakah ini boleh dinamakan dokumen, ini surat layang. Surat layang semua orang boleh bikin. Apa mahu percaya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa hendak percaya dokumen-dokumen macam itu.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ceritakan implementasi, dasar, rangkakan apa yang boleh dibuat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Selidiklah, jangan pakai dokumen yang you jumpa kat mana-mana sebagai bahan untuk memfitnah orang. Tidak bagus, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Lagipun yang empunya diri tidak ada dalam Dewan hendak mempertahankan diri.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak berani beri saya laluan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi, kalau nanti saya dapat surat Yang Berhormat bagi Ipoh Barat ada perempuan sampai lapan, kalau di Switzerland ada perempuan, kalau itu buat apa. Saya tidak suka macam itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukup, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya tidak suka fitnah orang.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, saya seorang *gentleman*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya tidak suka fitnah orang.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Suruh dia beri saya laluan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Soal you pembangkang tetapi soal maruah orang saya kena jagalah. Saya tidak mahu fitnah orang.....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya bukan macam lain orang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukup, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Cerita lainlah Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, Rancangan Malaysia Kesembilan cukup banyak. You bagi cadangan yang baik-baiklah.

[Dewan gamat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terus, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Menurut kajian yang dibuat di Amerika Syarikat oleh ahli sosiologi asas kepada kekayaan *wealth* akan memberi kesan yang pelbagai kepada sesuatu kaum atau masyarakat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung, ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Gulung! Saya baru mula, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Masa banyak habislah.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Asyik cerita fitnah lagi, gulunglah. Fitnah lagi. *[Ketawa]* Gulung sahaja.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hah!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu pasallah cerita fitnah awak bawa sudah tidak ada untung.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya tidak ingin cakap sesuatu mengenai Sungai Siput....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *I'm a gentleman.* Bila saya dapat surat tersebut, saya keluar Dewan, saya tunjuk surat itu kepada Presidenya, *then* beliau mengaku menerima dan dia pun tahu, dia sekarang menafi, dia seorang yang tidak jujur, tidak cakap benar.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Apa jujur tidak jujur. Ini fitnah, sangkaan jahat, saya minta supaya beri laluan. Beri laluan. Ini soal ekuiti India, saya juga boleh cerita.....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya bukan macam lain orang, Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan macam lain orang, saya terus

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Cameron Hinghland boleh berucap nantilah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Boleh, boleh. Masa itu you boleh cakap presiden you yang terbaik sekali.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Minta laluan, kerana fitnah itu saya hendak jelaskan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya tahu dekat dengan rumah dia. Dekat rumah dia di kawasan saya....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Berilah secara adil. Saya minta secara adil untuk kita berbicara secara *gentleman*.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Itu kerja yang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tengok jumlah Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saudara Ipoh Barat tidak *gentleman*. [Disampuk] You beri saya peluang untuk saya jelaskan, baru *gentleman*.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saudara pun mahu gaduhkah? [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, Yang Berhormat ada sembilan minit lagi. Sembilan minit boleh sambung pada petang ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Untuk menentukan sama ada masyarakat

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saudara pun mahu gaduhkah? [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada sembilan minit, boleh sambung nanti.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Petang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hah! Ada sembilan minit.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada jam 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Ipoh Barat untuk menyambung perbahasan.

2.30 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Yang di-Pertua.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Peraturan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, tadi semasa perbahasan Ahli Parlimen bagi Ipoh Barat telah membangkitkan beberapa perkara dan tuduhan ke atas seorang Ahli Parlimen. Oleh itu mengikut Peraturan Mesyuarat, Mesyuarat 36(6):

"Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli yang lain"

dan Peraturan Mesyuarat 36(9):

"Dalam apa-apa perbahasan tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat siapa-siapa ahli Parlimen atau siapa-siapa pegawai Kerajaan selain daripada kelakuan pada menjalankan urusnyanya sebagai ahli Parlimen atau pegawai Kerajaan"

Saya minta Tuan Yang di-Pertua untuk mengarahkan Ahli Parlimen untuk menarik balik tuduhan-tuduhan itu dan kalau beliau ingkar untuk menggunakan kuasa Tuan Yang di-Pertua di bawah Peraturan 43 untuk mengarahkan Ahli Parlimen itu ke Jawatankuasa *Privileges* seperti bawah Peruntukan 80A. Terima kasih.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sebenarnya bila saya hendak benarkan perbahasan petang ini saya hendak mulakan dengan satu penjelasan dan saya minta maaf kerana saya telah menggunakan perkataan bahawa perkataan 'perempuan

simpanan kepadanya'. Sebenarnya saya patut kata 'perempuannya' sahaja. Dan sebenarnya semuanya telah dibangkitkan apakah

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Yang di-Pertua, ini membawa maksud yang sama perempuannya dengan perempuan simpanannya adalah maksud yang sama. Ini adalah satu perkataan yang tidak seharusnya dilontarkan oleh seorang Ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat terhadap seorang yang mempunyai jawatan yang begitu penting iaitu seorang menteri dan ini adalah sangkaan buruk. Saya minta supaya Tuan Yang di-Pertua mengambil tindakan yang sewajarnya merujuk beliau kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, kerana ini tidak harus berlaku.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, itu satu kenyataan yang ikhlas dari saya. Dan bila saya sebagai Ahli Parlimen saya sudah kata pagi ini ...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tariklah, tidak susah, tariklah.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Yang di-Pertua, kita minta dia tarik balik kenyataan itu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kalau ada apa-apa yang saya katakan adalah fitnah dan tidak benar saya menarik balik. Tetapi pagi ini saya dikritik oleh Yang Berhormat bagi Cameron Highlands yang mengatakan saya tidak ada asas. Sebenarnya semua ahli Jawatankuasa MIC telah menerima surat-surat seperti ini yang akan menunjukkan rumah ...

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Yang di-Pertua, beliau sedang membahaskan mengenai ketidakcapaian 3 peratus.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Itu hak saya.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Itu tiada kaitan di antara kedua-dua ini. Maka beliau memesongkan Dewan. Membawa dan mencari publisiti yang murah.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Ipoh Barat, saya harap Yang Berhormat dapat

Tan Sri Dato' K.S. Nijhar [Subang]: Minta jalan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Nantilah. Selepas Ahli Yang Berhormat Ipoh Barat dapat menarik balik supaya sangkaan sedemikian tidak diberikan kepada Yang Berhormat yang ditunjukkan tadi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerima

Tuan Yang di-Pertua: Tapi tarik balik ye! Boleh?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Saya menarik

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Belum tarik balik Tuan Yang di-Pertua. Belum tarik balik. Minta Yang Berhormat tarik balik dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Diamlah dahulu, diam.

Tan Sri Dato' K.S. Nijhar [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan sedikit. Di Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, kita membahaskan isu-isu tentang dasar kerajaan, membahaskan isu-isu tentang mengimplementasikan dasar-dasar ini. Dewan bukan di mana kita membahaskan isu-isu persendirian sama ada benar atau tidak. Itu tidak elok. Bagi saya kerana ini tidak elok apa lagi bercanggah dengan peraturan yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat di sana dan di sini maka saya minta Yang Berhormat bagi Ipoh Barat tarik balik dan minta maaf. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mintalah Yang Berhormat supaya dapat tarik balik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya bersetuju kalau ...

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Beliau bersetuju sahaja Tuan Yang di-Pertua tetapi beliau tidak menarik balik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Macam mana saya hendak tarik balik. Apalah. Tidak masuk akallah ini.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tidak boleh. Minta dia tarik balik Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Orang tidak siumanlah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila duduk.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Yang di-Pertua, beliau seorang yang degil. Beliau tidak mahu tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sebagai mempengerusikan Majlis ini minta Yang Berhormat supaya dapat menarik balik atas sangkaan jahat itu tadi, yang telah diusulkan kepada Yang Berhormat Menteri tadi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada apa-apa sangkaan jahat atau perkataan yang tidak senonoh yang saya gunakan pada hari ini saya menarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, terima kasih. Teruskan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerima beberapa surat pengaduan bahawa beberapa orang India kaya di negara ini telah dikayakan dengan cara yang tidak adil. Saya baca perenggan sahaja [*sambil memegang satu surat*] "Rumahnya bernilai RM5 juta yang disiapkan dalam satu tahun di atas nama Syarikat Malanium. Satu lagi harta ialah dewan yang terbesar dan terancang yang bernilai RM6 juta di Sungai Siput di atas nama Syarikat Astral Management dan Gerja Renong Kompleks di Taman Pertama bernilai RM3.8 juta. Ini semua dengan gambar-gambar telah dihantar kepada saya ...

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah tu, tidak payah.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Yang di-Pertua, benda ini kalau ada tohmahan-tohmahan boleh dihantar kepada pihak-pihak yang boleh membuat penyiasatan. Kenapa membawa ke Dewan ini. Kita bincang mengenai 3 peratus Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Cameron Highlands sila duduk. Kita hentikan segala.....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua:kenyataan yang....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Surat ini bukan dialamatkan kepada saya, dialamatkan kepada Perdana Menteri.....

Tuan Yang di-Pertua: Tak apa.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya harap tindakan susulan diambil oleh mungkin.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Menteri Undang-undang..

Tuan Yang di-Pertua: Tak apa Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya boleh beri, mungkin kepada Yang Berhormat Padang Rengas, saya akan beri satu surat.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:supaya tindakan susulan diambil.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan perbincangan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, *capacity building*. Saya baca dengan izin,

"Capacity building is the main, is the sum of effort needed to mature and enhance and utilize the skill and capacity, capabilities of people and institution at all levels. Nationally, regionally and internationally. So that they can be better progress toward sustainable development. At the basic conceptional level, building capacity is about empowering people and organization to solve their problem, rather than attempting to fix those problem directly....."

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:

....when capacity building is successful the result is more efficient people and institution better able to provide products and services on the sustainable basis."

Ini yang telah dikatakan oleh United Nations Tuan Yang di-Pertua. Walaupun masyarakat India mula berpindah ke bandar akibat pembangunan yang membawa kepada perubahan dari ladang getah ke kawasan perumahan. Perpindahan ini tidak membawa perubahan besar dalam kehidupan mereka. Apa yang jelas ialah masyarakat India ini mula terperangkap dalam kawasan setinggian yang kalau dibandingkan tidak banyak beza dengan perumahan di estet, di mana kekurangan kemudahan dan infrastruktur asas adalah fenomena biasa. Ini membimbangkan dan boleh menjejaskan kualiti pendidikan terutamanya di peringkat awal pendidikan. Oleh yang demikian, perhatian yang sewajarnya perlu diberi kepada *capacity building* yang mampu bertahan harus bermula dari asas.

Pembangunan berterusan dan pesat berlaku dalam negara kerana kerajaan menyediakan persekitaran yang membolehkan masyarakat terus diberi peluang untuk melibatkan diri dalam pelbagai jenis aktiviti ekonomi. Walau bagaimanapun apa yang tidak mendapat manfaat daripadanya adalah lebih 50 peratus daripada masyarakat India pernah bekerja di sektor perladangan ataupun merupakan pekerja kolar biru di bandar. Pelajar India dikategorikan sebagai kumpulan yang mempunyai prestasi yang paling buruk di sekolah dan keciciran sekolah yang paling tinggi.

Memandangkan sebilangannya masih miskin dan terlibat dalam kancah gejala sosial. Tetapi, apa yang perlu difahami landskap ekonomi dunia juga telah berubah dan sektor perkhidmatan memainkan peranan yang lebih *significant* dalam mana-mana jua ekonomi yang maju. Sektor perkhidmatan bukan sahaja memerlukan kecemerlangan dari segi akademik, tetapi juga kecemerlangan dari segi kreativiti dan disiplin.

Kecemerlangan bukan sahaja diukur dari keputusan A dalam peperiksaan, tetapi dalam banyak bidang lain yang boleh menyumbang kepada negara. Kayu ukur yang masih tersandar kepada persepsi lama perlu diteliti dan realiti hari ini perlu diambil kira. Gejala sosial di kalangan masyarakat India telah menjadi kronik. Pembabitatan remaja dalam jenayah adalah 23 peratus berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Yayasan Pencegah Jenayah Malaysia.

Jumlah tahanan juvana India adalah 97 peratus, manakala pelajar India yang terlibat dalam berbagai-bagai kesalahan adalah 6.12 peratus iaitu untuk tempoh 10 bulan pertama 2004. 3.9 *percent* kes bunuh diri adalah dari kalangan masyarakat India, begitu juga dengan kes keganasan rumah tangga iaitu hampir 35.8 *per cent*. Bilangan ibu tunggal juga sudah mencapai tahap membimbangkan, hampir 70 peratus daripada mereka kehilangan suami, bercerai atau ditinggalkan oleh suami.

Daripada jumlah itu 60 *per cent* berumur sekitar usia 25 hingga 40 tahun dan mempunyai anak dalam usia muda atau belasan tahun. Menurut kajian dan angka yang pernah diterbitkan hampir 63 *percent* masyarakat India ditangkap di bawah Akta Darurat untuk jenayah ganas. 41 peratus adalah pengemis dan 20 peratus penderaan kanak-kanak adalah dari masyarakat India. Sehingga Pengarah Jabatan Pengurusan Bukit Aman Datuk Kamaruddin Mohd. Ali, menyatakan masyarakat keturunan India yang sering terlibat dalam jenayah seperti gengsterisme, pergaduhan, rompakan dan pecah rumah meletakkan kaum ini sebagai salah satu ancaman kepada keselamatan negara.

Kenyataan ini adalah tidak munasabah sama sekali. Beliau berkata antara faktor yang menyebabkan masyarakat India banyak terlibat dalam jenayah adalah

kerana mengalami kejutan budaya dan ingin mendapatkan sesuatu dengan mudah selepas berlaku perpindahan dari estet ke bandar-bandar besar. Jadi, walaupun kita menghadapi masalah ini wujud apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah ini, tanpa pengimplementasian rancangan kerajaan dalam mana-mana rancangan Malaysia nasib kaum ini akan berlarutan..

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, dia berucap sudah 40 minitlah, kita 30 minit saja.

Seorang Ahli: Mana ada!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: situasi teruknya masyarakat India dapat disaksi dalam beberapa jurnal dan dokumentasi seperti *The Asia Week* tahun 2001 dalam artikelnya "*The Forgotten Community*", "*Many of Malaysia's poors are Indian*", dengan izin, Astro pula dalam satu program *Indian underclass* yang tidak ditayangkan, dan di *TIME Magazine* pada 2000 menyentuh masyarakat India sebagai "*disgruntled underclass, third class citizen*". Pendidikan dan status pelajar India, masyarakat India dilihat masih jauh terbelakang dalam sistem pendidikan di negara ini, mengapakah mereka dipinggirkan? Laporan bancian tahun 2000 jelas menunjukkan bagaimana hanya 39.8 percent daripada 34,470 kanak-kanak berusia enam tahun telah mengikuti pendidikan di sekolah rendah.

Apakah Kementerian Pelajaran pernah cuba mendapat jawapan ke atas persoalan ini? Pada tempoh yang sama hampir 2.8 percent iaitu 5,580 kanak-kanak India yang berusia antara tujuh hingga 12 tahun tidak meneruskan pendidikan sekolah rendah mereka. Kadar keciciran dalam kalangan pelajar India menengah sebelum SPM adalah 27 peratus ataupun seramai 39,680 orang.

Mengapakah jenayah dalam kalangan remaja India meningkat bukannya dalam sistem pendidikan yang lebih teratur atau mesra rakyat akan membantu mengurangkan pembabitan remaja India dalam kancah kurang bermoral, yang diperlukan adalah kemudahan dan guru berwibawa.

Kerajaan perlu mengkaji semula penggunaan dua sistem berlainan dalam pengambilan pelajar ke IPTA iaitu STPM dan Matrikulasi. Kemasukan pelajar India ke IPTA selepas sistem Matrikulasi diperkenalkan, sebenarnya telah menjejaskan bilangan pelajar untuk mengikuti kursus yang kritikal seperti kejuruteraan, perubatan, pergigian, perakaunan dan farmasi. Seramai 1,530 pelajar India 4.57 peratus berjaya memasuki IPTA.....

Seorang Ahli: Penjelasan sikit Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:daripada 32,752 tempat yang disediakan tahun ini. Berdasarkan keputusan

Seorang Ahli: Ipoh Barat!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:Sijil Tinggi Persekolahan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tinggal tiga minit lagi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan boleh Ipoh Barat. Penjelasan, Tangga Batu. Sikit sahaja. Tak boleh?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:tempat yang disediakan tahun ini berdasarkan kepada keputusan Sijil Pelajaran Malaysia atau yang setarafnya. Selebihnya pula diisi pelajar bumiputera iaitu 22,557 peratus dan 8,665 pelajar kaum China. Golongan bukan bumiputera turut mendakwa ketidakadilan berlakunya kerana antara gred STPM dan Matrikulasi yang memberikan kelebihan kepada pelajar bumiputera yang mengikuti program Matrikulasi. Pelaksanaan sistem Matrikulasi untuk kemasukan ke institut pengajian tinggi awam (IPTA) telah mewujudkan persaingan tidak adil di antara pelajar Matrikulasi dan kelulusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia. Persaingan di antara pelajar Matrikulasi dan lulusan STPM tidak dianggap adil kerana sistem Matrikulasi diwujudkan sebagai persediaan pelajar bumiputera untuk memasuki universiti awam dengan bilangan yang tidak seberapa, apatah lagi bertendensi untuk tidak ke sekolah sebagaimana yang telah saya nyatakan di awal tadi. Ibu bapa masyarakat India menaruh harapan yang tinggi ke atas kerajaan untuk bertimbang

rasa kerana kebanyakan mereka tidak berkemampuan untuk menampung kos pengajian anak mereka ke luar negara.

Kita mesti menjadi universiti bertaraf antarabangsa. Kita mahu kedudukan yang baik dalam senarai universiti dunia, tetapi pernahkah kita terfikir apakah keperluan masyarakat India turut diambil kira dalam proses peningkatan status universiti. Saya hendak akhir, Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Masa cukup.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya nak kata sedikit mengenai masyarakat Orang Asli dan bumiputera Sabah dan Sarawak. Saya terus ke asas. Sebagai contoh perancang program menyediakan rumah-rumah moden untuk Orang-orang Asli tanpa mengambil kira kesesuaian rumah itu kepada penghuninya..

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:dindingnya diperbuat daripada kayu yang murah ataupun zink. Rumah itu menjadi panas ketika siang dan bising ketika hujan

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:saiz rumah yang kecil juga menjadi masalah kepada keluarga Orang-orang Asli yang mempunyai ahli keluarga yang ramai. Hasilnya masyarakat Orang Asli tidak menduduki rumah

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tidak sesuai lah ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:sebaliknya menjadikan sebagai sektor dan pembinaan rumah tradisional yang lebih sesuai bagi mereka sebenarnya. Tuan Yang di-Pertua, sebagai akhir Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Habislah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:dikatakan Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, "*The highest alcoholic rate, the highest dropout rate.....*" dalam sekolah, "*The highest non entry to university, the highest unemployment, the highest single mothers and the highest criminal activity,*" adalah dari masyarakat India, kenapa ini terjadi?

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Yang Berhormat Lanang.

2.50 ptg.

Tuan Tiong Thai King [Lanang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dihormati kerana telah membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan yang komprehensif dan memberikan tumpuan terhadap pembangunan negara menyeluruh, merangkumi aspek fizikal dan modal insan. Pelbagai sektor telah menyuarakan keyakinan mereka terhadap rancangan pembangunan negara bagi lima tahun yang akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu isu yang penting mengenai penaiktarafan Lapangan Terbang Sibul. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong usaha kerajaan dalam berkaitan peruntukan pembangunan lapangan terbang dari RM1.78 bilion semasa RMK-8 kepada RM2.8 bilion dalam RMK-9.

Tuan Yang di-Pertua, Sibul merupakan pintu masuk utama ke kawasan pertengahan di negeri Sarawak. Dengan itu, Lapangan Terbang Sibul adalah salah satu daripada lapangan terbang utama di negeri Sarawak yang memberi perkhidmatan pengangkutan udara kepada seramai 600,000 orang penduduk di kawasan pertengahan negeri Sarawak yang termasuk bahagian Sibul, bahagian Sarikei, bahagian Mukah dan bahagian Kapit.

Kini, Lapangan Terbang Sibul telah menjadi salah sebuah lapangan terbang yang paling sibuk dalam negara ini. Adalah hasrat rakyat Sibul supaya hubungan utara terus boleh diadakan dengan bandar-bandar utama di dalam dan di luar negeri seperti Singapura, China, Filipina dan Indonesia agar membesarkan lagi pembangunan tempatan melalui aktiviti-aktiviti perdagangan dan pelancongan.

Namun, setakat ini Lapangan Terbang Sibul masih belum mempunyai kemudahan dan kelengkapan yang setaraf dengan lapangan terbang utama yang lain di negeri Sarawak iaitu di Kuching, Miri dan Bintulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengimbas kembali pengumuman projek penaiktarafan Lapangan Terbang Sibul oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad bekas Perdana Menteri pada 17 Ogos tahun 2001 bersamaan Tun Dr. Ling Liong Sik, bekas Menteri Pengangkutan semasa mereka melawat negeri Sarawak. Di samping itu, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan Malaysia telah pun mengumumkan kelulusan peruntukan kerajaan sejumlah RM50 juta untuk menaik taraf Lapangan Terbang Sibul semasa beliau membuat lawatan ke Sibul pada 9 April tahun 2005 yang lalu. Namun Tuan Yang di-Pertua, projek penaiktarafan tersebut tertangguh pada tahap perbincangan landasan lapangan terbang sahaja. Penggunaan lapangan terbang belum lagi di naik taraf. Dengan siapnya projek ini, seluruh bangunan lapangan terbang akan dipasang pendingin udara dengan ruangan berlepas dalam ruangan ketibaan yang lebih meluas bagi menampung keperluan yang semakin meningkat. Rakyat di Sibul berharap janji tersebut akan ditunaikan serta dilaksanakan dengan segera pada awal tempoh RMK-9.

Tuan Yang di-Pertua, ekoran peningkatan mendadak harga minyak di pasaran dunia, kegunaan sumber *energy* alternatif sedia ada khususnya gas asli untuk kenderaan, *Natural Gas Vehicle* (NGV) dengan izin harus diperluaskan lagi. Langkah ini akan memberi kemudahan kepada orang ramai mengurangkan pergantungan terhadap petrol dan diesel dalam mengenai kesan kenaikan harga minyak baru-baru ini. Kami menerima baik langkah Petronas dalam membangunkan lebih banyak stesen NGV di seluruh negara dalam masa terdekat ini. Ini akan menggalakkan orang ramai bertukar daripada petrol dan diesel kepada NGV, di samping menurunkan impak kenaikan harga minyak dan diesel. Penggunaan NGV akan turut mengurangkan pencemaran udara akibat kegunaan petrol dan diesel.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu kemudahan tersebut belum lagi diperluaskan ke Sarawak dan Sabah. Kami menyeru kepada kerajaan dan Petronas agar memberi pertimbangan yang sewajarnya supaya kemudahan tersebut turut dimanfaatkan rakyat dan ketua-ketua negeri ini. Lebih-lebih lagi, rakyat di Sarawak dan Sabah terutamanya mereka yang tinggal di kawasan pedalaman, memandangkan keluasan negeri-negeri ini dan juga sistem pengangkutan awam yang belum lagi memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat jelata menerima baik usaha rasionalisasi MAS dengan Air Asia baru-baru ini. Langkah tersebut akan meletakkan ketua-ketua syarikat penerbangan atas platform yang berdiri kukuh dan berdaya saing. Namun, kesan sampingan rasionalisasi itu hendaklah diberi perhatian yang teliti. Penerbangan domestik oleh MAS akan terus menimbulkan isu penstrukturan semula organisasi dan seterusnya pengurangan tenaga kerja. Bagi kakitangan-kakitangan MAS mahupun ejen-ejen MAS telah menyuarakan kebimbangan mereka dalam perihalnya. Kami berharap kerajaan akan mencari penyelesaian yang bijaksana dengan ketua-ketua syarikat ini agar tidak menimbulkan kesan sampingan yang tidak diingini.

Tuan Yang di-Pertua, sistem pendidikan di negara ini sememangnya sudah jauh ke hadapan berbanding selepas merdeka dahulu dan dalam beberapa aspek kita berjaya mengatasi banyak negara sedang membangun lain. Peraturan-peraturan pendidikan wajib iaitu pendidikan wajib tahun 2002 yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari tahun 2003 mendedahkan bahawa guru besar atau pengetua boleh mengarahkan ibu bapa seseorang murid kecil memberikan penjelasan secara bertulis mengenai kegagalan mereka untuk memastikan anak masing-masing mengikuti pendidikan wajib. Semenjak pelaksanaan peraturan-peraturan tersebut, berapa orangkah ibu bapa atau penjaga yang mengingkari peraturan berkenaan dan dibawa ke mahkamah?

Walau bagaimanapun, senario tersebut berbeza pula dalam sistem pendidikan untuk mereka yang mengalami gangguan kesihatan dan juga golongan orang-orang kurang upaya yang belum mencapai tahap boleh dibanggakan.

Golongan tersebut patut diberi peluang membuktikan kemampuan mengikuti pendidikan seperti kanak-kanak normal lain. Misalnya terdapat ramai golongan yang mengalami gangguan kesihatan dan golongan OKU yang terpaksa menangguhkan pelajaran mereka untuk sementara waktu atas sebab rawatan perubatan yang

memerlukan mereka berehat di rumah atau institusi perubatan. Adakah sistem pendidikan negara kita membenarkan mereka menyambung pendidikan mereka pada tahap di mana mereka menanggungkan pelajaran? Ataupun mereka terpaksa meneruskan pendidikan mereka mengikut umur mereka. Kalau begitu tidaklah adil bagi golongan tersebut yang sememangnya akan ditinggalkan oleh murid-murid lain dalam prestasi pelajaran. Kerajaan harus membuat kajian yang terperinci dan mengurangkan jurang antara murid-murid normal dan golongan yang mengalami gangguan kesihatan dan OKU melalui satu sistem yang fleksibel.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang psikologi-psikologi lah. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sepenuhnya visi kerajaan untuk meningkatkan kualiti modal insan negara sebagai salah satu daripada lima teras utama ke arah mencapai misi nasional. Dalam hal ini, saya ingin menyeru kepada kerajaan supaya memberi perhatian terhadap sekolah-sekolah Cina yang masih belum menerima bantuan yang cukup daripada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah Cina adalah sebahagian daripada sistem pendidikan negara dan adalah terbukti terdapat ramai tokoh korporat mahupun politik cemerlang yang menerima pendidikan asas mereka daripada sekolah-sekolah Cina. Setakat ini sekolah-sekolah Cina telah menghasilkan keputusan akademik dan kurikulum yang cemerlang dan membanggakan. Terdapat berpuluh ribu para pelajar kaum lain mendapat pendidikan di sekolah jenis kebangsaan di seluruh negara. Justeru itu, sumbangan sekolah-sekolah Cina kepada kemajuan negara tidak dapat dinafikan, lebih-lebih lagi bahasa Cina telah menjadi bahasa komunikasi yang penting dalam era globalisasi ini.

Selama ini Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah Cina menerima bantuan kewangan yang terhad daripada kerajaan dari segi penambahbaikan, prasarana-prasaran sekolah. Penubuhan dari kutipan dana projek penambahbaikan sekolah sering dibuat dan disokong oleh kaum Cina sendiri melalui persatuan-persatuan dan ahli-ahli politik. Ini sering membimbangkan murid-murid, ibu bapa, guru-guru dan masyarakat Cina pada keseluruhannya. Saya menyeru agar kerajaan memberi pengiktirafan dan bantuan yang adil dan saksama kepada sekolah-sekolah Cina dalam membangunkan sistem pendidikan di negara ini. Ini termasuk mengambil tindakan menambah bilangan sekolah-sekolah Cina di seluruh negara dengan menyalurkan bantuan kewangan yang sepatutnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, semasa krisis kewangan pada tahun 1997 yang lalu, kerajaan telah memberi peruntukan yang program latihan semula kepada rakyat yang menganggur. Langkah tersebut telah membantu golongan menganggur dari segi pembiayaan sara hidup mahupun peningkatan kemasyarakatan masing-masing. Dalam kes-kes tertentu, elaun turut diberi untuk membantu mereka. Saya ingin tahu sama ada program tersebut masih lagi dilaksanakan dan berapa ramai telah memperolehi manfaat daripada setakat ini? Seringnya program-program pembangunan kemasyarakatan tersebut dipandang sebagai tidak realistik dari segi pendedahan pelatih terhadap aspek-aspek patrol Kesemua atau sebahagian besar daripada masalah dihadapi adalah berdasarkan kelas dan atau kuliah teori. Saya bercadang supaya kerajaan memperkenalkan langkah yang lebih praktikal seperti program sangkutan dengan izin *attachment*, pelatih-pelatih di organisasi-organisasi awam ataupun swasta untuk tempoh yang singkat, katakan enam bulan. Latihan dengan izin *on the job*, sebegini akan mendatangkan manfaat kepada para pelatih supaya mampu menyesuaikan dalam persekitaran pekerjaan dengan lebih cepat dan tepat. Kerajaan boleh memberi insentif kepada organisasi-organisasi yang sudi menggalakkan peluang-peluang tersebut.

Pada tahun 2000 Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telah memperkenalkan konsep penubuhan dan pelaksanaan Kolej Komuniti di setiap kawasan Parlimen. Saya difahamkan yang Kolej Komuniti tersebut akan menjadi institusi yang menyediakan keperluan latihan dan kemahiran pada semua peringkat dan memberi peluang pendidikan kepada lepasan menengah sebelum ke pasaran tenaga kerja atau melanjutkan pendidikan ke peringkat lebih tinggi. Saya ingin tahu setakat ini berapa buat Kolej Komuniti tersebut telah dilaksanakan dan berapa daripadanya ditubuhkan di negeri Sarawak? Adakah konsep Kolej Komuniti ini masih akan diteruskan dalam RMK-9? Jika ada saya menyeru agar ianya dilaksanakan di kawasan Parlimen saya, Lanang.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sekali lagi digemparkan dengan penyakit tangan, kaki dan mulut yang sedang melanda khasnya di negeri Sarawak. Kali ini wabak ini telah mencapai tahap kritikal dengan lebih kurang 8,000 cases dicatatkan di seluruh negeri. Pada tahun ini dengan 9 kes kematian kanak-kanak. Sehubungan itu, ibu bapa perlu memantau tahap kesihatan anak-anak mereka. Jika ada *symptom* HFMD pada anak-anak mereka, mereka harus bertindak dengan cepat untuk membawa anak-anak mereka ke hospital atau klinik untuk diperiksa dan mendapat rawatan segera.

Tuan Yang di-Pertua, kajian yang dijalankan mendapati wabak itu mudah merebak di persekitaran kotor dan sehingga penawarnya masih belum ditemui sejak wabak terdahulu pada tahun 1997 yang menyebabkan kematian seramai 30 orang kanak-kanak. Memandangkan kisah wabak ini yang begitu serius, saya menyeru kepada kerajaan supaya mengambil langkah yang lebih proaktif dalam menangani wabak HFMD dengan membuat kajian yang terperinci dan menyeluruh terdapat HFMD. Peruntukan kajian harus diadakan tanpa langkah lagi demi membasmi wabak supaya pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, program bekalan elektrik luar bandar adalah amat penting sekali di negeri Sarawak, memandangkan sebahagian besar rakyat masih berada di kawasan luar bandar. Kebanyakan daripada penempatan-penempatan di kawasan pedalaman masih bergantung kepada penjana-penjana elektrik untuk bekalan elektrik mereka. Dengan kenaikan harga minyak yang begitu banyak, kos penjanaan elektrik telah melambung tinggi.

Kami berasa gembira kerana kerajaan telah berhasrat supaya meningkatkan liputan elektrik luar bandar di Sarawak kepada 89.6% pada akhir tempoh RMK-9 daripada 80.8%. Saya berharap program tersebut dapat dilaksanakan dengan lancar dan segera demi manfaat rakyat luar bandar di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kerja Raya sering kali dituduh bertanggungjawab dalam ketidaktelusan dan dengan izin *year regulate rehab centre* dan penganugerahan kontrak bagi projek-projek bernilai besar. Padahal JKR hanya merupakan agensi penyeliaan projek-projek tersebut dan agensi lain pula yang meluluskan. Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek ini saya berasa kasihan terhadap rakan kita yang di komen, Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Kerja Raya yang sentiasa menjadi tumpuan tuduhan orang ramai mahupun Ahli-ahli Yang Berhormat. Beliau pula yang menghabiskan banyak tenaga untuk mempertahankan JKR walaupun pada hanya beliau tidak berkuasa untuk meneruskan projek-projek bernilai besar yang berkenaan.

Ini kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM220 bilion bagi perbelanjaan pembangunan dalam tempoh RMK-9. Saya menyeru kepada kerajaan supaya mengadakan satu sistem yang telus dalam melaksanakan projek-projek pembangunan terutamanya projek-projek yang berbelanja besar. Sistem tender yang telus dan bersaing sihat sememangnya akan menjimatkan sejumlah besar untuk kerajaan melaksanakan kewajibannya kepada rakyat jelata. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

3.13 ptg.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun untuk menyokong usul pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dibentangkan mempunyai maksud dan niat yang mendalam bagi tujuan pembangunan negara. Daripada fokus kerajaan untuk mengoptimumkan pembangunan infrastruktur, meningkatkan daya saing di arena global, menerapkan budaya pendidikan dan ilmu pengetahuan, merapatkan jurang kemiskinan serta menjamin kesejahteraan rakyat dapat dilihat dengan jelas bahawa RMK-9 adalah pelan yang mengimbangkan pembangunan negara dengan mengambil kira kemakmuran rakyat keseluruhannya.

Penekanan saya dalam RMK-9 adalah lebih berkisar kepada program-program yang akan dijalankan untuk memajukan bumiputera dari segi beberapa aspek dan isu yang akan dihadapi oleh pihak kerajaan seperti pelajaran, kegiatan ekonomi, keusahawanan dan orang-orang muda Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, ini untuk makluman Dewan yang mulia, laporan United Nation Human Development Report 2004 baru-baru ini menunjukkan Malaysia adalah antara negara yang paling lebar jurang pendapatan antara kumpulan yang terkaya dan termiskin. Ini saya ambil 10% terkaya dan 10% termiskin Tuan Yang di-Pertua. Bagi tujuan untuk mengambil tindakan proaktif, apakah yang boleh kita lakukan bagi mengelakkan krisis yang sama berlaku pada tahun 1969 iaitu jurang perbezaan kemakmuran di antara kaum. Menurut laporan ini Tuan Yang di-Pertua, 10% yang terkaya di Malaysia mendapat 22 kali ganda lebih daripada 10% yang termiskin. 10 yang atas yang terkaya dan 10 yang bawah. Kalau kita ada ambil 50% dan 50% angkanya mungkin berbeza. Tuan Yang di-Pertua, ini akan menyebabkan negara ini mempunyai perbezaan pendapatan yang paling buruk di Asia. Maknanya kalau kita ambil ini cukup untuk memberitahu kita tindakan proaktif perlu diambil dan saya percaya rencana-rencana di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini akan mengambil kira kedudukan ini.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Bera.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Untuk menguatkan lagisaya habis perenggan ini sahaja... untuk menguatkan lagi rakaman tersebut, laporan menyatakan bahawa 10% terkaya di Malaysia mengawal 38.4% daripada pendapatan negara berbanding 10% termiskin yang hanya mengawal 1.7% kelompok teratas. 10% dari penduduk ialah 22.1 kali lebih kaya daripada 10% penduduk termiskin Yang Berhormat bagi Bera. Jadi kedudukan kita di dalam konteks negara Asia ini kalau kita hendak tahu kita duduk di mana, Singapura 17.7 kali ganda, ini 10% yang kaya 10% yang miskin bukan saya ambil 50% 50%. Filipina 16.5 kali ganda, Thailand 13.4%, Vietnam 8.4% dan Indonesia 7.8%. Silakan Yang Berhormat bagi Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita semua tahu bahawa Rancangan Malaysia telah pun bermula begitu lama dan sebelum Rancangan Malaysia Kesembilan bermakna sudah ada lapan Rancangan Malaysia yang telah ada. Daripada awal sehingga sekarang, salah satu perkara yang hendak lakukan adalah untuk membasmi kemiskinan dan merapatkan jurang perbezaan antara kaya dan miskin. Dari gambaran yang diberikan oleh Yang Berhormat menunjukkan bahawa kita gagal. Jadi adakah Yang Berhormat hendak memberikan gambaran bahawa kelapan-lapan Rancangan Malaysia dahulu gagal untuk mencapai matlamatnya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Kalau Yang Berhormat bagi Bera dengar betul-betul saya cakap tadi ialah perangkaan yang dilakukan adalah 10% terkaya dan 10% termiskin. Cukup kuat untuk menunjukkan kepada kita bahawa sesuatu kita perlu lakukan dengan sempurna supaya jurang perbezaan di antara kaya dan miskin tidak berlaku seperti tahun 1969. Ini sebenarnya untuk menjadi petanda awal kepada kita Tuan Yang di-Pertua supaya ambil tindakan supaya tidak berlaku jurang perbezaan yang besar jika kita bandingkan 50% terkaya dan 50% termiskin. Jadi kita ambil 10 ini untuk memberi kita satu tanda bagi melaksanakan program-program secara proaktif supaya apa yang berlaku pada tahun 1969 tidak akan berlaku lagi pada masa akan datang. Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera.

Tuan Yang di-Pertua, misi keseluruhan RMK-9 menjurus ke arah pembahagian pelaburan dan manfaat yang sama rata ke seluruh negara. Justeru itu kerajaan sudah pastinya, memastikan ianya sampai kepada segenap lapisan masyarakat. Walaupun ekonomi bumiputera ternyata berkembang dalam dua dekad lalu, kita terpaksa mengakui masih terdapat jurang perbezaan pencapaian ekonomi di antara bumiputera dan bukan bumiputera. Kita seharusnya menerima kenyataan ini Tuan Yang di-Pertua. Sehubungan itu usaha untuk merapatkan jurang ini adalah penting terutama bagi memastikan kestabilan dalaman negara. Semua ini perlu dilakukan dalam lingkungan skop pembangunan ekonomi. Jika tidak sebahagian daripada penduduk akan berasa kecewa, hilang keyakinan dan akan merasa dipinggirkan oleh dasar yang bagai dipaksakan ke atas mereka.

RMK-9 jelas menunjukkan kepada kita bahawa kerajaan akan sentiasa membela bukan sahaja rakyat di kota bahkan masyarakat di desa. Kemudahan asas di luar bandar akan terus disempurnakan. Jurang pembangunan akan terus didekatkan. Maka, saya mencadangkan agar apa yang telah ada ditambah lebih banyak. Agar

tambah lebih banyak lagi pusat-pusat pertumbuhan baru di pekan-pekan kecil umpamanya di Tangga Batu yang menjadi tumpuan penduduk [*Ketawa*] dan Rembau. Saya juga mencadangkan agar kerajaan sentiasa mengambil berat tentang pemantauan pelaksanaan dan pastikan tiada siapa yang tertinggal di dalam menikmati arus pembangunan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada masalah besar untuk membangunkan negara ini di dalam konteks ekonomi adalah pembinaan usahawan bumiputera, dan kita maklum bahawa usaha untuk membangunkan usahawan bumiputera ini telah dilakukan sejak tahun 1970-an lagi. Kita arif bahawa kita menghadapi masalah iaitu usahawan-usahawan bumiputera ini telah dikategorikan sebagai mempunyai sikap-sikap yang boleh menghancurkan usahawan itu sendiri, iaitu antaranya mahu cepat kaya dengan tidak mahu berusaha bersungguh-sungguh. Peluh tidak akan tumpah ke bumi. Peluang yang diberikan oleh kerajaan dijual dengan begitu mudah dan murah untuk mendapatkan hasil yang cepat walaupun sedikit.

Ini adalah satu kenyataan. Istilah yang biasa kita dengar di dalam konteks keusahawanan telah menjadi suatu kebiasaan. Antaranya adalah Ali Baba. Mereka yang memajak lesen perikanan umpamanya kepada orang-orang Siam digelar sebagai "Ahli Siam". Inilah penyakit-penyakit kronik yang berlaku di dalam sistem keusahawanan bumiputera di negara kita. Istilah ekonomi.....

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: [*Bangun*]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:sekejap. Memanggil mereka ini "*rentier class*". Istilah mudah ini, hari ini ramai mengenalinya dengan nama broker. Inilah masalah yang ada di dalam program pembangunan keusahawanan Melayu bumiputera di negara kita. Silakan Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya daripada Tangga Batu. Datuk Dr. Hassan Ahmad sewaktu menjadi wakil tetap Malaysia ke UNESCO dahulu, pernah dalam satu kertas kerjanya mengatakan bagaimanakah institusi bumiputera akan menjadi cemerlang jikalau institusi itu diketuai oleh orang bumiputera yang tidak cemerlang. Dalam kes ini contoh yang paling nyata sahabat saya daripada Tangga Batu, Bank Bumiputera bankrap, Bank Rakyat dulu pernah bankrap. Saya bersetuju dengan pandangan yang Tangga Batu tadi bahawa kita berjaya melahirkan segelintir golongan orang-orang Melayu ataupun bumiputera yang diberikan peluang tetapi akhirnya mereka menjadi pengkhianat kepada bangsa sendiri.

Mereka menjadi pengkhianat, Bank Bumi siapa yang membankrapkan Bank Bumi? Adakah petani di Kubang Kerian, petani di Temerloh, petani di Rantau Panjang, siapa yang membankrapkan Bank Bumiputera? Ini masalah yang berlaku dalam negara kita. Apa pandangan Tangga Batu?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Itu sebablah di dalam RMK-9 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menggariskan bagaimana kritikalnya pembinaan pembangunan modal insan ini. Bagaimana kita boleh membawa insan-insan yang mempunyai jati diri, kekuatan dalaman, kekuatan emosi dan rohani bagi memastikan apa yang telah berlaku, yang telah disebutkan oleh saya sebentar tadi dan juga Kubang Kerian tadi tidak akan berlaku lagi dan inilah sebenarnya *compliment* kepada kemajuan infrastruktur, kemajuan fizikal, prasarana yang kita ada pada hari ini.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: [*Bangun*]

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, mana satu? Belah kiri belah kanan?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Lazimnya saya bagi kawan dululah Tuan Yang di-Pertua, [*Ketawa*] jiran dulu Tuan Yang di-Pertua baru kita pergi yang jauh sedikitlah.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Apabila bercerita berkenaan dengan keusahawanan bumiputera, kita dapati bahawa kerajaan telah mempunyai bermacam-macam agenda, program serta program-program yang di bawah Mara dan sebagainya, kalau tidak silap saya kita ada lebih kurang 26 tabung yayasan dan

sebagainya yang khusus untuk bumiputera. Jadi, apabila Yang Berhormat Tangga Batu menyatakan bahawa kegagalan bumiputera dalam menjadi usahawan yang berjaya, saya cuma hendak tanya Yang Berhormat minta penjelasan. Adakah kegagalan ini disebabkan kekurangan modal? Adakah kegagalan ini disebabkan oleh sikap bumiputera itu sendiri? Adakah kegagalan yang paling utama disebabkan oleh pentadbiran dalam hendak menjayakan sesuatu syarikat ataupun program itu. Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan Yang Berhormat bagi Batu Pahat. 1001 masalah akan berada di hadapan kita, persoalannya adalah bukan kita memperkecilkan masalah tersebut, mengurangkan bilangannya tetapi ialah bagaimana kita menghadapi, bagaimana kita mengurus dan mentadbir masalah tadi. Jadi apa Yang Berhormat bagi Batu Pahat sebut tadi, sebenarnya adalah masalah-masalah yang timbul dan kita sekarang ini dalam usaha untuk mengurus masalah-masalah itu supaya ia tidak akan menjadi batu penghalang kepada kejayaan usahawan Melayu terutamanya dan negara kita amnya. Tuan Yang di-Pertua, silakan.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya daripada Tangga Batu. Daripada apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Tangga Batu tadi, dengan menyebut bahawa orang Melayu sudah diberi banyak kemudahan untuk menjadikan mereka kaya. Tetapi malangnya mereka tidak kaya. Bukan setakat mereka tidak kaya mereka menjadi Ali Baba. Dalam ucapan itu nampak ada persamaan dengan Yang Berhormat daripada Ipoh Timor dengan mengatakan bahawa orang Melayu sudah diberi, tetapi malangnya orang Melayu salah guna.

Barangkali di sana ada kroni, ada salah, ada suatu yang tidak kena pada tempatnya. Dan saya suka petik sepotong hadis Nabi yang mengatakan, (*Membaca sepotong ayat Al-Quran*) "Apabila diberi suatu tanggungjawab kepada bukan ahlinya maka tunggulah masa kehancuran." Jadi barangkali kerajaan bagi kepada yang bukan kepada ahlinya, kepada pakarnya jadi Ali Babalah. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Kalau Yang Berhormat lihat sekurang-kurangnya adalah wakil daripada kerajaan yang meletakkan sikap kerajaan ini sebenarnya lebih kepada muhasabah diri. Kita membetulkan diri kita, tidak kita hanya berdiri duduk diam, lihat dan tunggu apa yang bakal berlaku. Kalau dia tahu yang itu penyakit menyerahkan sesuatu itu kepada ahlinya berlaku dan hendak tunggu hari kehancurannya, orang-orang seperti pihak Yang Berhormat dia tunggu. Kita tunggu dia hancur nanti kita ambil pula tempat dia. Itu lagi tidak baik daripada apa yang berlaku di dalam pihak kerajaan ini.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [Bangun]

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: [Bangun]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ramai yang berminat Tuan Yang di-Pertua. Saya bagi Jasin dulu, Jasin sudah bangun Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tangga Batu. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tertarik tentang hujah yang dibuat oleh Tangga Batu. Memang kerajaan ada menyediakan beberapa kemudahan tetapi sedar atau tidak Tangga Batu, untuk yang kecil-kecil ini ada, yang baru hendak jadi usahawan itu ada, yang besar-besar ada. Kalau yang besar-besar hendak dapat pinjam senang tetapi yang tengah-tengah ini saya tengok ada lubang, memang macam Pasir Mas cakap senang. Tetapi yang sebenarnya di luar sana ini, bagi kami dengan Dungun yang pernah satu ketika dulu, eh! Azab Tuan Yang di-Pertua, azab.

Hendak pergi pinjam dekat bank, ya Allah, naik haus kasut walhal projek sudah dapat dalam tangan. Bila sebut sahaja *collateral*, yang kita ada kolesterol, yang dia minta *collateral* Tuan Yang di-Pertua. Ini saya hendak tanya Tangga Batu ini berkenaan yang tengah-tengah ini macam mana?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Yang Berhormat bagi Jasin saya pun tahu memang pernah berada di satu tahap *down and out*lah Tuan Yang di-Pertua, di bawah sekalilah dalam konteks perniagaan ini dan inilah yang saya cuba sarankan kepada pihak kerajaan supaya benar-benar mengenal pasti siapakah di antara orang-orang Melayu ini yang usahawan tulen dan memang layak di dalam mentadbir dan mengurus perniagaan mereka berbanding dengan mereka yang hanya menjadi broker dan hanya menjadi Ali kepada Baba. Itulah sebabnya saya akan teruskan ucapan saya pada petang ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, habiskan.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: [Bangun]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya, Yang Berhormat bagi Dungun. Ramai sangat kawan, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Tuan Yang di-Pertua, tidak apa bagi lebih sedikit, tidak apa, kita pun panjang masa lagi sampai minggu depan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Berkenaan dengan pembangunan usahawan bumiputera, berkemungkinan saya mempunyai pandangan yang sedikit berbeza. Saya mengakui ada ketirisan, ada program-program yang dilihat sebagai Ali Baba, dan sebagainya.

Tetapi apakah Yang Berhormat bagi Tangga Batu setuju bahawa semenjak Barisan Nasional memperkenalkan Dasar Pembangunan Usahawan Bumiputera bahawa orang Melayu pada tahun 60-an jauh berbeza rendahnya berbanding dengan pada tahun 70-an. Dalam tahun 90-an, 2000 ini kita dapati bahawa bumiputera ketika ini jauh pencapaiannya dari segi pembangunan usahawan berbanding dengan tahun 60-an dan 70-an yang ketika itu dasar pembangunan usahawan di peringkat kerajaan tidak berapa jelas dan tidak mempunyai hala tuju.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya bukan bersikap negatif tetapi rata-rata saya mengatakan bahawa selepas pengenalan Dasar Ekonomi Baru bahawa bumiputera baru mengenali kembali selepas dipenjarakan begitu lama bahawa pemikiran dan minda bumiputera ini sudah berubah untuk menjadi usahawan. Jadi oleh kerana kita rasa agak gagal kerana kita membandingkan mungkin dengan bukan bumiputera yang ketika itu sebenarnya tahun 70-an merupakan generasi kedua yang sekarang ini sudah menjadi generasi keempat.

Maka rentetan sejarah perjuangan pembangunan usahawan bukan bumiputera jauh lebih terdedah, lebih baik, mempunyai daya tahan dan sebagainya berbanding dengan bumiputera hari ini. Jadi apakah Yang Berhormat bersetuju supaya kalau hendak dijayakan lagi secara relatif, bagi saya bumiputera berjaya. Kalau kita tengok dalam *bankruptcy column* ketika ekonomi meleset pada tahun 1985 dan kita tengok dalam tahun 1997, 1998, bukan bumiputera merupakan 80 peratus yang mufis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, siapakah yang berucap?

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat bagi Tangga Batu sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak bahawa yang mufis itu 80 peratusnya bukan bumiputera bererti dari segi daya tahan bumiputera dalam menghadapi cabaran ini jauh lebih baik berbanding dengan bumiputera sebelum ada dasar kerajaan. Cuma mungkin dari segi relatifnya berbanding dengan kaum seperti bukan bumiputera yang merupakan generasi yang berniaga lebih sudah lebih daripada empat generasi.

Jadi apakah sebenarnya Yang Berhormat bersetuju supaya dalam keadaan ini bumiputera perlu diberi satu lompatan yang lebih jauh seperti lompatan saujana untuk mengatasi ketirisan, memilih bumiputera yang tulen tadi tetapi dalam skop dan pendekatan yang luar biasa, tidak boleh lagi dalam keadaan atau kaedah biasa seperti yang ada di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, di MARA dan di mana-mana, malah kita jayakan bumiputera pun kadang-kadang dasar kita tidak berapa jelas sehingga kadang-kadang macam DRB Hicom dahulu kita swastakan untuk dijayakan sebagai raja automobil kepada Allahyarham Tan Sri Yahya tetapi bila dia

meninggal dunia, anak dia yang terpaksa mengambil ekuiti yang tidak setimpal dengan keupayaan dia.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ambil alih nampak.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Jadi terima kasih kerana beri masa yang panjang tetapi itulah saya rasa dari segi....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu, boleh sambung?

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: ...pembangunan usahawan itu, bagaimana pendekatan dan pandangan Yang Berhormat dalam hal ini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh sekali jawab?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sekali? Sebelum itu, Tuan Yang di-Pertua, ada peraturan tak untuk tukar berucap? *[Ketawa]* Bila Yang Berhormat bagi Dungun berucap, saya mencelahlah. Sila, sila Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Semalam Menteri Kerja Raya, Yang Berhormat bagi Sungai Siput ada mengumumkan bahawa beliau ingin menolong peluang-peluang Rancangan Malaysia Kesembilan ini kepada kontraktor kelas F bukan melalui secara sub kontrak, dengan izin, tetapi diberi *direct*, diberi terus, dipecah-pecahkan. Kita amat mengalu-alukan kerana ramai kontraktor kelas F ini adalah terdiri daripada kalangan bumiputera. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, masalah kita ini yang mendapat habuan banyak ini dahulu dengan kita tetapi sekarang berpaling tadah, ada di sebelah sana. *[Memandang ke arah Yang Berhormat bagi Tumpat]* Apa pandangan Yang Berhormat? Minta sedikit penjelasan. Dahulu dengan kita, sekarang dia sudah dapat habuan, sudah kaya-raya, dia pergi sebelah sana pula. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Itu dikira seperti kacang lupukan kulit.

Seorang Ahli: Ada yang terasa.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ceritanya macam ini, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Dungun tadi, saya bukanlah tidak bersetuju semua, ia tengah-tengah. Ceritanya kejayaan ini adalah subjektif.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Rembau bangun.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Boleh Yang Berhormat?

Seorang Ahli: Belum jawab lagi, biar dia jawab dahulu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Biar saya jawab Yang Berhormat bagi Dungun...

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Ini Maran.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ...selepas itu saya komen.... Yang Berhormat bagi Larut saya sudah komen.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: *[Bangun]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat bagi Tumpat pun saya bagi. Saya bersifat liberal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau hendak bagi semua, terpaksa saya minta Yang Berhormat berhenti sebab masa sudah cukup. *[Ketawa]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Dungun memberikan satu kupasan yang menarik. Kejayaan adalah boleh dijadikan sebagai subjektif dan juga sesuatu yang objektif jika kita mempunyai sasaran dan pencapaian yang nyata dan boleh dikira. Kalau kita dibandingkan dengan etnik lain, kalau kita lihat di situ mungkin kita masih lagi berada di tahap banyak lagi ruang untuk kita perbaiki tetapi jika kita mengukur daripada keupayaan kita satu ketika dahulu, mungkin kita telah berada jauh daripada kedudukan yang lama. Jadi hari ini sebenarnya dalam masyarakat majmuk, *plural society*, kita perlu melihat diri kita dalam konteks perbandingan dengan rakan-rakan kita yang lain dan saya kira kita masih lagi jauh ketinggalan di belakang.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: *[Bangun]*

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sila Yang Berhormat bagi Tumpatlah.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Maran sudah lama dah. Saya ada pandangan yang berbeza.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya tidak akan mengulas sahabat saya, Yang Berhormat bagi Larut kerana beliau telah memberikan...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terasa pula, tidak sebut nama pun. *[Ketawa]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Beliau telah memberikan pengiktirafan yang begitu tinggi kepada saya kerana berjaya sekurang-kurangnya dalam masa berkhidmat dalam parti Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dahulu. Dan sekarang saya sedang mencipta kejayaan dalam bidang yang saya pilih yang keduanya pula.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dirintih oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu dan diulas oleh rakan-rakan yang lain, saya fikir penting untuk kita membincangkan dengan serius. Nampak jelas bagaimana Yang Berhormat bagi Dungun sebutkan rintihan daripada Yang Berhormat bagi Tangga Batu itu adalah perlunya kaum bumiputera diberikan peluang untuk bangun dalam bidang ekonomi. Tetapi jelas juga bahawa semenjak hampir lebih kurang 10 tahun, kenaikan kadar bumiputera ini telah tertahan di tahap 18%, 19% begitu. Dasar Ekonomi Baru wujud hasil daripada suatu keadaan ekonomi dan politik yang begitu besar, maka ia perlukan pimpinan politik yang besar. Maka untuk kita melonjak daripada 18% ini, tidakkah kita perlu memikirkan formula politik yang baru juga seperti yang pernah berlaku dalam tahun 70-an yang lalu. Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Itu satu provokasi yang begitu lembut, yang tidak terasa. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tumpat menyarankan sesuatu yang bakal berlaku jika mereka memerintah negara ini. Kalau begitu caranya, jangan haraplah Yang Berhormat bagi Tumpat dapat memerintah negara. *[Ketawa]*

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, pada saya apa yang kita harapkan ialah 30% itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:bukan sebagai angka untuk meletakkan kita 30% sahaja. Kalau boleh kita pergi ke arah 100% supaya kita akan jadikan usaha kita tadi akan kita garapkan supaya kita memperolehi apa yang kita cita-citakan selama ini. Yang Berhormat bagi Rembau pun minat. Yang kiri dapat, yang kanan pun dapat, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Sebenarnya pada pandangan saya, mungkin masalah ketidakberjayanya sebahagian daripada bumiputera dalam bidang perniagaan ini mungkin kerana budaya keusahawanan itu mungkin merupakan satu perkara baru kepada masyarakat bumiputera sebab mengikut satu kajian yang dijalankan oleh PNB, didapati bahawa di dalam tiap-tiap keluarga bukan bumiputera, khususnya rakan kita, orang Tionghoa dalam tiap-tiap satu keluarga ada satu usahawan.

Tetapi di kalangan keluarga Melayu, cuma ada tiap-tiap 20 keluarga, satu sahaja usahawan. Jadi saya hendak cadangkan kalau Yang Berhormat bagi Tangga Batu bersetujulah, supaya budaya keusahawanan ini kita terapkan di peringkat lebih awal lagi, di peringkat sekolah dan tiap-tiap keluarga Melayu mestilah kita wujudkan sekurang-kurangnya seorang usahawan. Macam mana pandangan Yang Berhormat bagi Tangga Batu?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rembau selaku Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan BNBB. Dan untuk makluman Yang Berhormat bagi Rembau, idea untuk mempunyai satu usahawan dalam satu keluarga ini memang telah diterapkan oleh pihak Kementerian dan saya yakin mungkin dari segi pelaksanaannya perlu pemantauan yang lebih rapi. Tuan Yang di-Pertua, saya bagi Yang Berhormat bagi Maran.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulunglah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yalah, lepas ini.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tangga Batu, saya nak memberikan pandangan yang berbeza sedikit. Kalau tadi kita mempersoalkan kemajuan bumiputera, di mana berlakunya usahawan-usahawan bumiputera, yang akhirnya menjadi 'Ali Baba' dan sebagainya. Tapi saya nak mencadangkan, nak bertanya pandangan Yang Berhormat, sekarang kita ada Ali dan kita ada Baba. Kita tengok Rancangan Malaysia Kesembilan yang dibawa oleh Pak Lah, Perdana Menteri kita ialah untuk mengukuhkan perpaduan nasional.

Apakah, kita kalau boleh, kita minta peranan daripada sahabat kita sebelah, Baba tadi. Apa salahnya kalau kita tahu Ali ini memang ada kelemahan, dan dia tak boleh berfikir untuk memajukan diri dia, Baba tolong. Sebab itulah, saya minta supaya kalau boleh saya nak mencadangkan satu badan yang khusus supaya pemimpin bumiputera ini terdiri daripada kawan kita yang telah berjaya. Serupa jugalah kita bercakap tentang rasuah. Kita marah kepada orang memberi rasuah. Tetapi yang menerima kita tidak bertanya. Sepatutnya kita soalkan dua sekali. Saya minta pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat Maran. Kita pun tidak pernah tidak bersetuju dengan saranan supaya mewujudkan suatu sistem *smart partnership*, di mana kedua-duanya menyumbang di dalam bentuk kekuatan mereka, tetapi yang kita menegur ini adalah mereka yang hanya menjual dengan tidak berusaha keras, tidak ada peluh tumpah ke bumi dan ingin mendapat pendapatan yang cepat, yang segera. Itu yang kita pertikaikan. Yang berusaha bekerja keras bersama-sama, itu teruskan, teruskan perjuangan. Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Tahun 90-an, kerajaan ada membantu orang Melayu, bukan tak ada. Tapi *approach*nya salah. Kebanyakan dewan-dewan perniagaan Melayu, persatuan-persatuan kontraktor Melayu, dapat projek daripada kerajaan. Tetapi akhirnya, dia jualkan. Harapkan pagar, pagar makan padi. Tak sampai ke bawah. Bila kita beritahu kerajaan, kerajaan kata dah bagi melalui persatuan. [*Menyampuk*] Dewan perniagaan Melayu, apa yang tak dapat? Dapat saham, *short selling*. Dapat agen, agen Proton, agen Perodua, semua dijualnya. Dapat kontrak yang besar-besar, sekolah-sekolah bawah Persatuan Kontraktor Bumiputera, diAliBabakan. Bukan dapat kepada ahli. Jadi kita minta akan datang, kerajaan jangan buat silap lagi. [*Menyampuk*]. Kita kenal pasti mana bumiputera yang mempunyai daya maju, yang itu kita bagi. Ini persatuan-persatuan ini, indah khabar daripada rupa. Harapkan pagar, pagar makan padi.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Komen saya Tuan Yang di-Pertua, harapkan pagar, pagar makan padi, tak payahlah kita bina pagar. [Ketawa] Kerana dengan kaedah *biotechnology* ini, burung-burung, tikus-tikus pun dah tak boleh makan padi dah. Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan bacakan tiga. Saya akan bacakan tiga saranan saya kepada kerajaan bagi tujuan mempertingkatkan ataupun merancakkan lagi sumbangan bumiputera di dalam kemajuan ekonomi negara bagi RMK-9 ini. Yang pertama, dirancakkan kembali usaha satu daerah, satu industri serta satu kampung satu produk. Ini sudah pasti akan membabitkan industri kecil dan sederhana dalam pelbagai lapangan pertanian perkhidmatan dan pembuatan.

Yang kedua, pastikan terlaksananya pelbagai program membasmi kemiskinan, maka perlunya perantara dan pemudah cara kepada perkhidmatan bantuan yang disediakan oleh pelbagai agensi kerajaan bagi membela nasib rakyat termiskin. Sesungguhnya komitmen kita ialah untuk menghapuskan terutamanya kemiskinan tegar menjelang 2010 dan kekurangan lainnya diatasi melalui agenda pendidikan negara. Yang ketiga, Malaysia perlu mencari mismarketnya sendiri.

Dalam hal ini, sektor pelancongan dan kraf tangan mempunyai potensi yang amat besar. Indonesia misalnya, sektor kraf tangannya tidak kurang hebat di mana tukang-tukang di kampung pun mendapat tempahan besar daripada pelbagai pusat peranginan di luar negara seperti Mexico, America, Puerto Rico dan lain-lain lagi. Dalam hal ini, pembuat ubat-ubatan berdasarkan herba dan komestik merupakan satu sektor yang boleh Malaysia kuasai di peringkat antarabangsa. Kajian menunjukkan sektor ini yang dahulunya dipandang sebelah mata oleh masyarakat peniaga, hari ini telah terbukti mampu menjana perolehan negara yang tidak kurang besarnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon dicadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Aman.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Mohon menyokong. [Ketawa]

3.45 ptg.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri di sini untuk menyokong RMK-9. Dan melalui RMK-9 itu, merayu kepada kerajaan dan pihak-pihak yang berkenaan untuk membantu dengan cara yang lebih fokus kaum bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak yang tidak disentuh dengan terperinci dalam RMK-9 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan RMK-9 itu tadi. Saya memang berterima kasih kepada bantuan yang telah diberi kepada kami, kaum minoriti bumiputera di Sabah dan Sarawak dan berterima kasih kepada janji yang telah dilafazkan oleh pemimpin-pemimpin kita selama ini.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, banyak yang belum disampaikan, yang tidak disampaikan dan harus disampaikan kepada kaum bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak. Semasa hendak membentuk negara Malaysia, yang terdiri dari Semenanjung Tanah Melayu, Sarawak, Sabah, Brunei dan Singapura, Allahyarham Tun Abdul Razak, Tunku Abdul Rahman Putera, Senu Abdul Rahman dan yang lain, Ghazali Shafie dan yang lain-lain, asyik sekali pergi ke seluruh pelosok Sarawak dan Sabah dan berjumpa dan bermesra dengan kaum-kaum yang berada di situ seperti kaum Iban, Kayan, Kenyah, Bidayuh, Melanau, Kelabit, Dusun, Kadazan dan yang lain-lain. Tetapi semua ini telah dilupakan. Sekarang, apabila pemimpin kita di Semenanjung bercakap tentang bangsa-bangsa yang berada di Malaysia, mereka hanya menyebut Melayu, Cina dan India.

Semalam Tuan Yang di-Pertua, saya melihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bercakap melalui TV tentang *tourism* di Malaysia pun, hanya menyentuh Melayu, Cina dan India. Seminggu yang lepas juga, saya melihat beliau bercakap di CNN juga melalui pelancongan. Beliau juga hanya menyebut kaum yang bertiga ini. Yang memarahkan kaum-kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak ialah apabila mengisi borang kerajaan, di situ biasanya hanya empat kotak untuk kaum di Malaysia. Melayu, Cina, India dan lain-lain.

Dengan secara langsung dan tidak langsung, kewujudan mereka pun dinafikan. Kalau diperakukan pun mereka hanya dalam tempat kelas keempat. Walaupun bumiputera, tapi di dalam kelas yang keempat. Kalau kewujudan mereka dinafikan, apakah harapan mereka untuk menikmati layanan yang istimewa? Dari perbincangan saya, dengan orang yang rendah, yang di bawah, yang di kampung-kampung, di rumah panjang, mereka ramai sudah hilang harapan. Mereka tengok kaum Cina kaya, ada kekuatan untuk menyara keinginan dan kemahuan mereka.

Kaum Melayu besar, menerajui kerajaan dan ada kekuatan politik untuk merealisasikan idaman mereka. Kaum India, ada kekayaan dan pendidikan yang tinggi. Kaum bumiputera minoriti, tidak ada kekayaan atau kekuatan politik. Mereka merasa tertinggal. Apabila mencari pekerjaan dengan kerajaan, mereka tahu kemungkinan besar mereka atau anak mereka tidak akan dipilih. Sebabnya, tidak ada orang dari kaum mereka yang duduk dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Awam atau *Public Service Commission*.

Kejadian ini memang dinafikan oleh kerajaan dan SPA, tetapi kata bumiputera minoriti, bongkar rekod SPA, tengok siapa yang memohon dan selepas itu tengok siapa yang mendapat tawaran kemudiannya. Kami dari kaum Iban, menyokong kedaulatan dan keutuhan bahasa Malaysia, tetapi kami juga menyokong pengajaran dan pembelajaran bahasa Iban di Sarawak. Pertanyaan saya, mengapa bahasa Iban diajar di luar waktu di sekolah-sekolah di Sarawak? Mengapa balasan yang begitu teruk. Di Sarawak, 70% penduduk adalah bukan Islam. Mereka setuju dengan kerajaan memberi bantuan kepada surau dan masjid tetapi mereka tidak mengerti mengapa kerajaan tidak berminat memberi bantuan kepada gereja mereka?

Apa telah terjadi kepada pakatan penubuhan Malaysia dahulu. Dalam senario yang begitu orang yang menjadi pujian golongan ini ialah orang yang berjaya dari kaum mereka dan selepas itu dapat *permanent resident* di Australia, New Zealand, USA dan England. Mereka ini bukan hendak meninggalkan negeri mereka dengan gembira tetapi mereka tidak nampak cara lain untuk menghadapi ketidakadilan yang berlaku kepada kalangan mereka, ini adalah undi tidak percaya kepada kita di sini.

Cadangan saya untuk mewujudkan semangat kekitaan di semua penghuni di Malaysia lebih-lebih lagi kaum bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak adalah seperti berikut Tuan Yang di-Pertua:

Pertama, setiap kementerian harus membuat secara *conscious* atau sengaja untuk memikirkan penglibatan Bumiputera minoriti apabila membuat...

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Pasir Mas, Pasir Mas..

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: ...apa-apa, tidak ada masa....*[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]...apa-apa polisi, atau....*

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Hendak sokong, hendak sokong...

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:atau perancang...

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya hendak sokong, saya hendak sokong, bagilah saya hendak sokong.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Sila.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Aman.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Betapa payah hendak dapat ini *[Ketawa]* Payah sungguh. Saya sokong dan saya puji Yang Berhormat daripada Bukit Aman bagaimana telusnya.....*[Dewan menjadi riuh seketika dengan sorakan ketawa]* Sri Aman, maaf, maaf, Sri Aman, bukan Bukit Aman tetapi Sri Aman bagaimana telusnya Sri Aman yang telah melahirkan, merintih apa yang sebenar berpijak di bumi kenyataan. Berbeza dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat lain daripada Sabah dan Sarawak, masing-masing bercakap atas terlalu tinggi. Tidak kepada bumi kenyataan, sekarang saya dengar sekarang ini, apa yang disebut oleh Sri Aman.

Bagaimana kaum minoriti di kalangan orang-orang yang mewakilinya tidak mendapat apa-apa layanan.

Jadi saya berdiri walaupun saya daripada parti PAS kerana Islam yang diperjuangkan oleh PAS ini iaitu sama rata, tidak ada an-nas 'Musawasih', manusia ini sama dari segi hukum dan dari segi layanan tidak ada beza antara hukum dan layanan sama sahaja siapa yang membuat kesalahan maka dia mesti dihukum tidak kira dari anak sendiri ataupun keluarga sendiri. Begitu juga dari segi layanan, rezeki mesti sama, jadi apa pandangan Yang Berhormat bagi Sri Aman, ia menyebabkan perkara-perkara ini berlaku kepada suku-sakat minoriti yang berada di seluruh negara. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih, dengar dahulu ucapan saya ya Yang Berhormat. Jadi saya syorkan semua kementerian patut ada *affirmative actions* seperti di negara lain untuk mengambil lebih ramai lagi kaki tangan kerajaan dari kaum ini dan menentukan peluang naik pangkat mengikut merit dan kesesuaian.

Kedua, gunakan nama semua suku kaum dalam perbincangan atau tulisan, jangan gunakan "dan lain-lain", ini tidak disukai. Dengan adanya komputer ini, ini bukanlah satu atau urusan yang susah. Untuk Sarawak gunakanlah istilah Dayak kalau tidak mahu menyebut suku kaum-suku kaum yang lain iaitu Dayak itu ialah semua bumiputera minoriti yang bukan Islam.

Ketiga, untuk Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, saya cadangkan kementerian kumpulkan dan rakamkan sastera dan budaya semua suku kaum dan setakat mana yang boleh, ketengahkan budaya dan sastera itu. Gunakanlah kaum itu sendiri apabila hendak membuat pengumpulan data atau rakaman di kampung-kampung atau di rumah panjang. Begitu juga, apabila membuat pertunjukan pementasan di luar atau di luar negeri. Begitu juga dalam universiti-universiti, mereka patut menjadi pusat terunggul pengajian bahasa dan sastera bumiputera di Malaysia. Pada masa sekarang yang lebih arif dalam perkara ini ialah universiti-universiti di England dan di Amerika Syarikat.

Keempat, untuk Kementerian Pelajaran. Saya syorkan sukatan pelajaran disemak semula dan dimasukkan unsur-unsur dari Sabah dan Sarawak. Sebagai contoh ukiran-ukiran dari Sabah dan Sarawak patut diserapkan ke dalam sukatan pelajaran ukiran di Tingkatan 4, 5 dan 6. Novel-novel, puisi dan hikayat-hikayat dari Sabah dan Sarawak patut disenaraikan dalam senarai pembelajaran sastera di Malaysia. Saya juga memohon Kementerian Pelajaran membina dengan segera sekolah-sekolah rendah dan menengah yang telah dirancang dan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan dan terus membina sekolah-sekolah yang baru. Sebuah dari sekolah baru ini harus di tempat di Pekan Pantu yang telah diminta oleh penduduk itu di situ sejak tahun 1970.

Kelima, beri lagi banyak lagi *airtime* ataupun masa kepada RTM untuk mengudarkan aktiviti-aktiviti di Sabah dan Sarawak atau letakkan satu TV stesen di sana. Gunakanlah bahasa Melayu yang standard, bahasa Iban yang standard, bahasa Kadazan yang standard.

Seterusnya saya juga di sini memohon Kementerian Pembangunan Usahawan membantu kerajaan negeri Sarawak dan Sabah dengan memberi lebih banyak lagi bantuan kewangan untuk menyahut permohonan pinjaman rumah bagi rumah lebih-lebih lagi rumah panjang di Sarawak. Ini akan menyekat penghijrahan dari desa ke bandar-bandar di Sarawak dan di Sabah, penghijrahan ke Selangor, ke Johor dan ke Singapura.

Untuk membantu bumiputera yang minoriti yang kebanyakannya petani, saya merayu pertolongan dari Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi membantu mereka yang ada tanah kaum bumiputera dengan memberi *seedlings* atau anak sawit, baja dan bantuan kewangan untuk meninggikan taraf hidup mereka. Yang ingin menanam getah, saya harap bantuan yang serupa juga akan diberi. Saya ada mendengar desas-desus bahawa bantuan hanya akan diberi kepada orang yang mempunyai tanah yang ada geran. Saya harap ini tidak akan berlaku oleh sebab tanah kaum ini tidak pernah diukur dan ini bukanlah kesalahan mereka.

Saya juga minta Jabatan Perdana Menteri menghulurkan bantuan kepada gereja-gereja dan tokong-tokong sebagai petanda kerajaan kita adalah kerajaan yang prihatin kepada keperluan semua rakyat yang berada di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, semasa hendak membentuk Malaysia, Tuanku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak membawa pemimpin dari Malaysia Timur pergi melihat rancangan pembangunan luar bandar dan rancangan FELDA. Wakil-wakil dari Brunei tidak kagum dan tidak mahu turut serta membentuk Malaysia tetapi wakil-wakil dari Sabah dan Sarawak sungguh tertarik melihat jalan raya, jalan kampung, bekalan api dan bekalan air yang berada di Semenanjung Malaysia. Saya masih teringat ketua-ketua masyarakat saya bercakap melalui Radio Sarawak pada masa itu iaitu tahun 1961 dan tahun 1962, mengatakan betapa untung kita kalau kita membentuk Malaysia bersama Sabah dan Semenanjung Malaysia kerana kampung kita akan di bekal dengan jalan raya, api, air dan tanah terbiar kita akan dibangunkan dengan tanaman sawit dan getah. Ketua-ketua itu menunggu dan menunggu dan menunggu tetapi jalan, api dan air tidak datang dan lama-kelamaan mereka meninggal dunia. Pengganti mereka juga menunggu, menunggu dan menunggu dan kemudian meninggal dunia tanpa melihat jalan, api dan air. Hari ini...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Tidak ada masa, Yang Berhormat ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sedikit, sedikit, sedikit...

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Hari ini...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Setengah ayat sahaja, sedikit, sedikit. Sedikit sahaja. Berapa generasi sudah meninggal dunia semacam ini, berapa generasi?

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Dengarlah ucapan saya Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, hari ini giliran saya pula kami dari Sabah dan Sarawak masih memohon bekalan api, air, jalan kampung dan jalan luar bandar. Permohonan ini telah saya buat. Selepas ini saya akan hantar sekali lagi permohonan saya dan saya berharap saya tidak akan menunggu, menunggu dan menunggu dan seterusnya meninggal dunia tanpa melihat bekalan api, air, jalan kampung dan jalan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi untuk menentukan ada kemaraan dan kemajuan di setiap kawasan Parlimen setiap tahun, saya mencadangkan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mengagihkan RM2 juta untuk bekalan air, RM2 juta untuk bekalan elektrik, RM2 juta jalan luar bandar dan RM2 juta untuk jalan kampung. Jadi kalau begini adalah kemajuan di setiap kawasan Parlimen di seluruh Malaysia. Oleh kerana pada masa sekarang kita minta dan menunggu jawapan kementerian seperti hendak menunggu empat nombor ekor. Selepas membeli tiket seperti menunggu empat nombor ekor.

[Dewan menjadi gamat seketika dengan ketawa]

Jadi, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat ada beli empat nombor ekor?

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Kadang-kadang ada.

[Dewan menjadi gamat seketika dengan ketawa]

Kerana saya adalah Yang Berhormat yang miskin Tuan Yang di-Pertua.

[Dewan menjadi gamat seketika dengan ketawa]

Dan cuba nasib. Jadi dengan harapan begitu Tuan Yang di-Pertua, saya masih mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

4.01 ptg.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Maka sampailah giliran saya daripada negeri Kelantan. Saya juga ingin membahaskan Rancangan Malaysia Kesembilan di mana merupakan satu rancangan yang amat penting untuk kita merealisasikan fasa kedua bagi mencapai Wawasan 2020 nanti.

Saya yakin dengan Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM200 bilion telah pun dicadangkan untuk diperuntukkan untuk pembangunan dalam rancangan pembangunan lima tahun daripada tahun 2006 hingga 2010 adalah akan memberi satu inspirasi kepada pembangunannya dan juga membela kepada rakyat keseluruhannya.

Kita tahu Tuan Yang di-Pertua, objektif utama bagi Rancangan Malaysia Kesembilan ini adalah untuk mengukuhkan perpaduan nasional. Ini adalah satu ungkapan yang amat penting kepada negara kita. Kita perlukan perpaduan untuk kita memastikan kejayaan rancangan-rancangan besar oleh kerajaan. Hari ini setelah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dapati rata-rata semuanya menyokong dan ada yang memberi pandangan yang baik untuk merealisasikan rancangan pembangunan ini supaya dapat memberi kesan yang baik kepada rakyat keseluruhannya.

Tadi saya kebetulan dapat berbual ataupun bercakap dengan jiran saya Ahli Parlimen bagi Pasir Mas. Dia mengatakan bahawa saya tidak pastilah ini di luar Dewan, beliau mengatakan bahawa dia menyokong penuh sebagai parti pembangkang kepada Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Malaysia dia menyokong penuh Rancangan Malaysia Kesembilan tambahan pula peruntukan yang besar diberi kepada negeri Kelantan, terutamanya dengan cadangan untuk membina Universiti Darul Naim ini dapat memberi kesan yang baik untuk seluruh rakyat negeri Kelantan khususnya tidak kira fahaman politik ataupun pegangan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu negeri Kelantan juga diperuntukkan dengan sejumlah RM7.6 bilion untuk Rancangan Malaysia Kesembilan ini, di mana kenaikan hampir 300% daripada Rancangan Pembangunan Malaysia Kelapan lepas. Jadi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Perdana Menteri dan kerajaan kerana bersungguh-sungguh untuk membantu rakyat negeri Kelantan walaupun diperintah oleh kerajaan pembangkang.

Jadi hari ini kita menyambut baik cadangan dan juga sokongan daripada Kerajaan PAS negeri Kelantan untuk sama-sama kita memberi kemudahan kepada rakyat. Hari ini kita tengok beberapa tempat telah pun dicadangkan oleh pemimpin PAS untuk dibina universiti. Sebenarnya untuk dapat kredit ini Tuan Yang di-Pertua. Tetapi kita tahu terima kasih kepada Kerajaan PAS kerana memberi beberapa tempat ataupun tanah kerajaan untuk dibina Universiti Darul Naim nanti.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tempat ini tidak mustahak bagi kita rakyat negeri Kelantan, yang mustahak adalah kita memperoleh sebuah universiti yang dimimpikan selama ini dan baru-baru ini Majlis Kemajuan Negeri Kelantan melalui 59 resolusi telah pun diusulkan kepada Perdana Menteri, dan salah satunya adalah untuk mendapatkan sebuah universiti negeri Kelantan Darul Naim.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: *[Bangun]*

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Silakan sahabat saya.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Saya hendak mengucapkan tahniah kepada wakil-wakil rakyat Ahli Parlimen Barisan Nasional daripada Kelantan kerana telah memperjuangkan Universiti Darul Naim ini. Jadi di sini oleh kerana Lipis bersempadan dengan Kelantan, jadi saya hendak mencadangkan supaya universiti ini dibina di Gua Musang kerana Kelantan dapat nikmat universiti dan utara Pahang juga dapat limpahannya dan kita sama-sama membangun. Macam mana, setuju tidak dengan saya?

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Lipis. Sebenarnya inilah perjuangan kita yang telah membuahkan hasil daripada kepimpinan wakil-wakil rakyat khususnya wakil rakyat daripada Barisan Nasional. Tempat ini tidak penting. Hari ini kita tahu ada yang memperkatakan cadangan di Gua Musang seperti kata Yang Berhormat tadi. Ada yang mencadangkan di Bachok dan ada yang merasakan lebih sesuai buat di Jeli.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Saya rasa yang lebih adilnya kita letak di tengah-tengah iaitu di Parlimen Tanah Merah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Silakan sahabat saya.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Saya setuju dan saya tertarik sungguh dengan apa yang telah diperkatakan dan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Sebenarnya Kelantan buka - Tok Guru Nik Aziz Menteri Besar Kelantan, Yang Amat Berhormat Tok Guru Nik Aziz buka Kelantan kepada sebarang pembangunan yang baik untuk rakyat Kelantan. Pernah satu ketika dahulu Kerajaan Negeri Kelantan PAS bagi tanah 78 ekar - keluasan 500 ekar tanah di Bachok supaya dibina sebuah universiti. Tapi malangnya tidak dibina universiti cuma dibina sekolah menengah sahaja.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jadilah!

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Jadi saya rasa tidak timbul masalah tanah atau masalah apa. Kita memang *offer* tanah cuma kesungguhan kerajaan betulkah ataupun hanya politik. Saya bimbang, takut benda ini politik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Soalan?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Soalannya, apakah betul azam Kerajaan Pusat untuk membangunkan Kelantan bukan setakat universiti, pelabuhan Tumpat sebagaimana yang disebut oleh Tuan Guru Menteri Besar supaya dibina juga pelabuhan yang mewakili Pantai Timur Malaysia Barat supaya ada satu pelabuhan. Selain daripada universiti, ada pelajar universiti sudah jadi orang-orang cerdik pandai maka hendak pelabuhan pula. Hendak eksport, hendak import barang-barang tempatan.

Jadi kita hendak supaya bukan sahaja Malaysia Barat yang maju tapi Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah, Sarawak dan seluruh Malaysia ini mesti dibangunkan selaras dan sejajar dengan hasrat yang saya katakan tadi adalah baik bukan setakat baik tetapi terbaik insya-Allah. Apa pandangan Yang Berhormat?

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih. Sebenarnya kita juga mengimpikan pembangunan-pembangunan lain dan kita yakin dengan adanya koridor timur yang termasuk juga negeri Kelantan, Terengganu dan juga Pahang sudah pasti kerajaan telah pun mengkaji untuk mengadakan kemudahan-kemudahan seperti pelabuhan dan lain-lain lagi.

Juga, tentang tanah yang telah disediakan di Bachok iaitu di Tanggok, saya yakin kerajaan akan meneliti untuk membina institusi pendidikan sebagaimana yang telah dibina seperti sekolah berasrama penuh dan juga IKBN. Silakan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Sekejap saja.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya hendak tanya Yang Berhormat, kesungguhan Kerajaan Barisan Nasional/Kerajaan Pusat terutama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk membantu memajukan lagi negeri Kelantan yang sekarang diperintahkan oleh PAS selama 15 tahun, azab dan seksa yang ditanggung oleh rakyat negeri Kelantan, terutamanya. Jadi apakah Yang Berhormat melihat bahawa dengan adanya pembangunan ini yang begitu jelas kesungguhan kerajaan - bukan Kerajaan Barisan Nasional bohong, tidak bohong bahawa negeri Kelantan akan jatuh balik ke tangan Barisan Nasional dalam pilihan raya yang akan datang. Apa pandangan Yang Berhormat, supaya Yang Berhormat bagi Pasir Mas faham.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Larut. Inilah kita hendak tunjukkan bahawa kita tidak berbohong. Kita tidak berbohong. Kerajaan Barisan Nasional tidak berbohong. Kalau dia kata hendak buat, dia akan ikhtiar sehingga menjadi kenyataan. Ikhtiar maksudnya kita berusaha supaya menjadi realiti perkara-perkara yang diperlukan oleh rakyat walaupun diperintah oleh Kerajaan PAS.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *[Bangun]*

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Hendak lagi? Masa saya sudah tak ada ni.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya menyokong sikit.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Sokong tak apa. Okey.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tanah Merah, sahabat saya. Saya sebenarnya terpanggil walaupun saya masuk lewat sikit petang ini. Lewat kerana urusan rasmi juga, Tuan Yang di-Pertua. Apabila sebut universiti, kita tidak usah dok bincang lagilah. Sebab kalau kerajaan, PM sendiri yang sebut dalam Dewan yang mulia ini - Universiti Darul Naim Kelantan. Cuma saya hendak ubah, kalau boleh tidak usah Darul Naim. Universiti Kelantan apa salahnya?

Itu pandangan saya tetapi saya tidak boleh ubah, tidak ada kuasa. Tetapi saya hendak menyatakan bahawa kerajaan negeri beri tanah. Kalau tidak mampu hendak sediakan bajet, beri tanah. Kalau duit ada tanah tidak ada, tidak jadi buat juga. Maka sebab itulah bagi saya, Yang Berhormat bagi Pasir Mas sebut tadi itu bukan menyindir kerana negeri tidak mampu. Dia ada nafsu hendak buat pembangunan tetapi tidak ada duit. Tetapi kita sediakan duit, dia sediakan tanah.

Ini kerjasama sebab Kerajaan Persekutuan tidak ada diskriminasi dalam soal pembangunan ini. Ini sejak saya duduk dalam Parlimen Pasir Putehlah! Dulu mungkin tidak adalah... Jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat bagi Tanah Merah?

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Ya, saya setuju. Cuma yang nama itu kita serahkan kepada Kerajaan Pusat ataupun mereka yang berhak.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kubang Kerian.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Saya, masa tidak panjang. Setengah minit.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Setengah minit. Baik. Terima kasih.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Hendak sokong atau hendak apa ini? Kalau sokong boleh.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Hendak sokong. Sokong.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Ha, sokong.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Jangan bimbang, Tuan Yang di-Pertua, sebab Exco Kerajaan Negeri Kelantan telah pun menyediakan tiga tapak tanah. Itu tidak berbangkit, kita sokong. Satu lagi saya hendak minta pandangan daripada sahabat saya Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Ini juga kita kena sama memperjuangkannya. PAS atau UMNO kita jangan kira.

Satu kesilapan yang dibuat oleh Kerajaan BN adalah mendaratkan 8.5 trilion kaki padu gas ke Songkhla. Kemudian di kawasan Kelantan-Vietnam kita ada *reserve* gas sebesar 854.4 bilion kaki padu. Kenapa tidak didaratkan di Kelantan? Ini untuk rakyat Kelantan! Jadi bersedikah kita berjuang, PAS dan UMNO untuk mendaratkan kembali gas ini ke Kelantan, setuju atau tidak?

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Saya bersetuju sekiranya negeri Kelantan diperintah oleh Kerajaan Barisan Nasional. *[Tepuk]* Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Sahabat lama. Sahabat lama. Seminit saja.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Okey, bagilah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Yang Berhormat bagi Tanah Merah ini dia baru, kali pertama di sini. Sepatutnya Yang Berhormat bagi Tanah Merah kena rujuk kepada Yang Berhormat bagi Gua Musang, orang lama, orang tua kita yang lama, yang pernah jadi Menteri Kewangan yang telah memberi kemajuan yang banyak kepada Kelantan, khususnya jalan-jalan daripada Timur Barat, jalan daripada Gua Musang ke Kuala Lumpur melalui Pahang. Itu semua jasanya. Tetapi beliau tidak pernah mendabik dada ataupun beliau tidak pernah membangga di atas kejayaan Kerajaan Barisan Nasional itu.

Kalau masalah pembangunan, jatuh dan bangun kerajaan bukan masalah pembangunan. Semasa Yang Berhormat bagi Gua Musang menjadi Menteri Kewangan banyak pembangunan yang dibuat tetapi akhirnya jatuh juga kerajaan, tidak ada masalah. Jadi kalau Yang Berhormat berbangga, kata kalau membuat pembangunan menyebabkan Barisan Nasional akan naik, PAS akan jatuh, itu modal lapuk, Yang Berhormat. Tidak betul! Tanya orang Gua Musang ini. Orang yang berpengalaman ini.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Mana soalnya? Cuma hendak komen sahaja ini. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang ini memanglah, dia suka bercakap sedemikian. Kita tahu bahawa pembangunan semasa Yang Berhormat bagi Gua Musang menjadi Menteri Kewangan, kita dapat lebuhraya daripada Gua Musang ke Kuala Krai. Hari ini kita tahu lebuhraya ini tidak lagi dapat menampung kenderaan untuk membangunkan negeri Kelantan, khususnya dari pintu masuk Gua Musang.

Kita, negeri Kelantan ada empat pintu masuk, daripada Gua Musang, daripada Lebuhraya Timor-Barat, Gerik, daripada Terengganu dan juga daripada Thailand. Jadi, daripada empat jalinan jalan raya menuju ke negeri Kelantan ini kita telah pun mengkaji bahawa satu lebuhraya khusus supaya negeri Kelantan dapat dihubungkan kepada Kuala Lumpur ataupun Pelabuhan Klang dalam tempoh empat jam sahaja, yang mana sekarang ini tempoh perjalanan daratnya adalah enam jam.

Jadi dalam resolusi Majlis Kemajuan Negeri Kelantan kita masukkan perkara-perkara ini dan juga pelabuhan untuk dibina di negeri Kelantan bagi memudahkan hasil-mahsul dan juga industri dapat dibangunkan di negeri Kelantan dan untuk memperkembangkan negeri Kelantan supaya menjadi satu negeri yang boleh menampung pekerja-pekerja dari negeri Kelantan, dan tidak perlu lagi rakyat negeri Kelantan untuk berhijrah keluar dari Kelantan untuk mencari sesuap nasi dan juga mencari pendapatan untuk meneruskan hidup.

Tuan Yang di-Pertua, daripada lima teras yang kita tahu bahawa merupakan teras utama dalam Misi Nasional 2006 hingga 2020, saya yakin iaitu teras yang pertama, kedua, ketiga, keempat dan kelima yang mana saya baca teras kelima iaitu: mengukuhkan keupayaan institusi pelaksanaan negara. Ini adalah penting kerana apa yang diperkatakan sebelum ini terdapat *red-tape* dan juga rasuah yang berlaku di dalam implementasi projek-projek kerajaan melalui jabatan-jabatan kerajaan yang dipertanggungjawab untuk melaksanakan projek-projek khususnya dalam rancangan-rancangan yang lepas.

Hari ini kita dapat contoh yang baik daripada Yang Berhormat bagi Santubong. Contohnya, di mana terdapat 286 projek yang telah pun diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan, tetapi hanya empat sahaja dapat dilaksanakan di negeri Sarawak. Jadi, inilah sebagai contoh, *delivery system* yang perlu kita perkemaskan untuk kita menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan nanti.

Saya cukup menyokong kepada cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu untuk menubuhkan Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (BBPN). Yang pertama ialah untuk memantau projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan nanti dan yang keduanya memantau program masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera bagi generasi baru. Ini adalah penting untuk menjayakan program-program yang telah dirangka.

Saya juga menyokong di mana di bawah badan bertindak ini ada satu lagi badan yang mengawal iaitu Direktorat Pelaksanaan Negara (DPN) yang juga diterajui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri dan juga pakar-pakar daripada pemimpin dan juga mereka yang mempunyai pengetahuan di dalam bidang yang berkenaan.

Di sini saya mencadangkan supaya pakar-pakar ini juga diambil daripada Ahli-ahli Parlimen yang mempunyai kepakaran tertentu supaya dapat memberi input untuk menjayakan program dalam rancangan Malaysia nanti.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa sahabat saya telah menyentuh berkenaan dengan *delivery system* yang sudah ada di peringkat pelaksanaan iaitu projek-projek yang melibatkan *design and build*, iaitu projek yang melibatkan reka dan bina, di mana ia menjadi satu kontroversi yang besar kepada impak pelaksanaan di dalam negara kita. Rata-rata ada yang berpendapat positif dan ada yang berpendapat negatif, iaitu kejayaan dan kegagalan kepada projek-projek yang dilaksanakan secara reka dan bina.

Hari ini pelaksanaannya telah dibuat dalam Rancangan Malaysia Kelapan lepas dan kita nampak beberapa kebaikan dan juga keburukan. Contoh adalah di mana pelaksanaan reka dan bina ini dapat dilaksanakan dengan cepat kerana melantik kontraktor, konsultan dan juga PMC dalam kumpulan yang sama ataupun diketuai oleh *lead consultant* yang dipanggil PMC ataupun *Project Management Consultant*.

Jadi, ini yang mengelirukan kita di mana berlakunya kegagalan di dalam projek yang tidak dapat disiapkan kegagalan struktur kepada pembangunan ataupun jalan raya yang dibina melalui kontrak ini. Ini tidak saya nafikan bahawa ada kebaikan dan juga keburukan. Cuma hari ini saya bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya pada minggu lepas di Dewan yang mulia ini, di mana beliau menyatakan bahawa tidak ada lagi kontrak *design and build* untuk Rancangan Malaysia Kesembilan.

Saya tidak tahu, ini cakap sama ada ini perkara yang betul ataupun satu masa nanti kita dapati ada lagi kontrak *design and build*. Sebenarnya kontrak *design and build* tidak salah, tidak salah untuk dilaksanakan tetapi pembaikan kepada pelaksanaan kalau tidak betul kita betulkan balik. Di mana pelaksanaan kontraktor mengawal bayaran kepada konsultan yang menjaga kontrak ataupun PMC yang mengendalikan pelaksanaan, mewakili pihak JKR.

Jadi, kita kena perbetulkan supaya konsultan ini dipindah di bawah *direct*, dengan izin, kepada JKR ataupun agensi pelaksanaan lain supaya dapat membayar terus, supaya konsultan ini tidak dengar ataupun tidak endah dengan ugutan yang diberi oleh kontraktor supaya meminimumkan *great* konkrit ataupun meminimumkan reka bentuk kepada faktor keselamatan yang minimum dan boleh menjimatkan kos kontraktor untuk melaksanakan pembinaan yang telah diberi ataupun yang telah dianugerahkan kepada kontraktor berkenaan.

Jadi, di sini saya mencadangkan supaya kerajaan mengkaji dari masa ke semasa kerana kemungkinan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan nanti projeknya akan terlampau banyak. Dan, saya bimbang kalaulah tidak ada bantuan, tidak ada sokongan daripada pihak-pihak konsultan untuk mengendalikan reka bentuk sudah pasti pelaksanaan program ataupun pembangunan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan nanti akan juga terbengkalai ataupun akan dilewatkan. Dan, saya yakin.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Ada satu lagi teras. Saya yakin kita perlulah mengambil pendekatan supaya perkara ini dapat diselesaikan dan memberi manfaat secara menyeluruh kepada pembangunan di dalam negara kita. Saya menyeru kepada kerajaan supaya projek universiti yang akan dibina di negeri Kelantan ini dapat dikaji dengan baik supaya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan nanti universiti ini akan tersergam di negeri Kelantan tanpa akan masuk ke Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Dan, saya minta kepada projek-projek lain yang strategik supaya kerajaan memberi kepercayaan penuh kepada agensi pelaksanaan seperti JKR dan lain-lain agensi yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan sebagai PMC teras kepada negara kita untuk mereka melaksanakan projek ini dengan jayanya. Saya minta kepada kerajaan supaya jangan lagi buat kesilapan. Kalaulah kesilapan kita kepada MRR2, kepada MATRADE yang mana kegagalan struktur, saya menyeru kepada kerajaan dan saya yakin kerajaan kita tidak akan buat silap lagi untuk mengulangi kesilapan.

Dan, di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan nanti saya yakin pelbagai pendekatan boleh dibuat dan saya yakin semua kepimpinan dan juga rakyat akan menyokong kerajaan, akan menyokong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan misinya untuk menjayakan program-program dalam Rancangan Malaysia Kesembilan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, teras yang seterusnya iaitu teras keempat, iaitu mempertingkatkan tahap kemapanan kualiti hidup, yang mana kita yakin bahawa kerajaan akan mempertingkatkan lagi tahap kualiti hidup rakyat khususnya di luar bandar. Hari ini kerajaan menjalankan bantuan untuk kesejahteraan rakyat seperti membina perumahan rakyat, sebanyak 43,800 unit rumah kos rendah akan dibina dalam Rancangan Malaysia Kesembilan nanti. Selain daripada itu juga skim PPRT iaitu untuk membantu rakyat yang tidak mempunyai rumah, yang miskin, yang layak untuk menduduki sebuah rumah, walaupun kecil tetapi rumah ini adalah satu kemudahan yang amat penting kepada rakyat.

Saya menyeru kepada kerajaan supaya tambahkan lagi bantuan PPRT untuk membina rumah ini dan yang menjadi masalah di peringkat bawah supaya kerajaan juga memberi perhatian, setelah rumah ini dibina supaya bekalan elektrik juga dimasukkan ke dalam kos pembinaan supaya siap rumah itu, mereka yang menerima bantuan dapat menduduki rumah itu tanpa mencari wakil-wakil rakyat untuk deposit api, deposit elektrik yang mana nilainya hampir RM600 pada hari ini.

Kita wakil rakyat apabila kesian kepada mereka ini sudah pasti akan membantu mereka ini. Dan, saya yakin, saya mintalah kepada kerajaan supaya mengambil kira bekalan elektrik dan juga bekalan air untuk rumah PPRT ini. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada PPRT, kerajaan juga melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad yang banyak membantu rakyat melalui skim rumah mesra rakyat, rumah mampu milik dan hari ini saya nampak di kawasan saya khususnya, beberapa buah rumah telah pun dapat dibina.

Tetapi di sini saya ingin menyarankan kepada kerajaan dan juga SPNB supaya memperlonggarkan sedikit syarat-syarat yang telah dikenakan kepada pemohon supaya mereka ini dapat memohon untuk membina rumah mesra rakyat ini.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya tertarik dengan projek rumah PPRT ini. Kita mintalah supaya pihak-pihak yang berkenaan agar mempercepatkan. Kadang-kadang tunggu lama, Tuan Yang di-Pertua, sampai ada yang mungkin sudah meninggal, menunggu hendak dapatkan kemudahan rumah PPRT ini. Kalau boleh proses itu janganlah terlalu ketat, menunggu sekian lama, banyak sangat alasan-alasan yang diberikan.

Kedua, saya mungkin Yang Berhormat bersetuju supaya kontraktor yang dilantik itu biarlah kontraktor yang benar-benar boleh melakukan kerja-kerja pembinaan rumah kos rendah ini rumah PPRT dan juga gunakanlah bahan-bahan yang mengikut *spec*, mungkin mereka mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan. Jadi apakah salah kalau boleh saya hendak cadangkan pembinaan rumah-rumah PPRT ini kita cadangkan kepada bukan setakat kontraktor kelas 'F' tetapi juga kepada pelatih-pelatih di Pusat Serenti yang mungkin boleh digunakan sebagai tenaga pekerja di samping mereka mendapat pemulihan di Pusat Serenti. Apa pendapat Yang Berhormat dalam hal ini.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Saya bersetujulah dengan pendapat diberikan Yang Berhormat Larut supaya PPRT ini dapat dilaksanakan segera kerana banyak kes-kes tertangguh yang mana sentiasa rakyat di bawah, yang layak bertanyakan kepada wakil-wakil rakyat bila rumah PPRT akan dibina dan apabila lulus setiap tahun ..

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tumpat bangun Yang Berhormat.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: keadaan bilangannya juga terhad. Silakan.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Ringkas sahaja. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Tanah Merah. PPRT ini memang perkara yang amat

penting dan kita sokong sepenuhnya. Saya juga berterima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tanah Merah kerana mengambil berat tentang ini. Sebab sebagai mana yang kita tahu sejarah PPRT ini di bawah seorang Menteri Kabinet dahulu yang sekarang diberi penghormatan untuk memimpin parti Yang Berhormat di Kelantan itu ada rekodnya dan oleh sebab itu saya berharap Yang Berhormat bagi Tanah Merah di Parlimen cakap begini dan di Kelantan nanti pun tekankan pentingnya PPRT ini diamanahkan oleh pemimpin-pemimpin yang benar-benar dapat melaksanakan tugas tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung Yang Berhormat ye!

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Kita sebagai wakil rakyat kita memang berkehendakkan kesejahteraan kepada rakyat. Kalau rakyat di bawah perlukan bantuan maka kita bantu. Kalau hendak rumah kita bagi rumah tetapi jumlahnya terhad. Jadi kita dari masa ke semasa tidak kira pemimpin mana, tidak kira menteri mana yang bertanggungjawab sudah pasti menteri ini juga memerlukan peruntukan yang besar untuk membantu keseluruhan negara ini. Kalaulah Rancangan Malaysia ini memperuntukkan peruntukan yang besar kepada kementerian berkenaan sudah pasti saya yakin, rakyat di bawah dengan jumlah yang banyak dapat menikmati kemudahan ini dengan sebaik mungkin.

Jadi bagi SPMB tadi saya sambung sedikit, saya minta kepada SPMB mencadangkan kepada Kementerian Kewangan supaya tanah yang dipohon untuk membina Rumah Mesra rakyat kita boleh pindahkan ke tanah lain dan buat gadaian tanah yang lain. Kerana ini bermasalah. Kerana tanah di kampung satu geran tanah dimiliki oleh lima orang contohnya, sepuluh orang pun ada. Jadi ini bermasalah. Mereka ini layak tetapi tidak ada tanah dimiliki secara total ataupun secara perseorangan. Saya mencadangkan dengan *value* yang tertentu nilai yang tertentu tanah lain boleh digadai walaupun dibuat di tempat lain. Yang pentingnya kerajaan hendak memastikan bayaran balik dapat diambil oleh kerajaan melalui peminjam-peminjam yang telah diberi kemudahan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai umat manusia 'khalifah' yang dipertanggungjawabkan oleh Allah S.W.T. kepada kita di dunia ini, kita semestinya mentadbirkan dunia ini dan sekarang ini masa kita untuk melaksanakan kebaikan di dunia ini kerana kita tidak akan kekal. Pada satu masa nanti orang lain akan mengambil alih tempat kita dan juga akan mempertahankan kesejahteraan rakyat dan juga makhluk yang ada di muka bumi ini. Dunia ini juga tidak kekal

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: dan suatu hari nanti dunia ini akan berakhir sebagai mana firman Allah S.W.T. [*memetik sepotong ayat Al-Quran*] iaitu "*Hari penghabisan kita akan tempoh dengan hari penghabisan iaitu hari yang tidak ada gunanya anak pinak, harta kekayaan dan kemuliaan yang ada di dunia ini*". Yang pentingnya kita menjalankan tanggungjawab kita dan kita melaksanakan tanggungjawab dengan amanah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Putatan.

4.36 ptg.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut berbahas ke atas ucapan usul pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi di Dewan yang mulia ini pada 31 Mac 2006. Saya akan sentuh perkara 74 di dalam teks ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu membangunkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera generasi baru yang agar memenuhi agensi fasa dua menyusun semula masyarakat dan memastikan penyertaan lebih bererti bumiputera dalam sektor ekonomi.

Saya ingin memetik satu petikan yang mana hak keistimewaan dan posisi oleh orang Melayu di Semenanjung sebagai emas di mana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Artikel 153 yang mana Yang di Pertuan Agong bertanggungjawab untuk mempertahankan hak keistimewaan Melayu. Ini saya petik daripada tulisan *Grouf*

percetakan pada tahun 1964, muka surat 203 dan Sufian Lee dan Findad cetakan 1987 muka surat 380. Di dalam Akta Perlembagaan Perubahan Tahun 1971 ada implikasi yang mustahak dan penting kepada orang-orang natif atau bumiputera minoriti di Sabah dan di Sarawak.

Perubahan Akta itu juga mengubah Artikel 153 yang mana bermaksud penambahan perkataan yang berbunyi *'and native of any of the Borneo state'* dimasukkan selepas perkataan Melayu dengan izin. Dari konteks ini, ini bermaksud natif dari Sabah dan Sarawak diberi status yang sama dengan saudara Melayu dari Semenanjung. Ini semenjak tahun 1971. Dengan izin *'the legal definition of native for Sabah and Sarawak'* boleh dirujuk sebagai Melayu.

Berdasarkan harapan pemimpin-pemimpin dari Sabah sebelum berkongsi dengan pemimpin-pemimpin dari Semenanjung untuk menubuhkan negara Malaysia, saya ingin memetik satu petikan dari surat khabar *North Borneo News* dan *Sabah Times* yang bertarikh 11hb. Januari 1992 yang menyatakan dengan izin *"As far as Kadazan native people were concerned Malaysia would mean that they would be given special privileges to help to raise their standard of living and their standard of education to see that they are given every chance to take part in the business activities of the country"* dengan izin.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara yang semua sudah sedar. Perkara ini telah pun berulang-ulang diungkit dan ditimbulkan oleh wakil-wakil rakyat berkenaan dengan perkara yang sama iaitu kemunduran pihak bumiputera minoriti dari Sabah dan Sarawak. Kita sedia menerima hakikat bahawa kerajaan begitu prihatin tentang kedudukan ekonomi bumiputera di negeri ini dan sekali gus membuat penegasan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1970 sebagai satu langkah menyusun semula masyarakat dengan menghapuskan pengenalan kegiatan ekonomi dengan suku bangsa dan *geography* khususnya merapatkan jurang perbezaan ekonomi di antara golongan bumiputera dan bukan bumiputera dan membasmi kemiskinan di kalangan rakyat Malaysia.

DEB telah digubal sebagai satu dasar *affirmative action* dengan izin untuk meningkatkan ekuiti penyertaan bumiputera dan perdagangan dan perindustrian ke tahap 30% menjelang tahun 1990. DEB telah diteruskan sepanjang pelaksanaan Rancangan Langkah Jangka Panjang Kedua (RRJP2) 1990 hingga 2000 dan sepanjang pelaksanaan RRJP3 iaitu 2000 sehingga 2010. Memandangkan pencapaian sasaran 30 belum lagi dicapai. Malah, pencapaian pada tahun 2005 masih lagi pada tahap 19%. Tambahan pula, agensi pelaksana program-program di bawah DEB, sebahagian besar daripadanya adalah beroperasi di ibu negara Kuala Lumpur, seterusnya di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Manakala, bagi Sabah dan Sarawak, program-program DEB terserah kepada ketua-ketua kerajaan negeri untuk melaksanakannya. Seterusnya, menerima hakikat bahawa oleh kerana pembangunan infrastruktur asas seperti prasarana, pendidikan, prasarana perhubungan dan pengangkutan, kemudahan asas bekalan elektrik, bekalan air, telekomunikasi, jalan raya serta kemudahan fizikal yang berkaitan telah dimulakan dengan lebih awal di Semenanjung Malaysia berbanding dengan Sabah dan Sarawak.

Maka, status kemudahan di kedua-dua wilayah tersebut jauh ketinggalan belakang. Menerima hakikat bahawa ciri-ciri demografi seperti tahap perbandaran minda, tahap pembudayaan budaya niaga, kepelbagaian budaya tradisi, kekurangan akses kepada pasaran dan kemudahan pinjaman, kekurangan kemudahan kepada dunia perniagaan dan perniagaan, kekurangan kepada akses terhadap peluang-peluang ekonomi pada keseluruhannya dan kepelbagaian faktor yang boleh mengakibatkan jurang perbezaan tahap pencapaian ekonomi yang semakin melibatkan di antara masyarakat bumiputera dan terdapat di ketiga-tiga wilayah.

Menginsafi hakikat bahawa keadaan geografi yang jauh terpencil di pedalaman, berbukit-bukau, masalah pengangkutan dan perhubungan, maka kegiatan ekonomi mereka masih lagi terikat dengan kegiatan pertanian sara diri yang amat tidak produktif. Tambahan pula, sebahagian besar daripada mereka menghadapi masalah status pemilikan tanah akibat pertembungan sistem pemilikan tradisi dan adat dengan sistem pemilikan tanah bergeran. Sekali gus mengakibatkan pelbagai masalah tanah termasuklah masalah penilaian tanah pusaka untuk dijadikan cagar pinjaman bank. Kesedaran ini ditambah pula dengan pencapaian pendidikan *native* atau bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak yang rendah berbanding dengan bumiputera di

Semenanjung termasuklah pencapaian yang begitu rendah dalam peperiksaan UPSR, SPM dan STPM. Maka, akibat insiden kemunduran di kalangan isi rumah masyarakat bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak adalah di antara yang tertinggi di negara ini.

Menerima hakikat bahawa jika sekiranya gejala kemunduran di kalangan bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak tidak ditangani sepanjang tempoh RMK-9, maka hasrat kerajaan untuk mencapai kadar kemiskinan kepada tahap 0.5% bagi seluruh negara menjelang tahun 2009 tentu sekali tidak akan tercapai sekali gus, hasrat kerajaan untuk mencapai status maju bagi setiap komuniti negara ini menjelang tahun 2020 juga akan tergugat.

Mengalu-alukan komitmen yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa melancarkan Kongres Ekonomi Bumiputera Minoriti Bumiputera Sabah dan Sarawak pada 7 Februari 2005, bahawa kerajaan akan terus melaksanakan dasar-dasar *affirmative action* dengan izin, kepada bumiputera yang juga komitmen terhadap langkah-langkah khusus untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan pemilikan ekuiti bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak yang telah menjadi adalah satu daripada teras penyusunan semula masyarakat negara yang penting seperti mana yang terkandung dalam OPP3 dan RMK-8.

Mengambil iktibar bahawa sepanjang pelaksanaan RMK-8 dan berpandukan kepada Laporan Kajian Separuh Penggal RMK-8, peningkatan atau penurunan pemilikan ekuiti bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak dalam sektor korporat langsung tidak boleh dikesan, oleh kerana ketiadaan perangkaan dan statistik yang berkenaan dan laporan tersebut, mahupun dalam mana-mana laporan rasmi kerajaan.

Perangkaan tentang pencapaian pembasmian kemiskinan di kalangan pelbagai etnik khususnya, di antara bumiputera dan bukan bumiputera dan juga di antara bumiputera Semenanjung dan bumiputera minoriti Sabah, Sarawak juga tidak ketara dalam laporan. Seterusnya, sasaran penurunan kadar kemiskinan ke tahap 0.5% pada tahun 2005 bagi seluruh negara juga tidak tercapai. Oleh itu, satu sasaran baru iaitu setiap tahun, setibanya tahun 2009 kadar kemiskinan bagi seluruh negara ialah 0.5%. Maka, adalah dikemukakan ketetapan-ketetapan untuk perhatian dan tindakan pihak kerajaan termasuklah memuatkan ketetapan-ketetapan tersebut ke dalam mekanisme pelaksanaan RMK-9 seperti berikut. Maka saya, melalui turut bersama menyokong ketetapan Kongres Ekonomi Bumiputera Minoriti, mengisytiharkan sokongan padu yang tidak berbelah bagi terhadap kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri Malaysia dan Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia terhadap usaha meneruskan kesinambungan proses pembinaan negara bangsa Malaysia yang progresif dan bersatu-padu, selaras dengan matlamat Wawasan 2020.

Saya juga bercadang supaya kerajaan menyusun semula perangkaan dan statistik pengukuran dan penilaian pencapaian serta keberkesanan program-program khususnya, kerajaan membantu bumiputera minoriti dalam tiga perkara utama iaitu:

- (i) meningkatkan pemilikan ekuiti dalam sektor korporat, penyusunan semula guna tenaga dan pembasmian kemiskinan supaya mengikut format yang sesuai dan teratur. Ada jugalah dipohon kalau boleh kerajaan menubuhkan satu Kementerian Hal-Ehwal Bumiputera Minoriti di Sabah dan Sarawak. Fungsi utama kementerian ini adalah memantau dan mengawal selia pelaksanaan dasar-dasar, program-program dan projek-projek yang dikhaskan untuk bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak, khususnya dalam soal pengagihan dan penyusunan semula masyarakat, penyusunan semula guna tenaga, pembasmian kemiskinan, pemilikan ekuiti dalam sektor korporat, pembangunan wilayah dan penyertaan bertindak bumiputera minoriti dan pembinaan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera seperti mana yang diperakui dalam RRJP3 atau OPP3 dan RMK-8;
- (ii) merancang dan menerima cadangan balas dan input terhadap dasar-dasar, program-program dan projek-projek

yang direncanakan khas untuk bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak; dan

- (iii) menyediakan laporan tahunan Kementerian Hal Ehwal Bumiputera Minoriti kepada Parlimen Malaysia tentang pencapaian unit ini, khususnya prestasi dasar-dasar dan program-program, serta projek-projek meningkatkan pemilikan ekuiti di Bursa Saham Malaysia. Peningkatan guna tenaga, pembasmian kemiskinan, pendapatan per kapita dan petunjuk-petunjuk kualiti hidup yang lain. Adalah juga disarankan supaya penuh komitmen yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa melancarkan kongres ekonomi tersebut di Dewan Tun Ismail PWTC Kuala Lumpur bahawa semua kerja kontrak dan pembekalan Kerajaan Persekutuan yang dilaksanakan di Sabah dan Sarawak, hendaklah diberikan kepada bumiputera tempatan masing-masing, termasuklah kerja-kerja kontrak dan pembekalan daripada syarikat GLCs yang beroperasi di Sabah dan Sarawak. Dalam hal ini, pengagihan yang seadil-adil mungkin hendaklah dilaksanakan di kalangan para peniaga bumiputera minoriti. Adalah juga dipohon kerajaan menetapkan satu sasaran minimum pemilikan ekuiti bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak dalam syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Malaysia pada kadar 3% menjelang tahun 2015 iaitu akhir RRJP3 dan RMK-9.

Untuk mencapai sasaran tersebut, adalah dipohon kerajaan supaya melaksanakan program-program sokongan seperti berikut:

- (i) pemberian ekuiti sebanyak 3% daripada jumlah ekuiti melalui terbitan awal syarikat-syarikat yang akan disenaraikan di Bursa Saham Malaysia;
- (ii) memperuntukkan sekurang-kurangnya 10% saham kepada bumiputera *native* di Sabah dan Sarawak dalam setiap syarikat baru milik Kerajaan Persekutuan atau GLC yang akan diswastakan dan juga dalam syarikat-syarikat asing yang telah melabur di Malaysia dan dikehendaki memberi ekuiti tertentu kepada bumiputera;
- (iii) memperuntukkan kesemua saham yang diwajibkan untuk bumiputera di dalam syarikat-syarikat yang terlibat secara langsung dalam aktiviti perniagaan yang diisytiharkan haram di sisi hukum Islam kepada individu atau syarikat milik bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak yang layak.

Seterusnya kerajaan adalah dicadangkan untuk memperuntukkan 60% kontrak-kontrak kerajaan atau kerja-kerja kontrak GLC atau pembelian-pembelian kerajaan kepada kesemua bumiputera, di mana 10% harus dikenal pasti untuk ditawarkan kepada bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak.

Mengenalpastikan program-program sokongan kerajaan yang spesifik khususnya untuk meningkatkan penyertaan bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak dalam perniagaan dan perindustrian, seperti mana yang dinyatakan dalam dokumen RRJP3 dan bagi program-program sokongan kepada bumiputera yang sudah wujud dan berjalan sekarang seperti *vendor development programmes*, *the franchise development programmes* anjuran Petronas, TNB, Telekom dan Proton. *The venture capital scheme* yang dijalankan oleh Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan (PROSPER), Skim Usahawan Tulen, Skim Kilang Bimbingan, Program Pembangunan Usahawan Luar Bandar, Skim Penyediaan Premis Perniagaan oleh MARA, Skim-skim pinjaman seperti *New Entrepreneur Fund for the Small and Medium Industry*, *Fund for Food*, *Tourism Fund* dengan izin, Tabung Kumpulan Ekonomi Usahawan Niaga dan Skim Pembiayaan Kecil dan Skim-skim Pinjaman Mikro yang disalurkan melalui Bank Pertanian dan Bank Simpanan Nasional.

Kerajaan hendaklah memastikan supaya sekurang-kurangnya 10% daripada skim-skim tersebut hendaklah diberikan kepada usahawan bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak. Dewan Perniagaan Bumiputera, Dewan Perniagaan Melayu cawangan Sabah (KCCI dan CCF) perlu dilibatkan diri secara proaktif dalam pembinaan usahawan-usahawan dan menjalankan kerja-kerja *capacity building*, dengan izin di kalangan usahawan serta peniaga masyarakat bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak. Dewan-dewan ini juga patut sedar bahawa budaya niaga adalah suatu yang baru bagi kedua-dua masyarakat bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak. Untuk tujuan tersebut semua dewan ini akan menjalankan program latihan keusahawanan seperti kem-kem bina usahawan termasuklah untuk peserta di kalangan belia, dan beliawanis bumiputera minoriti yang berminat dalam bidang keusahawanan untuk menyelenggarakan program tersebut.

Dewan-dewan masing-masing diberikan oleh kerajaan memberikan geran dengan jumlah yang sesuai sepanjang tempoh RMK-9. Bumiputera minoriti memohon supaya kerajaan melantik usahawan-usahawan di kalangan masyarakat bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak sebagai Ahli-ahli Lembaga Pengarah syarikat-syarikat milik kerajaan iaitu GLC dan badan-badan berkanun kerajaan. Tujuan utama program ini ialah memberi peluang kepada anggota masyarakat bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak mendapat pendedahan dalam pengurusan syarikat-syarikat gergasi yang beroperasi di peringkat antarabangsa. Dalam hal ini sekurang-kurangnya seorang wakil bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak, seorang bumiputera Sarawak dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah bagi syarikat Petronas dan juga anak-anak syarikatnya. TNB dan anak-anak syarikatnya, Telekom dan anak-anak syarikatnya juga syarikat-syarikat seumpamanya.

Kerajaan seharusnya menubuhkan Tabung Pembangunan Tanah Bumiputera Minoriti seperti juga tabung-tabung lain yang telah diwujudkan seperti tabung makanan, tabung pelancongan. Untuk memulakan tabung ini, kerajaan hendaklah menyediakan sejumlah sekurang-kurangnya RM200 juta dalam tempoh RMK-9. Kelulusan untuk pengeluaran dari tabung tersebut hendaklah dikawal selia oleh Kementerian Hal Ehwal Bumiputera Minoriti dan Dewan Perniagaan dan Industri di kalangan masyarakat bumiputera seperti DBBS, DPMM, KCI dan DCI boleh diselaraskan memberi sokongan terhadap permohonan-permohonan kepada tabung ini.

Tujuan utama tabung ini adalah sebagai modal pusingan untuk menyertai dalam pembangunan pertanian dan industri asas tani supaya masyarakat bumiputera minoriti dapat menyahut dan menyertai seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memperhebatkan industri pertanian, khususnya untuk meningkatkan nilai tambah hasil-hasil pertanian secara *biotech* dan moden. Adalah juga dicadangkan bahawa kerajaan melalui Bank Negara memberi mandat kepada kesemua bank-bank perdagangan dan yang beroperasi di Sabah dan Sarawak supaya mempelbagaikan hak tanah pusaka bergeran atau *title native customary right* dan sebagai cagaran pinjaman bank seperti yang sudah diamalkan oleh MayBank, Bumiputera Commerce dan RHB Bank pada masa kini.

Kerajaan haruslah juga memberi insentif cukai melalui pemberian pelepasan cukai kepada syarikat-syarikat kepunyaan bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak yang menjalankan industri asas tani ini. Kerajaan seharusnya menubuhkan satu jawatankuasa pembasmian kemiskinan di setiap daerah terutama sekali di Sabah dan Sarawak yang akan berperanan dan berfungsi seperti berikut:

- (i) mengenal pasti secara terperinci dengan pendekatan dan kaedah yang telus dan adil setiap isi rumah yang berpendapatan di bawah garis kemiskinan dan di bawah garis kemiskinan tegar setiap kampung dan rumah panjang;
- (ii) mengenal pasti program-program di bawah Skim Program Kesejahteraan Rakyat (SPKR) dan kesemua program-program pembasmian kemiskinan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Program-program pembasmian kemiskinan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Skim Pelaburan ASB untuk membasmi kemiskinan. Program perumahan rakyat dan seumpamanya ataupun program-program baru kemudian diberikan kepada isi rumah miskin yang sudah dikenal pasti mengikut kesesuaian;

- (iii) memantau dan menilai prestasi pelaksanaan program-program dan projek-projek berkenaan untuk memastikan supaya kumpulan sasaran benar-benar melaksanakan program yang dirancang dan diberi kepada mereka;
- (iv) menyediakan laporan tahunan prestasi kepada pihak atasan yang memerlukan laporan tersebut.

Dan *last* sekali, akhir sekali, saya bercadang untuk kerajaan, untuk menambahkan peruntukan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) di Sabah dan Sarawak untuk membolehkan agensi ini beroperasi di setiap daerah di kedua-dua wilayah untuk membuka lebih banyak cawangan sepanjang tempoh RMK-9, dan saya yakin AIM ini adalah salah satu daripada agensi Kerajaan Persekutuan yang terbukti berjaya mengeluarkan para peserta kepada bawah garis kemiskinan terutama sekali di kalangan wanita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dah habis Yang Berhormat?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ya, bagi *chance* sama Tuaran dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Cadangan Yang Berhormat tentang peruntukan yang lebih kepada AIM, kalau kita tengok dalam dokumen Rancangan Malaysia Kesembilan ini, sebenarnya banyak penekanan telah dibuat untuk Amanah Ikhtiar Malaysia dan juga peruntukannya. Persoalan di sini ialah di negeri Sabah, kita mempunyai Yayasan Usaha Maju yang mengambil pendekatan seperti juga dengan AIM iaitu geran bank. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan juga, pihak Kerajaan Persekutuan memberikan peruntukan kepada Yayasan Usaha Maju supaya program-program pembasmian kemiskinan yang selama ini dijalankan oleh AIM itu juga akan ditokok tambah oleh Yayasan Usaha Maju? Terima kasih.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih sahabat dari Tuaran. Memang adalah juga dicadangkan bahawa Yayasan Usahawan ini yang secara aktif, yang telah pun beroperasi di Sabah juga dipohonlah, saya tertinggal yang ini Yayasan Usaha dalam teks ucapan saya, maka saya setuju untuk ditambahkan peruntukan. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya beri peluang kepada Pasir Mas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas, bagi peluang kepada dia Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tak payahlah Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua panggil. Yang Berhormat bagi Pasir Mas, sila. Yang Berhormat sudah habis cakap?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Belum, belum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Pasir Mas?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Dia minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sudah habis tadi?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Bukan, bukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila habiskan ucapan Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat sudah...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Okay. Dengan itu saya mohon menyokong.

[Ketawa gamat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas sila.

5.00 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sudah nyanyuk sedikit ya?

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ngantuk.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Membaca selawat ke atas junjungan Nabi Muhammad s.w.t dan membaca sepotong ayat Al-Quran].* Pertama sekali saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana pada petang yang baik berbahagia ini saya berkesempatan sama untuk sama-sama mengambil bahagian dalam memperkatakan sesuatu tentang Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada hari Jumaat yang lalu.

Yang kedua saya mengucapkan terima kasih banyak kepada Yang Amat Berhormat yang telah mengemukakan pandangan-pandangannya dan garis panduan supaya RMK-9 ini dapat dijalankan dengan lancar dan baik sehingga masalah-masalah yang ditimbulkan oleh sebahagian besar daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada penyokong kerajaan dan bukan penyokong kerajaan dapat dilaksanakan dalam masa dan tempoh yang telah ditentukan.

Saya berterima kasih juga kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memukadimahkan dengan izin iaitu memulakan ucapannya dengan sepotong ayat Al-Quran karim *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* yang bermaksud ialah "Allah S.W.T yang menjadikan kamu daripada bumi dan Dia Allah S.W.T menuntut kamu supaya kamu memakmurkan bumi ini".

Jadi dengan pembukaan ini kita supaya ia benar-benar terlaksana dan dilaksanakan dengan penuh keikhlasan, telus dan bertanggungjawab bukan sahaja di hadapan Parlimen, di hadapan Tuanku Yang di-Pertuan Agong tetapi bertanggungjawab kepada Al-Khaliq kepada Allah S.W.T yang memberi kesempatan waktu dan masa juga negara ini untuk diurus dengan baik kerana ayat itu mesti disertakan dengan ayat di awal surah Al-Baqarah di mana Allah S.W.T menyebut *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* "Ingatlah wahai Muhammad, ingatlah wahai manusia di waktu mana Allah S.W.T berfirman kepada malaikat dengan menyatakan bahawa Allah S.W.T mahu menjadikan di muka bumi ini khalifah memerintah".

Ulama yang tersohor iaitu Al Imam al-Mawardi, dalam kitabnya Al-wilayahul Sultaniah yang matinya pada tahun 450H yang menyebut definisi khalifah ini iaitu *[Menggunakan bahasa Arab]* Khalifah ini bermaksud iaitu galang-ganti kepada Nabi di dalam menegakkan agama dan di waktu yang sama *[Menggunakan bahasa Arab]* mengurus dunia ini melalui ciri-ciri dan sifat-sifat agama yang telah diturunkan oleh Allah S.W.T kepada Nabi Muhammad s.a.w.

Kalau dipandukan dengan ayat yang telah saya bacakan tadi memberi suatu kekuatan sebagai pemangkin untuk meneruskan Rancangan Malaysia Kesembilan sehingga ianya dirasai sungguh kepada 'jaliat' kepada golongan-golongan minoriti di negara kita sebagai Sabah dan Sarawak tadi.

Saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Sabah dan Sarawak sabarlah. Tidak ada perkara yang lebih baik daripada sabar. Barangkali ia tidak dapat di zaman kita, ia dapat di zaman anak cucu kita. Minta sabarlah. Barangkali kita mati tidak lama lagi. Yang Berhormat juga meninggal dunia tetapi didatangi silih berganti oleh anak cucu kita. Tidak dapat tahun ini, tahun hadapan, tidak dapat tahun hadapan 10 tahun lagi. Tidak dapat 10 tahun lagi. Tidak dapat 10 tahun lagi 50 tahun lagi. Sabarlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Macam orang Kelantanlah Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ha, itu dia sabar. Jadi apa yang saya hendak tekankan di sini iaitu saya berterima kasih dengan mukadimah yang baik tadi dan disudahi dengan doa. Tidak disentuh oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat lain. Ada doa. Barangkali Yang Berhormat bagi Pasir Puteh akan tambah banyak.

“Ya Allah Engkaulah juga yang maha berkuasa lagi maha mengetahui atas segala-galanya di antara yang baik dengan yang buruk, antara yang nyata dengan yang ghaib, lindungilah kami daripada bencana dan malapetaka”

Saya mengharapkan dan berdoa kepada Allah supaya doa Yang Amat Berhormat ini diterima oleh Allah.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh pula.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas sahabat saya. Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak tanya cuma hendak minta penjelasan. Surah tadi memanglah saya belum berucap lagi tapi *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* ini surah Hud ini termasuk orang UMNO yang Islamkah, termasuk orang PAS atau termasuk juga DAP atau MCA dan MIC maksud ayat ini diturunkan dan dicitak. Minta penjelasan sedikit. Belum tanya itu.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat ustaz kita bagi Pasir Puteh.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* “Allah menjadikan kamu”. Kamu ini seluruh manusia. Allah menjadikan kamu seluruh manusia di atas muka bumi ini kemudian di ayat-ayat lain itu ada khusus tapi Allah S.W.T menjadikan kamu bukan setakat manusia. Allah menjadikan binatang, pokok kayu dan seluruhnya tetapi dijadikan benda-benda itu adalah untuk kegunaan manusia dan yang terbaik daripada kalangan manusia iaitu “Attakum” yang bertakwa kepada Allah S.W.T.

Saya sambung lagi iaitu saya berdoa supaya Allah S.W.T kabulkan apa yang didoakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tinggal lagi Tuan Yang di-Pertua ada satu perkara yang mesti kita selesaikan iaitu supaya doa kita diterima oleh Allah S.W.T kita jangan lupa di sana bahawa Allah S.W.T meminta daripada kita sebagai pemimpin supaya kita melakukan keadilan kepada rakyat di bawah naungan kita. Kerana itulah Allah S.W.T menyebut *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dan Muslim menyebut bahawa di hari kiamat nanti tidak ada satu bayang pun yang dapat melindungi manusia melainkan bayangan daripada Arasy Allah dan ada tujuh golongan manusia yang akan berada di bawah bayangan Arasy Allah iaitu *imamuladil* pemerintah yang adil. Bagi doa kita diterima Allah S.W.T tertakluk dengan kerja kita iaitu selaku kita pemimpin maka kita mesti adil.

Jadi saya kaitkan supaya kita melakukan keadilan. Jangan ada di sana diskriminasi, jangan ada di sana tindas-menindas, jangan ada di sana pilih kasih, jangan ada di sana pilih warna, jangan ada di sana itu ini, jangan ada di sana PAS - UMNO dan kita *check* balik. Saya bimbang takut-takut ada di sana tahanan-tahanan politik kita sebagaimana yang telah saya sebutkan dalam ucapan saya pada minggu lepas. Saya bimbang orang yang tidak kena-mengena dengan apa yang telah dikenakan oleh kerajaan. Tahanan ISA contohnya, mesti dikaji semula. Barangkali saya boleh setuju dengan ISA dalam sesetengah hal. Tetapi saya tidak boleh setuju dalam banyak hal.

Kita mesti *check* semula apakah yang telah kita kenakan kepada anak Tuan Guru Nik Abdul Aziz, Menteri Besar Kelantan itu betul atau tidak. Bawa beliau ke mahkamah pengadilan. Kalau dia salah katakan salah kalau dia tidak salah bebaskan dia, kesian kepada dia. Anaknya lima, enam orang. Isterinya daripada Kemboja. Sekolah dia bagaimana, isteri dia bagaimana dan ramai lagi tahanan-tahanan lain. Supaya doa kita diterima oleh Allah S.W.T., mesti kita selesaikan yang itu. Kerana doa, *(Membaca sepotong ayat Al-Quran)*. Allah S.W.T. menyebut bahawa tiga perkara, tiga jenis doa yang tidak ditolak oleh Allah S.W.T. dia antaranya, Al-Mazlum, orang yang dizalimi oleh kita.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Bila mereka berdoa kepada Allah, waktu itu Allah S.W.T. terima doanya dan kalau Allah doa.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum saya hendak tanya pasal ISA ini, tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa seolah-olah tidak ada keadilan dari segi agihan, kemudahan oleh kerajaan. Tetapi masalahnya Yang Berhormat, apabila orang-orang PAS dapat bantuan, kebajikan baik, PPRT baik, tidak tutup mulut. Dia pergi hangatkan lagi kepada orang-orang penyokong UMNO ini. Umpamanya, kami tidak sokong UMNO pun dapat, orang UMNO sokong sama UMNO dapat apa? Ini jadi masalah. Apa salahnya kalau di situ sudah ada keadilan, biasa saya bagi penjelasan sedikit, bersyukur kepada Allah S.W.T. sebagai orang Islam. Alhamdulillah getah naik, bersyukur. Ini mengapi-apikan lagi provokasi.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Macam ISA, ISA Yang Berhormat. Tang mana Yang Berhormat katakan tidak ada keadilan yang Yang Berhormat menafikan. Zalimnya kerajaan bila ada ISA. Ada rakan kita dalam ini yang masih lagi bebas jadi wakil rakyat macam Tumpat itu, tahanan ISA. Tumpat ada lagi, Kepong, siapa lagi?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Cukup, cukup sudah saya.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jadi apa masalahnya? Yang Berhormat, tolonglah Yang Berhormat kalau orang PAS kebanyakanlah tidak tahulah Yang Berhormat, kalau melakukan kesilapan bertaubatlah lebih awal sebelum pintu taubat itu tutup apa pandangan Yang Berhormat dalam hal ini? Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Mari sama-sama kita bertaubat kepada Allah S.W.T. Bagi saya tidak masalah, (*Membaca sepotong ayat Al-Quran*), Allah S.W.T. menyebut (*Membaca sepotong ayat Al-Quran*). Taubatlah kamu kepada Allah tidak kira PAS tidak kira UMNO. Apa saya bercakap tadi bukan, saya tidak menuduh bahawa kerajaan tidak melakukan keadilan. Saya tidak menuduh, tidak ada dalam *Hansard*, saya tidak ada. Cuma saya minta supaya kerajaan berlaku keadilan kepada semua pihak. Barangkali Yang Berhormat Larut tidak ada di waktu ucapan daripada....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Contoh lagi Yang Berhormat Pasir Mas....

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:daripada aman tadi daripada

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:Kelantan PAS perintah kita buat universiti tidak ada masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, minta penjelasan dulu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Itu PAS yang memerintah. Sebagai contoh, Rantau Panjang dia memang

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Duduk dulu, duduk dulu. Ini forum saya duduk dulu, saya bagi, saya bagi. Kita bercakap perlahan-lahan insya-Allah. Tidak perlu kuat, tidak perlu. Mintalah minta supaya kita *check* semula kalau salah kata salah, kalau tidak salah bebaskan dia dan ramai lagi sahabat-sahabat kita yang berada dalam tahanan. Saya baca ayat Al-Quran dulu, (*Membaca sepotong ayat Al-Quran*). Kalau Kamu Ya Allah, Nabi Muhammad dengan Allah ini. Kalau Kamu Ya Allah kamu mengazabkan mereka yang Islam yang beriman kepada Allah dengan dosa-dosa mereka Kamu azabkan mereka. Maka mereka adalah hamba Kamu juga Ya Allah.

Tetapi kalau Kamu lepas mereka Kamu tidak akan kurang daripada martabat kamu pada kehebatan Kamu. Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bebaskan

anak Tuan Guru Nik Abdul Aziz dan sahabat-sahabatnya tidak kurang juga hebat Perdana Menteri kita. Seluruh orang puji Perdana Menteri kita.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ledang bangun.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya kata boleh Yang Berhormat bersetuju?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya bagi Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasihlah Yang Berhormat bagi Pasir Mas sebab semasa saya berucap pun saya beri Yang Berhormat mencelah. Cuma Yang Berhormat bagi Pasir Mas, saya memang percayalah bahawa doa orang-orang yang dizalimi ini amat mujarab, amat mujarab yang itu saya tidak nafikan. Sama ada kita berpengalaman atau tidak sebenarnya saya yakin semua berpengalaman apabila kita dizalimi doa kita memang mujarab. Tetapi saya hendak tanya satu kepada Yang Berhormat.

Bagaimana pula doa orang yang memang menzalimi diri mereka sendiri. Sebab ada orang-orang ini dia sudah tahu yang kerja buat itu tidak betul, sebab yang Maha Mengetahui ini Allah S.W.T., sama ada tindakan itu betul atau tidak, dia rasa betul tetapi sebenarnya tidak betul. Dia menzalimi diri mereka sendiri. Misalnyalah hendak buat bom meletupkan diri sendiri, hendak mengajak orang lain meletupkan negara Malaysia dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya bersetuju dengan apa yang telah diberi pandangan Yang Berhormat daripada Ledang tadi. Kalau dia melakukan kezaliman, dia bertanggungjawablah dengan apa yang telah dia lakukan. (*Membaca sepotong ayat Al-Quran*), sekiranya kamu buat baik, buat baik dapat kebaikan, kalau kamu buat jahat, jahat. Sekarang ini Nik Adli sekarang ini saya minta supaya kerajaan bawa dia ke mahkamah pengadilan. Tidak tahu enam tahun tanpa diadili, ini suatu perkara yang luar biasa. Enam tahun tuan-tuan, Yang Berhormat. Kalau setahun, dua tahun, tiga tahun, empat tahun, boleh juga tahan. Enam tahun.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Kalau kita pelihara seekor burung, burung Merbok yang jantan, ada maka di waktu itu wajib kepada kita kena cari yang betina letak dekat dia. Putus hubungan keluarga dengan isteri dengan anak dengan waris, dengan apa. Ini merupakan suatu, ha jawablah sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu, hendak bagi jalan?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta Yang Berhormat membetulkan sedikit apabila Yang Berhormat membaca ayat tentang bagaimana Rasulullah berbicara dengan Tuhan tentang martabat dan Yang Berhormat mengumpamakan Perdana Menteri tadi. Menyamakan kedudukan Perdana Menteri, Yang Berhormat kata sama juga dengan Perdana Menteri. Jadi Yang Berhormat kena betulkan dekat situ.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya tidak samakan, mana boleh sama Allah S.W.T., tetapi usluknya. Yang Berhormat kena faham juga bila kata Allah mendengar kita mendengar apakah sama? Allah melihat kita melihat apakah sama? Tidak sama penglihatan Allah dengan Tuhan tentang penglihatan kita. Saya sebut tadi nabi Muhammad saw berdoa kepada Allah S.W.T. Kalau Kamu Ya Allah mengampunkan mereka, tidak kurang juga Ya Allah. Saya ambil bahasa sama juga saya turunkan kepada kita. Ertinya suatu ajaran kepada kita.

Kalau kita pukul anak kita, kita pegang kayu kita pukul patah kayu. Orang mari dekat kita, "Pak cik kalau pak cik pukul anak pun, anak pak cik juga, kalau pak cik bebas pun, tidak kurang juga martabat pak cik." Apa masalahnya? Kita bandingkan kita kiaskan benda ini. Kalau ucapan saya tidak betul ada dua. Saya kira ramai ustaz yang ada dalam Parlimen pada petang ini.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ustaz Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih. Menyentuh masalah ISA ini. Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya mengatakan atau saya buat andaian, penahanan kepada anak Yang Berhormat Tuan Guru Datuk Menteri Besar ke dalam ISA ini adalah semata-mata untuk menjadikan Yang Amat Berhormat Tuan Guru itu hilang penumpuan mereka itu terhadap pentadbiran kerajaan negeri Kelantan. Tidak usah kiralah yang Larut itu dia kaki bodek, apa yang dibuat Perdana Menteri itu semua betul itu lain cerita itu. *[Ketawa]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Barua.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya bersetuju benar dengan pandangan Yang Berhormat Rantau Panjang bukan setakat itu. Barangkali untuk memalukan, untuk memalukan Yang Berhormat Tuan Guru Nik Abdul Aziz kerana tidak ada cara lain dah. Saya berpindah daripada yang, saya pergi yang kedua. Saya hendak jawab isu yang ditimbulkan kerana kami tidak ada menteri di sini hendak tolong jawab. Yang diterima oleh Yang Berhormat daripada Tanah Merah dan Pasir Puteh walaupun Pasir Puteh mencelah tadi.

Pertama sekali kita hendak tanah, pusat hendak tanah. Kelantan tidak ada wang, tanah ada wang tidak ada, nafsu besar, bernafsu. Ini yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Pasir Puteh. Saya terima kasihlah kepada sahabat saya, sepengajian dengan saya di Kaherah dulu. Saya terima kasih. Saya hendak sebut, kalau kerajaan negeri Kelantan bakhil tidak bagi tanah kepada kerajaan pusat saya nafikan dalam forum pada petang ini. Saya sempat catat di sini bagaimana kerajaan negeri Kelantan khususnya di Pasir Mas yang saya salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa tanah Pasir Mas. Kita meluluskan berpuluh-puluh rizab Melayu.

Di antara lainnya saya sebut, Sekolah Sultan Ibrahim 1, 2, 3. Di bandar, Sekolah Rendah Datuk Hamid 1 dan 2, sekolah rendah dan sekolah menengah. Sekolah Menengah Perempuan, Sekolah Bestari Kubang Bumbang, Sekolah Menengah Bunut Susu, Sekolah Menengah Pangka Kala, Sekolah Menengah Kedondong, Sekolah Menengah Lema, Sekolah Menengah Gelang Emas, Sekolah Menengah Kasar, Sekolah Menengah Tendong dan berpuluh-puluh lagi sekolah-sekolah juga balai-balai polis yang telah diluluskan tanahnya oleh Kerajaan negeri Kelantan kerana tanah milik Kerajaan Negeri Kelantan.

Jadi di mana lagi tidak ada, tidak ada sebab yang menuduh bahawa kami tidak beri tanah. Pergilah bila-bila Tok Guru Nik Aziz, 24 jam buka. Tanah kita beri caranya kalau hendak buat perkara-perkara maksiat di atas tanah yang kami beri, kami tidak berilah, itu satu syarat. Luar daripada syarat itu silakanlah Yang Berhormat Pasir Puteh, saya bercakap dengan daerah Kelantan, 'silakan' lah Yang Berhormat Pasir Puteh pergi sana pergi ke Kelantan, minta tanah daripada Kerajaan Negeri Kelantan kerana lebih daripada itu.

Hospital yang kedua terbesar di negeri Kelantan, di kawasan Yang Berhormat Rantau Panjang, Hospital Lati. Tanah rizab Melayu, tanah rizab Melayu ini jatuh air mata kita hendak beri keluar tanah ini. Kita beri kepada Kerajaan Pusat, kita beri kepada Kerajaan Persekutuan, kerana kita tahu bahawa Kerajaan Pusat, Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri ini di bawah semangat *federalization*, hubungan kita dengan pusat sama dengan hubungan tangan. Kami di Kelantan Yang Berhormat-Yang Berhormat ibaratkan 'dengan tangan, tangan kaki'. Pusat duduk di sini *[sambil menunjukkan kepada Dewan di mana kedudukan pusat]* pusat tidak cari makan, tangan yang cari makannya. Tangan cari makan pusat duduk sahaja, tangan cari, kaki tangan mata cari, akal cari kemudian makanan itu makan bawa turun ke pusat betul atau tidak? Apabila sudah jadi darah daging maka patutlah pusat ini hantar ke tangan balik, ini pusat tidak bagi ke tangan jadi tangan cacat. Kalau tangan cacat pusat mana ada makanan.

Jangan takbur, Yang Berhormat daripada Barisan Nasional jangan takbur mengatakan bahawa pusat itu lebih kalau tidak kerana negeri-negeri mana pusat ada. Kalau tidak ada tangan, kaki, mana pusat ada, tidak boleh. Alhamdulillah kerana tangan kita kerja kuat, contohnya kenderaan di negeri Kelantan dan rakyat Kelantan

ada 1,400,000 dan '200,000' rakyat Kelantan berpindah, bukan hijrah, tetapi berpindah. Rakyat Kelantan ulang-alik daripada Kelantan, Kuala Lumpur dan berbagai-bagai lagi.

Jadi 1,200,000 ini sebahagian besar daripada rakyat Kelantan ini ada kereta semua. Dahulu saya bilang, dahulu paling-paling tidak, ada kereta sorong ini Yang Berhormat, kereta tolak ini ada, paling paling tidak ada. Kalau tidak juga mesti ada kereta yang kalau tidak ada, yang tidak ada kereta ini kalau kita pergi ke kampung betul-betul ini yang daif, yang daif iaitu orang UMNO, orang PAS tidak ada.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya tidak buka cerita ini tetapi oleh kerana saya ditempelak begitu hebat tadi, saya dukacita sungguh dengan Tanah Merah yang mengatakan bahawa rakyat Kelantan berhijrah kerana mencari sesuap nasi. Rakyat Kelantan berhijrah, tinggal Kelantan berhijrah mencari sesuap nasi, Tanah Merah mesti minta maaf dengan rakyat Kelantan, minta maaf. Tanah Merah kalau ada juga di sini, dia kena minta maaf, sahabat saya. Rakyat Kelantan kalau mana-mana dia pergi dia bukan minta sedekah, dia bukan bawa tempurung, dia bawa cerdik, dia bawa akal nya. Orang Kelantan ini apabila dia pergi ke mana-mana dia miskin setahun sahaja. Dia pergi mana-mana pun setahun sahaja dia miskin, dalam tahun kedua dia tidak miskin pun, dia dipanggil seperti mana orang berkata iaitu "lega sudah". Masuk tahun kelima sudah jadi orang kaya, itu biasa dan kalau kita guna istilah hijrah tidak betul.

Hijrah ini mesti difahami benar dalam istilah agama, "hijrah" ini ertinya "dia berpindah dari satu tempat dan dia tidak akan balik bermastautin semula pada tempat dia" sebagaimana Rasulullah. Rasulullah berhijrah daripada Mekah pergi ke Madinah dan Nabi Muhammad s.a.w. tinggal di Madinah sepanjang hidup dan mati di Madinah, itu berhijrah. Istilah tidak betul sudah guna, orang Kelantan ulang-alik, dia pergi ke Singapura kerana di Singapura gajinya lumayan, tinggi, gajinya besar di Singapura. Bekerja di ladang-ladang di Malaysia gajinya murah, pergi ke Singapura, buat balik duit, buat rumah batu, buat rumah besar pakai kereta, adakah? Dia keluar dari bebanan miskin kepada dia jadi orang kaya, apakah benda ini aib? Saya rasa tidak aib.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas, gaya Yang Berhormat bercakap itu sudah boleh ambil tempat 'musyridil am' PAS yang saya nampaklah. Hakikatnya Yang Berhormat Pasir Mas, adakah Yang Berhormat masih lagi menafikan sebenarnya peluang pembangunan sosioekonomi di Kelantan itu tidak mengizinkan perkembangan fikiran, pembangunan hati berlaku di Kelantan dan mereka terpaksa mengembangkan keupayaan mereka itu di luar negeri Kelantan, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Bukan sahaja Kelantan tetapi di mana-mana pun. Orang Kedah ada di Kuala Lumpur, orang Perak ada di Kuala Lumpur, orang Johor ada di Kuala Lumpur, ini biasa. Kalau Yang Berhormat Yang Berhormat menolak warkah ini atau realiti ini, seolah-olah Yang Berhormat menolak suatu pandangan yang hebat yang dipakai oleh UMNO dan Kerajaan Barisan Nasional.

UMNO dan Kerajaan Barisan Nasional sentiasa guna buku muqadimah Ibnu Khaldun dalam hujah dia, tetapi apabila Yang Berhormat menyebut ini seolah-olah Yang Berhormat menolak pandangan Ibnu Khaldun sendiri, [sambil menyebut sepotong Al-Quran] izinkan saya sebut dengan matan bahasa Arabnya dan sekali gus saya terjemah; "Manusia dengan manusia sama ada di darat atau di kampung ataupun di bandar. Manusia sesama manusia walaupun di mana mereka berada, mereka sebenarnya menjadi khadam kepada setengah yang lain". Ini Ibnu Khaldun seorang ulama yang terkenal di zamannya. Ulama 'Ijtima', ilmu 'iltisadi' yang terkenal mengutarakan satu pandangan yang diterima oleh UMNO dan diterima oleh Kerajaan Barisan Nasional tetapi, mengapa dalam masalah ini tidak boleh terima? Ini termasuk di dalam ayat Al-Quran, [sambil menyebut sepotong ayat Al-Quran] "Apakah kamu beriman dengan setengah kitab dan kamu tidak percaya dengan setengah kitab yang lain?" Seolah-olahnya begitu. Jadi

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Sedikit celah, takut habis masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung Yang Berhormat.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Nanti gulung lagi, dia sambung esok. Tuan Yang di-Pertua, Pasir Mas bagi laluan, dia abang saya. *[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]* Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya bukan hendak potong ayat Al-Quran dan ayat Al-Quran atau hadis itu memang jelas. Tinggal lagi, kaedah-kaedah kita kena pakai juga "Syadul Zarai" boleh kerajaan wujud ISA. Tadi Larut sebut saya hendak sebut balik, "Syadul Zarai" ini kerajaan boleh mewujudkan ISA untuk mencegah keburukan, tetapi dia hendak ambil orang itu dia kaji, buruk tidak buruk untuk dibawa ISA.

Yang keduanya, satu lagi, saya tidak mengatakan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan tidak beri tanah untuk Federal, memang state bagi kepada *Federal land title* untuk sekolah, untuk balai polis tetapi satu maksud saya tadi ialah kenapa kita asyik beri juga tanah kepada individu yang bukan rizab Melayu itu dijadikan *freehold*. Itu tolong tengok.

Yang ketiganya, saya cadangkan kepada Yang Berhormat gantikan 'mursyidul am', sebab Yang Berhormat cakap sedap kerana 'mursyidul am' kita jadikan dia penasihat, kalau dapat bubar Dewan ini, cepat sedikit lah. Setuju atau tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, minta gulung Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua, ketua saya rasa "Syadul Zarai" ini ada tujuannya untuk menyekat perkara-perkara yang buruk dan sebagainya. Maka lebih awal lagi, sekarang ini ternyata 6 tahun, setahun boleh, dua tahun boleh, kita 'makkul' dua tahun diterima akal, tetapi 6 tahun, saya rasa tak boleh sudah. Bukan "Syadul Zarai" ini lagi.

Yang kedua fasal pembahagian tanah dan sebagainya iaitu biasa dibuat, pusat membuat dan membangun negeri, itu yang dikatakan payah, kalau dia kata payah kepada PAS, Barisan Nasional juga payah, kalau kita beri pun tidak kena, tidak beri pun tidak kena. Sekarang ini kita cuba bagi tidak kena, kalau tidak beri kita kata kita mundur pula. Kita cuba hendak membangun di negeri Kelantan, cubalah Kerajaan Pusat bantu negeri Kelantan dan beri sebagaimana negeri lain. Sekarang ini asyik banding, Kelantan, Kota Bharu berbanding dengan Kuala Lumpur. Jangan banding Kota Bharu dengan Kuala Lumpur kena banding Kota Bharu dengan Kuantan, dengan Melaka, Kuantan dengan Muar, Kota Bharu dengan Muar cuba banding. Saya rasa kalau yang tidak pergi sekarang ini ketinggalan zaman sekarang ini. Pasar raya yang terbesar sekarang ini di negeri Kelantan tidak ada di Kuala Terengganu. Berapa buah pasar raya dibina di negeri Kelantan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Patung Buddha yang besar pun di negeri Kelantan juga kan? Yang tidur, yang baring.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya ada satu lagi. Saya kira bahawa dalam menjayakan kehendak dan hasrat kerajaan yang saya katakan tadi yang diguna oleh Yang Berhormat bagi Tanah Merah di mana mengatakan bahawa saya bersetuju, memang saya bersetuju, bukan saya, kepimpinan PAS bersetuju. Tetapi tinggal lagi bagaimana pelaksanaannya. Kita bimbang, takut-takut Rancangan Malaysia Kesembilan ini akan menjadi mangsa sebagaimana Rancangan Malaysia Kelapan, yang ketujuh, yang keenam dan sebelum daripada ini. Ia bukan merupakan satu rentetan sejarah ataupun perjalanan-perjalanan ke arah yang lebih maju tetapi nyata sekarang ini berapa projek-projek yang tertunda yang mesti dibawa ke dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Ini menunjukkan bahawa ada sesuatu yang tidak kena yang mesti diperbaiki kerana itulah dasar-dasar. Dasar baik tetapi pelaksanaannya. Dasar pendidikan walaupun pada satu ketika kita mengatakan bahawa dasar pendidikan yang selalu terumbang-ambing, Dasar Razak, Dasar Khir Johari dan pelbagai dasar ada. Kemudian dasar sekarang ini sehingga dasar-dasar ini memamahkan anak orang Islam, anak orang Melayu, sehingga tidak boleh baca Yasin dalam sesetengah kajian yang dibuat di sekolah-sekolah menengah. Tidak boleh baca Yasin! Hendak baca al-Quran, Yasin pun tidak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Yang kedua pula.... Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya akhir, dengar ini apa yang disebut oleh Rasulullah s.a.w. [*Membaca hadis*] Nabi Muhammad s.a.w memberi satu pemangkin yang begitu kuat supaya negara ini dapat diurus dengan baik, pertama sekali dengan keadilan pemerintah. Pemerintah kita saya tidak kata tidak adil tetapi kita hendak yang lebih adil, yang a'dal, yang terlebih adil daripada Thailand, terlebih adil daripada negara-negara jiran kita. Kita negara Islam, disebut sebagai negara Islam, maka dasar kita dasar Islam.

Yang keduanya, [*Membaca hadis*] dengan ilmu cendekiawan, ilmu ulama dalam Islam dan ulama-ulama cendekiawan. Kita gabungkan ahli cerdik pandai daripada Barisan Nasional, cerdik pandai daripada PAS, cerdik pandai daripada DAP dan cerdik pandai daripada negara kita ini kita himpun mereka dan kita boleh semaikan supaya lahir sesuatu yang terbaik.

Dan yang ketiga, [*Membaca hadis*] supaya orang kaya ini, korporat-korporat pemurah, tangan mereka pemurah dan kita hendak melahirkan orang macam in, bukan korporat yang kedekut. Kita tidak mahu belajar tinggi jadi ahli korporat, kemudian hanya semata-mata untuk kepentingan diri sendiri. Tidak ada dalam apa yang disebut oleh Allah S.W.T. [*Membaca ayat al-Quran*] Mereka mengutamakan kepentingan orang lain walaupun diri dia susah, diri dia sesak. Orang Kelantan kata sesak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Yang keempat, tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, kalau sepuluh panjang lagi, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tamak itu. Itu tamak!

Seorang Ahli: Mursyidul Am Pas yang baru.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Akhir sekali, iaitu kita kena...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Memang layaklah ganti Nik Aziz.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: ... ada masa auliyah, mesti ada bertanggungjawab dengan Allah S.W.T dan mesti kita ada u'budiyah, kita mesti juga merasa ibadah kerja kita dan sekali lagi kita mesti masukkan juga unsur khidkhan iaitu semangat bekerja, semangat berjuang dan semangat meneruskan kerja-kerja kita ini sehingga lahir satu negara yang terbaik yang diredhai oleh Allah S.W.T, insya-Allah. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Dungun.

5.34 ptg.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun untuk menyokong gagasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Rancangan Malaysia Kesembilan baru-baru ini. Walaupun prestasi ekonomi dunia...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan, penjelasan. [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sambung esok.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan tidak dapat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun. *[Ketawa]*

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.36 petang.